

DR.17.7.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17 Julai 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Kebenaran Bercuti

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961 saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Daim Zainuddin, Ahli bagi kawasan Merbok dari 16 Julai hingga tamat sidang Dewan Rakyat yang berjalan sekarang.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Kewangan menjelaskan kedudukan rizab luar negara sekarang ini. Apakah benar kemerosotan rizab luar negara beberapa bulan kebelakangan ini akibat peningkatan bayaran yang dibuat ke luar negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan terkini rizab antarabangsa pada 30 Jun 2001 iaitu berjumlah RM98.85 bilion atau US\$26.01 bilion. Tahap rizab ini cukup membiayai 3.9 bulan import tertanggung. Kedudukan rizab ini agak berkurangan berbanding dengan tahap tahun lepas. Ini adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh pengurangan jumlah hasil eksport negara akibat kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan kerapuhan ekonomi Jepun serta kelembapan permintaan barangan elektronik dunia.

Di samping itu, pengurangan ini juga disebabkan oleh pembayaran balik hutang luar negara, pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara, pengaliran

keluar portfolio, pelaburan jangka pendek dan pengurangan aliran masuk pelaburan langsung asing. Kemerosotan dalam rizab negara juga disebabkan oleh kerugian daripada penilaian semula kadar pertukaran bagi setiap suku tahun oleh Bank Negara Malaysia berikutan pengukuhan mata wang Dollar Amerika.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan rizab sebenarnya telah kembali stabil sejak akhir-akhir ini. Jumlah rizab mula kembali mencatatkan peningkatan daripada RM98.55 bilion pada akhir Mei 2001 kepada RM98.85 bilion pada akhir bulan Jun 2001.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita akui bahawa kedudukan rizab sudah agak bertambah baik, tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam jangka masa panjangnya adakah kedudukan rizab ini ataupun dengan izin, *level reserve* ini membimbangkan. Dan saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan keadaan rizab ini tidak akan terus menurun. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tahap rizab bagi sesebuah negara khususnya negara yang sedang membangun dianggap selamat bila tahapnya cukup membiayai tidak kurang daripada tiga bulan import tertanggung. Seperti saya sudah kata tadi tahap rizab Malaysia masih cukup untuk membiayai selama 3.9 bulan punya import tertanggung, maka boleh kita mengatakan bahawa tahap rizab negara kita masih selamat dan tidak sampai satu tahap membimbangkan. Kerajaan memang sedang merangka beberapa strategi untuk mengatasi kemerosotan ataupun pengurangan rizab negara, di antaranya termasuk mengurangkan pelaburan Malaysia ke luar negara. Kita cuma akan membenarkan pelaburan ke luar negara pelaburan yang dianggap amat strategik sahaja, dan keduanya kita sedang berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan pada masa yang sama kita sedang berusaha juga pertingkatkan khususnya sektor perkhidmatan termasuk pelancongan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan juga sektor insurans khususnya dalam bidang di mana kita masih mengalami dan menghadapi *trade deposit*. Kita juga sedang berusaha untuk mengurangkan jumlah pekerja asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan unjuran kerajaan, bagaimanakah kedudukan rizab luar ini untuk suku ketiga dan suku keempat tahun ini, adakah akan terus merosot ataupun stabil, naik tidak mungkin barangkali.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat tidak dengar jawapan saya sebentar tadi bahawa saya sudah mengatakan bahawa kedudukan rizab sebenarnya telah kembali stabil kalau dibandingkan bulan Jun dengan bulan Mei tahun ini juga sudah meningkat.

Tuan Mustafa bin Ali: Betul, saya tak nafi meningkat betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak boleh macam itu. *[Ketawa]* Yang Berhormat tidak dibenarkan demikian.

Dato' Chan Kong Choy: Memang sudah meningkat. Saya yakin bila strategi-strategi yang mengatakan bahawa untuk menstabilkan rizab negara dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya saya yakin bahawa rizab boleh meningkat. Baru-baru ini memang ramai orang khuatir bahawa bila jiran kita Singapura telah mengalami teknikal recession bahawa kita mungkin akan mengalami recession juga, ini tidak benar kerana ekonomi Malaysia lebih 'broad base' kalau dibandingkan dengan Singapura. Maka kita masih yakin bahawa kita mencapai *overall GDB growth* pada tahun ini.

2. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana kementerian dan jabatan yang telah berpindah ke Putrajaya dan yang belum berpindah serta apakah terjadi kepada bekas-bekas bangunan di Kuala Lumpur dan bagaimana tahap pengangkutan awam yang disediakan untuk ke sana.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak 17 kementerian atau jabatan Persekutuan sudah pun berpindah ke Putrajaya. Sementara sebanyak 20 kementerian atau jabatan pula masih belum berpindah. Bangunan pejabat yang dikosongkan oleh kementerian atau jabatan yang berpindah ke Putrajaya akan digunakan untuk menempatkan kementerian atau jabatan atau cawangnya yang perlu kekal di Kuala Lumpur.

Bagi kemudahan pegawai atau kakitangan dan orang ramai berulang-alik dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, perkhidmatan bas disediakan oleh syarikat swasta. Perkhidmatan ini termasuklah bas sewa khas khusus untuk kakitangan awam dan bas awam biasa. Selain itu, bagi kemudahan pengangkutan dalam kawasan Putrajaya itu sendiri perkhidmatan bas pengantara sudah disediakan oleh Perbadanan Putrajaya. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat

memberitahu berapa jumlah kos yang akan dibelanjakan untuk menyempurnakan segala perpindahan pejabat kerajaan dari Kuala Lumpur ke Putrajaya dan apakah kerajaan berasa ia mampu menanggung segala kos dan adakah kerajaan bercadang supaya menyewa atau menjual tapak bangunan yang sedia ada di Kuala Lumpur kepada swasta yang berminat. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun soalan ini terlalu spesifik tetapi saya boleh beritahu, perbelanjaan yang telah kita gunakan untuk pemindahan parcel A dan parcel B iaitu daripada Jabatan Perdana Menteri yang mana perbelanjaannya sebanyak RM660,000. Untuk kementerian-kementerian lain ianya akan ditanggung sendiri oleh kementerian-kementerian yang berkenaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya bangunan-bangunan lama itu dijual kepada swasta, sebenarnya saya nyatakan tadi setakat ini kita belum ada cadangan kerana saya sudah nyatakan tadi bahawa kompleks-kompleks yang telah berpindah ke Putrajaya kita berikan kepada jabatan-jabatan yang masih kekal di Kuala Lumpur. Sebagai contoh, Kompleks JPA kita serahkan kepada Universiti Malaya, Kompleks Jalan Duta akan digunakan oleh MITI, MIDA dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri, Wisma Putera pula akan digunakan oleh Institut Diplomas dan Hubungan Luar dan seterusnya memang pihak kerajaan ada perancangan untuk menyerahkan kepada jabatan-jabatan yang masih kekal di Kuala Lumpur.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang tidak dinafikan bahawa setelah semua 37 jabatan berpindah ke Putrajaya akan menjadikan Putrajaya itu pusat administrative yang sempurna. Saya ingin tahu sama ada kerajaan bercadang untuk menjadikan Putrajaya sebagai satu pusat legislative di masa-masa akan datang.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Buat masa ini kita belum ada perancangan untuk kita berpindah, maksudnya Parlimen Yang Berhormat maksudkan. Buat masa ini belum ada, tetapi kita percaya perkembangan dan pembangunan sentiasa kita akan kaji dari masa ke semasa untuk keperluan sesuatu masa. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kriteria yang diambil kira oleh LAN (Lembaga Akreditasi Negara) dalam meluluskan permohonan penubuhan sesuatu IPTS. Adakah kriteria lokasi, persekitaran dan keselesaan tempat tinggal pelajar yang diambil kira.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan permohonan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan. Lembaga Akreditasi Negara bertanggungjawab hanya untuk menilai mutu kursus yang ditawarkan dan menentukan tahap mutu itu.

Kriteria diambil kira untuk meluluskan penubuhan sesuatu IPTS adalah seperti berikut:-

- rasional penubuhan;
- wawasan dan misi IPTS;
- organisasi dan pentadbiran IPTS;
- pembangunan tenaga pengajar dan staf lain;
- sumber kewangan;
- kesesuaian premis dan pembangunan fizikal;
- pengurusan pelajar;
- pembangunan akademik;
- kesesuaian program riadah dan kokurikulum bagi pelajar; dan
- proses jaminan kualiti.

Bagi memastikan pelajar IPTS dapat mengikuti pengajian dengan selesa, kriteria lokasi, persekitaran dan tempat kediaman pelajar jikalau disediakan juga diambil kira dalam menentukan kesesuaian premis sejajar dengan program akademik yang hendak ditawarkan. Sekian.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bilakah kelulusan diberi kepada IPTS Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan adakah syarat-syarat telah diguna pakai. Di manakah lokasinya, kerana tadi ada katakan kesesuaian lokasi. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelawaan yang telah dibuat oleh Menteri Pendidikan terhadap penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), peringkatnya ada pada peringkat pelawaan.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Pada peringkat pelawaan itu bermaksud bahawa kita akan memerlukan banyak lagi maklumat sebelum kelulusan diberikan tentang penubuhan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Melihat kepada perkembangan IPTS di negara kita, kita dapat melihat permasalahan-permasalahan yang timbul di kalangan pelajar-pelajar IPTS, walaupun Yang Berhormat Menteri telah pun menyebut kriteria-kriteria yang diperlukan bagi menubuhkan IPTS tetapi apakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa banyak IPTS ini lokasinya adalah di kawasan-kawasan perniagaan, rumah-rumah kedai dijadikan tempat pelajar-pelajar belajar dan juga rumah-rumah kedai juga dijadikan tempat pelajar-pelajar tinggal dan ini juga melibatkan program-program francais dengan universiti-universiti awam di negara kita UPM, UKM, UTM yang mana pelajar-pelajar tidak langsung mendapat keselesaan dari segi kemudahan bahan-bahan rujukan, library, kemudahan komputer dan yang lebih penting lagi persekitaran yang ada itu tidak langsung menjuruskan pelajar-pelajar ini kepada suatu suasana pendidikan yang boleh membantu mereka ke arah suatu prestasi yang lebih baik kepada mereka.

Jadi, setakat ini saya yakin apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri adalah indah khabar daripada rupa.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya, Yang Berhormat?

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu komen mengenai permasalahan yang timbul di kalangan pelajar IPTS yang mengikuti IPTS di lokasi di kawasan-kawasan perniagaan dan sebagainya.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita mengambil kira perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam memberi kebenaran tentang penubuhan IPTS-IPTS. Sekian.

4. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas] minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah jaminan negara terhadap pasaran komoditi getah dan kelapa sawit terus stabil, sekali gus memberikan harapan kepada peneroka di negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya mohon izin untuk menjawab bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 1 Ogos 2001 dan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pada 2 Ogos 2001.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat memberi jaminan sepenuhnya terhadap pasaran komoditi getah dan kelapa sawit memandangkan Malaysia bukan pengeluar barang tunggal komoditi-komoditi tersebut. Malahan kestabilan pasaran komoditi getah dan kelapa sawit adalah bergantung kepada faktor pasaran bebas dan pasaran antarabangsa iaitu dari segi penawaran dan permintaan serta faktor sentimen pasaran berkenaan. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha sedaya upaya supaya pasaran komoditi getah dan kelapa sawit akan terus stabil di masa hadapan bagi mendapat peneroka dan pekebun kecil.

Sehubungan dengan itu, beberapa langkah untuk membantu menstabilkan pasaran komoditi getah dan kelapa sawit telah dimaklumkan secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama di Dewan yang mulia ini, pada 27 Mac 2001 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pekebun kecil dan peneroka getah, kerajaan telah mengadakan beberapa program secara jangka pendek dan juga secara jangka panjang.

Secara jangka pendek, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan misalnya memberikan bantuan khas bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan bebanan mereka akibat kejatuhan harga getah.

Antara langkah-langkah itu ialah:-

- (i) Bantuan penggunaan sistem torehan kekerapan rendah atau yang dikenali sebagai LITS sebanyak RM1,000 sehektar secara grant kepada pekebun kecil yang memiliki saiz kurang daripada empat hektar. Bagi mereka yang memiliki saiz kebun lebih daripada empat hektar pula, mereka akan diberi bantuan secara 70% grant dan secara pinjaman 30% daripada RM1,000 se hektar yang akan diberikan.
- (ii) Bantuan menggalakkan pekebun kecil mengeluarkan susu getah cair ataupun *fluid latex*, dengan izin, sebanyak 30 sen sekilogram dan sebanyak 10 sen sekilogram bagi getah beku skrap berdasarkan 100% kandungan getah kering, ataupun dengan izin, *dried rubber content*.
- (iii) Elaun sara hidup kepada pekebun kecil termiskin di bawah program sosial FELDA, FELCRA dan RISDA.

- (iv) Bantuan kepada pekebun kecil untuk meningkat pendapatan melalui program pertanian intensif dan program tanaman kontan melalui Kementerian Pertanian. Di samping itu kerajaan telah juga mengadakan skim khas pembelian getah (SKPJ) pada masa getah mengalami kejatuhan harga yang teruk misalnya dalam tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, secara jangka panjang pula, kerajaan sedang dalam usaha mengadakan kerjasama dengan negara-negara pengeluar tanaman getah iaitu Thailand dan Indonesia, ini adalah kerana Malaysia yang kini merupakan pengeluar keempat terbesar dunia selepas Thailand, Indonesia dan India tidak berupaya mengawal pengeluar dan mempengaruhi harga pasaran dunia secara persendirian.

Sehubungan dengan itu, ketiga-tiga negara telah bersetuju untuk bekerjasama dan melaksanakan antaranya langkah-langkah yang seperti berikut:-

- (i) menubuhkan, dengan izin, Tripartite Rubber Corporation (TRC) dengan sokongan atau facilitated by ketiga-tiga kerajaan untuk pemegangan stok;
- (ii) menggalakkan penubuhan, dengan izin, trading consortium di kalangan sektor swasta ketiga-tiga negara bagi tujuan pemasaran strategik;
- (iii) mempertingkatkan perdagangan getah di antara ketiga-tiga negara; dan
- (iv) melaksanakan kawalan pengeluaran mula tahun 2002 dengan tujuan untuk mengurangkan pengeluaran oleh ketiga-tiga negara sebanyak 4% setahun tertakluk kepada kajian semula setiap dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pasaran kelapa sawit pula, kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk menstabilkan harga komoditi ini. Antara langkah-langkah tersebut ialah:-

- (i) membenarkan eksport minyak sawit tanpa duti;
- (ii) menggalakkan penggunaan minyak sawit sebagai bahan bakar;

- (iii) mempercepatkan tanaman semula 200,000 hektar kelapa sawit yang melebihi umur 25 tahun berjaya mengurangkan stok minyak sawit ke paras 1.2 juta metrik daripada 1.5 juta metrik tan;
- (iv) menawarkan skim kemudahan melalui kredit, dengan izin, *Palm Oil Credit Payments Arrangement (POCPA)* kepada negara-negara yang berpotensi membeli minyak sawit Malaysia;
- (v) menyediakan perdagangan timbal balas dengan pembayaran minyak sawit setakat ini jumlah dagangan melibatkan bayaran minyak sawit adalah AS\$121 juta;
- (vi) menghantar misi teknikal dan ekonomik komoditi sawit ke beberapa negara pengguna dunia pada tahun 2001 kementerian merancang untuk menghantar misi ke Afrika Selatan, Mozambique, Columbia, Brazil, Venezuela, Morocco, Libya, Mesir dan Lebanon;
- (vii) mengadakan kerjasama antara pengeluar utama seperti dengan negara Indonesia dan promosi pemasaran bersama R&D dan pelaburan ; dan
- (viii) mempertingkatkan kegiatan R&D dan menjurus kepada meningkatkan penggunaan sawit sebagai bahan asas dan meningkatkan kualiti produk yang di eksport bagi memperluas dan mempelbagaikan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi, langkah-langkah jangka pendek berhubung dengan getah adalah merupakan bantuan khas yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pekebun kecil dan mengurangkan bebanan mereka akibat kejatuhan harga.

Langkah-langkah penstabilan harga adalah merupakan langkah jangka panjang. Oleh itu, keberkesanannya hanyalah akan diketahui setelah ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sementara itu, kesan dari langkah-langkah kepada sektor kelapa sawit pula lebih positif di mana harga minyak sawit mentah telah meningkat daripada RM690 semetrik tan pada hari langkah-langkah itu diumumkan iaitu pada 20 Februari 2001 kepada RM1,170 pada hari kelmarin hingga pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha yang saya nyatakan tadi diharap dapat menyumbang ke arah penstabilan pasaran komoditi getah dan kelapa sawit serta akan membantu memberi harapan kepada peneroka dan pekebun kecil berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada jawapan yang begitu panjang yang telah diberikan tadi. Cuma saya masih lagi belum mendapat jawapan yang benar-benar serius dalam menyelesaikan masalah getah dan kelapa sawit. Soalan tambahan saya ialah apakah benar kerajaan terlalu perlahan mengambil tindakan dalam memulihkan pasaran sawit dan getah yang menyebabkan ramai di kalangan peneroka kelapa sawit dan getah keluar dari kebun-kebun mereka untuk mendapat kerja-kerja di lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dan sekali gus mereka meninggalkan ladang-ladang mereka dan apakah langkah terbaik bagi menjamin pasaran ini sehingga peneroka kita merasa masa hadapan mereka terjamin sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi jawapan yang begitu panjang lebar di dalam Dewan ini, tetapi nampaknya pihak Yang Berhormat belum lagi mengerti dan apa juga jawapan yang saya akan beri maka ia menganggap tidak serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang kita ambil telah pun mengakibatkan kenaikan harga yang begitu ketara sekali dan skim-skim yang kita beri kepada pekebun-pekebun getah dapat membantu sara hidup mereka. Dan saya berpendapat bahawa Yang Berhormat tidak mempunyai cadangan apa-apa pun dalam Dewan yang mulia ini, selain daripada mengkritik apa langkah-langkah yang kita telah ambil.

Yang Berhormat, saya berpendapat bahawa apa Yang Berhormat katakan bahawa kita tidak serius tentang menangani masalah ini adalah tidak tepat dan saya berharap kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai cadangan yang lebih baik lagi, sila kemukakan kepada saya dan saya akan mengkaji dan menyelidik apakah yang patut kita laksanakan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa kerajaan telah memulakan satu skim subsidi penanaman semula kelapa sawit,

replanting scheme. Skim ini adalah begitu baik dan dapat respons yang begitu positif oleh pekebun-pekebun kecil. Soalan saya, sebab skim ini adalah satu yang dapat meningkatkan produktiviti dan menolong pekebun-pekebun kecil, mengapa skim ini walaupun baru dimulakan begitu cepat diakhiri iaitu 30 Jun, bolehkah kementerian memberi pertimbangan kepada rayuan pekebun-pekebun kecil supaya skim ini dapat dipanjangkan kepada akhir tahun ini. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memanglah skim ini telah pun kita maklumkan bahawa kita akan menutup permohonan ini pada 30 Jun yang lalu dan kita telah pun panjangkan kepada 31 Julai pada tahun ini. walau bagaimanapun, matlamat kita untuk menanam semula sebanyak 200,000 hektar pada ketika ini permohonan telah pun melebihi 150,000 hektar yang telah pun dikemukakan oleh pihak swasta dan juga pekebun-pekebun kecil.

Oleh kerana masa yang kita telah tetapkan itu dan matlamat kita yang telah kita tetapkan ialah 200,000 hektar, maka pelaksanaannya harus dilaksanakan dan kita akan mengambil kira tentang pelaksanaan. Jadi, oleh itu kita telah panjangkan kepada 31 Julai dan sekiranya perlu dan kita tidak mendapati sasaran kita, maka kita akan mempertimbangkan permohonan itu. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin] tidak hadir]

6. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan merancang menambahkan elaun khas kepada guru yang mengajar bahasa ibunda seperti bahasa kebangsaan, Mandarin dan bahasa Tamil bagi menarik lebih banyak tenaga pengajar yang sesuai dan berkelayakan untuk menceburi dalam bidang pendidikan, sekiranya ada, bila dan sekiranya tidak, kenapa.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sememangnya bercadang untuk menaikkan kadar elaun guru kelas bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan bahasa Cina. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 Mei 2001 telah bersetuju mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam membuat kajian untuk menaikkan kadar elaun tersebut. Kajian mengenai perkara ini telah pun selesai dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kementerian Kewangan. Sekian.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan guru sandaran ini di negara ini untuk semua bahasa dan apakah langkah yang berkesan yang telah pun diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan sekolah-sekolah yang memerlukan guru ini dapat gurunya dan bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan yang kurang masa kini? Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai data di hadapan saya secara lengkap untuk memberikan gambaran tentang kekurangan guru dan bilangan guru sandaran yang digunakan.

Mengenai langkah berkesan untuk mengatasi perkara ini, selain daripada menentukan ada guru sandaran, guru sandaran ini juga diberikan peluang untuk mendapatkan kelulusan dalam bidang masing-masing melalui kursus-kursus maktab perguruan dan juga melalui kursus-kursus yang dijalankan secara sepenuh masa ataupun melalui kursus semasa cuti dan perkara ini sedang berjalan dan berjalan nampaknya dengan baik terutamanya bagi guru-guru dalam bahasa Cina. Sekian.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, dalam kawasan saya sememangnya wujud pembahagian guru bahasa ibunda yang tidak seimbang, sebagai contoh, SMK Taman SEA mempunyai lima orang guru bahasa ibunda, walaupun hanya mempunyai 11 kelas bahasa ibunda sahaja. Sekolah Menengah Kelana Jaya, Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Utama dan lain-lain pula mengalami keadaan kekurangan guru bahasa ibunda.

Masalah ini timbul akibat mengikut pemahaman saya, akibat daripada tindakan Jabatan Pendidikan Negeri yang menganggapkan guru bahasa ibunda sama dengan guru mata pelajaran lain semasa menempatkan guru. Adakah kementerian memberi pertimbangan supaya tidak mempersamakan guru bahasa ibunda dengan guru mata pelajaran yang biasa dan membenarkan penolong pengarah bahasa Cina yang menyelaraskan kelas bahasa Mandarin menyertai dalam kerja menempatkan guru bahasa ibunda. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kita memang hendakkan keadaan di mana di setiap sekolah ada bilangan guru yang seimbang. Bagi sekolah-sekolah yang disebutkan itu, ini adalah perkara-perkara yang spesifik, saya akan meminta data-data daripada Ahli Yang Berhormat dan akan meminta Jabatan Pendidikan Negeri untuk menyiasat perkara ini.

7. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] minta Perdana Menteri menyatakan setelah lama Perdana Menteri menetapkan jemaah menteri, menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri mengisytiharkan harta mereka, sampai di mana keberkesanannya sehingga kini. Kenapa Perdana Menteri tidak pernah memaklumkan di Parlimen ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, anggota pentadbiran dikehendaki mengisytiharkan harta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepertimana yang ditetapkan melalui Surat Pekeliling oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertarikh 29 Ogos, 1981.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota pentadbiran perlu mengisytiharkan harta mereka setiap dua tahun sekali. Sehingga kini keseluruhan anggota pentadbiran sudah pun mengisytiharkan harta mereka kecuali beberapa orang anggota pentadbiran yang baru dilantik seperti Setiausaha -setiausaha Politik yang sedang menyediakan laporan pengisytiharan harta masing-masing.

Pengisytiharan harta oleh anggota pentadbiran tidak dimaklumkan kepada Parlimen oleh kerana tidak ada peraturan yang memerlukan ianya dimaklumkan kepada Parlimen. Terima kasih.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Dalam rekod Jabatan Perdana Menteri, adakah di antara sekian ramai itu mereka yang agak degil tidak mengisytiharkan harta mereka dan daripada sekian ramai menteri-menteri, menteri besar dan ketua menteri yang mengemukakan jumlah pemilikan harta masing-masing itu, adakah tidak di antaranya yang meragukan Perdana Menteri dan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil terhadap individu berkenaan? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah menyatakan tadi, bahawa setiap anggota pentadbir, apabila mereka dilantik, menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan juga menteri besar Barisan Nasional, yang Kelantan dengan Terengganu ini kita pun tidak tahu dia isytihar ataupun tidak, kita pun kalau boleh hendak tahu juga harta-harta menteri besar ini.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat telah dinyatakan tadi, bahawa laporan yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan setiap anggota pentadbir ini ada di antara mereka yang sudah memang ada harta, sebab itulah setiap dua tahun daripada tarikh ia dilantik setelah dua tahun ia dilantik, laporan dibuat dan kajian juga dibuat kepada anggota pentadbir tersebut dan penilaian akan

dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada tambah ataupun tidak harta-harta mereka dan itu adalah prerogatif kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat penilaian tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Pada pendapat saya, bahawa penilaian harta yang dibuat sekarang ini adalah satu proses yang sebenarnya tidak memberi kesan apa-apa, sebab dalam kes yang kita lihat umpamanya kes yang berlaku kepada bekas Menteri Besar Selangor yang ditangkap yang melibatkan duit RM2 juta, RM3 juta di Australia maknanya tidak dapat dikesan oleh Perdana Menteri sendiri.

Dan yang keduanya, yang berlaku kepada bekas Menteri Besar Pahang yang terpaksa dibuat laporan oleh Yang Berhormat daripada Beserah yang sehingga kini pun tidak ada apa-apa, jadi ertinya keberkesanan kepada proses ini tidak berlaku. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin kepada Menteri-Menteri Besar Barisan Nasional tetapi harus diingat, Menteri Besar Negeri Selangor yang dimaksudkan itu, oleh kerana perisytiharan harta yang tidak betul telah didakwa di mahkamah dan mahkamah dapati beliau tidak bersalah. *[Ahli-ahli Pembangkang menyampuk]*Tun, bila kita...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat...Yang Berhormat...Yang Berhormat...Yang Berhormat, biarlah dia jawab, ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya pun tidak faham. Ini keputusan mahkamah. *[Disampuk beberapa Ahli Pembangkang]* Mana-mana Menteri Besar kalau tidak mengisytiharkan harta dengan betul seperti yang berlaku kepada bekas Menteri Besar Selangor yang lama telah didakwa di mahkamah dan mahkamah dapati beliau tidak bersalah. Jadi, ini keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah.

Dan juga bekas Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat pun nyatakan sedang di dalam laporan dan di dalam proses. Jadi, habis laporan ini dibuat, maka kita kena tunggu penyiasatan yang dibuat.

Jadi mengenai Menteri Besar ini Yang Berhormat, termasuklah Menteri Besar Terengganu ini Tun, saya pun hendak tahu juga sebab kalau mengikut ceramah yang diberi oleh Yang Berhormat Parit Buntar di RTV1 pada 1995, betul atau tidak

betulnya, Parit Buntar boleh sahkan. Dia menyatakan rumah Menteri Besar Terengganu ini Tun, tangganya dibuat daripada kayu beluti dua kali lima, rumah Yang Berhormat Menteri Besar Terengganu ini ada dua bilik setengah, diasingkan pula dengan zing-zinc yang dicat dengan cat kayu. Jadi, kita pun hendak tengok juga betulkah dakwaan Yang Berhormat Parit Buntar ini. Kalau betul rumah Menteri Besar ini begitu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Dia bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Bolehkah Tun?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, ini Yang Berhormat, bila.....ini kita hendak tahu juga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Oi, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini Yang Berhormat Parit Buntar berceramah di RT V 1 Sungai Panjang.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kita boleh bawa melawat, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, kalau dakwaannya betul....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah! Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Terus bercakap tetapi Pembesar Suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang! Siaplah. Baiklah. Yang Berhormat Tuan Lee Kah Choon.

8. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bilakah cukai import dan cukai jualan berjumlah 30% ke atas telefon bimbit akan dihapuskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kewangan telah menghapuskan cukai import sahaja sebanyak 20% ke atas telefon selular berkuat kuasa pada 14 Jun 2001. Walau bagaimanapun, cukai jualan sebanyak 10% ke atas telefon selular masih dikekalkan. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang menghapuskannya kerana cukai tersebut adalah cukai penggunaan yang sewajarnya, mempunyai asas

yang luas iaitu, dengan izin, broadbased tax dan adalah sumber penting hasil kerajaan. Sekian.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pengumuman untuk menurunkan cukai telefon bimbit telah membawa kekeliruan kepada pengguna kerana pengurangan harga telefon bimbit yang ditunggu-tunggukan tidak materialize . Saya harap kementerian dapat menerangkan jikalau menghapuskan cukai import telefon bimbit ini tidak akan memberi manfaat kepada pengguna tetapi akan menggalakkan import, mengapa kementerian tidak menghapuskan cukai ke atas komponen telefon bimbit yang boleh menyebabkan penurunan harga telefon bimbit dan juga menolong pengilang-pengilang tempatan.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong yang begitu prihatin kepada pengguna telefon selular. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat dan pandangan syarikat-syarikat yang ditemui sebelum penghapusan duti import itu, tidak ada satu pun yang mengimport telefon dalam bentuk unit yang lengkap iaitu completely built-up (CBU) yang dihapuskan duti yang dinyatakan. Mereka juga memaklumkan bahawa tidak ada syarikat lain yang mengimport dalam bentuk CBU. Telefon selular adalah diimport dalam bentuk semi-knocked down yang mana duti import yang dikenakan kepada importer atau distributor adalah di antara 3% hingga 5%. Ini dilakukan terutama untuk bersaing dengan telefon selular yang diseludup.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pemantauan yang dibuat oleh kementerian saya, selepas pengumuman penghapusan duti import iaitu pada 26 Jun 2001 pada keseluruhannya terdapat penurunan harga telefon selular tetapi bukan semua model atau jenama menurunkan harganya dan ini bergantung kepada syarikat-syarikat atau model-model tersebut.

Mengikut satu pemantauan lagi di pasaran runcit analisis yang dibuat mendapati berlaku penurunan harga di semua negeri di antara 0.5% hingga 37% dan penurunan harga runcit tertinggi dicatatkan di Kelantan manakala peratus penurunan yang terendah ialah di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, masih terdapat tempat-tempat di mana harganya masih tidak berubah dan di pasaran borong analisis yang dibuat ke atas harga borong mendapati penurunan harga juga telah dikesan di negeri Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Kadar penurunan tertinggi ialah 25% yang dicatatkan di Melaka dan kadar terendah ialah 1% yang dikesan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekian.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat kepada penurunan cukai import ini walaupun diisytiharkan oleh pihak kerajaan turun pada kadar 20% pada 14 Jun yang lalu, kesannya tidak pergi kepada pengguna. Sebaliknya, keuntungan ini disalahgunakan oleh kebanyakan pihak pengeluar ataupun peniaga kerana kalau kita perhatikan harga yang dikeluarkan ataupun harga telefon bimbit ini adalah jauh berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat sebagaimana yang Yang Berhormat katakan tadi.

Umpamanya, kalau di Kelantan harganya RM800 tetapi kalau kita datang ke Kuala Lumpur harganya RM500 sedangkan perbezaan yang telah diturunkan oleh kerajaan hanya sama rata. Saya ingin tahu sejauh manakah pemantauan ini yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian supaya keadaan ini tidak menindas para pengguna dan juga tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang telah mengambil peluang di atas penurunan cukai ini. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Pemantauan kementerian saya dibuat di seluruh negara dan harga-harga telefon selular yang saya sebut tadi bergantung kepada syarikat-syarikat dan model dan jenama. Di sini satu pemantauan yang dibuat di bandaraya Kuala Lumpur misalnya, Siemens untuk model A36 sebelum penghapusan duti import ialah RM310 dan selepas itu kekal juga harganya; dan C30 RM290 dan selepas itu kekal juga; dan untuk model-model lain ada sedikit penurunan harga sebab persaingan yang hebat di pasaran telefon selular ini. Dalam pemantauan ini, kita dapati iaitu pada keseluruhannya telefon selular menurunkan harga di sekitar 8%. Sekian.

9. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah orang pelajar di Universiti-universiti tempatan yang tidak dapat menamatkan kursus mereka di universiti sejak tahun 1997-2001. Apakah sebab-sebabnya.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar yang tidak dapat menamatkan kursus mereka di institusi pengajian tinggi awam sejak tahun 1997 hingga 2001 adalah seramai 7,860 orang. Bilangan ini adalah dari 12 IPTA di seluruh negara. Antara sebab-sebab yang dikenal pasti mengapa pelajar berkenaan gagal menamatkan pengajian mereka adalah:

- (i) prestasi akademik yang tidak memuaskan;
- (ii) menarik diri misalnya atas sebab-sebab kesihatan, peribadi, kewangan atau mendapat peluang pekerjaan;

- (iii) bertukar universiti contohnya memasuki IPTS atau ke luar negeri;
- (iv) meninggal dunia;
- (v) tidak berminat meneruskan pengajian;
- (vi) tidak daftar kursus atau tidak menghadiri peperiksaan tanpa alasan;
- (vii) mohon berhenti.

Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih. Terima kasih jawapan oleh Yang Berhormat Menteri. Nampaknya jawapan itu tiada satu sebab mengapa pelajar tidak dapat menamatkan pengajian adalah disebabkan oleh wujudnya pelajar-pelajar yang didakwa menggugat ketenteraman negara. [*Ahli-ahli Pembangkang Tepuk*]. Kalau wujud pelajar menggugat ketenteraman dalam negara, tentu wujud dalam kampus tetapi nampaknya jawapan tidak ada seorang pun pelajar yang tidak dapat menamatkan pendidikan atas sebab ini. [*Tepuk*]

Soalan tambahan, [*Ketawa*] apakah kementerian pernah membuat kajian, apa-apa kajian berkenaan pelajar yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan dengan pendidikan mereka yang boleh dihukum di bawah AUKU dan peraturan-peraturan berkenaan dan ISA yang gagal atau tidak dapat tamat pengajian. Pernah atau tidak membuat kajian pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang sedemikian kerana buat setakat ini, Tun, yang terbukti tidak dapat tamatkan pengajian adalah disebabkan oleh pihak-pihak tertentu dalam universiti dan Kerajaan Barisan Nasional yang menggunakan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan ISA untuk halang mereka tamatkan pengajian ya, Tun.

Jadi, pernah buat kajiannya. Kalau tidak pernah saya harap Kerajaan Barisan Nasional boleh mansuhkan ISA dan AUKU [*Tepuk*] agar pelajar boleh meneruskan pendidikan mereka, [*Tepuk*] tidak ada halangan dan menyumbang tenaga buruh masa hadapan. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal Yang Berhormat tadi adalah berkaitan dengan tahun-tahun 1997 hingga 2001. Dalam tahun-tahun itu tidak ada seorang pun yang telah dikeluarkan daripada universiti kerana melanggar AUKU ataupun kerana ditahan di bawah ISA.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, kita sedar bahawa

7,860 pelajar yang tidak menamatkan kursus mereka itu adalah nampak tinggi. Saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi membantu mereka yang gagal tetapi masih ada minat belajar supaya diberi peluang untuk menjalankan pelajaran mereka di institusi pendidikan yang lain yang lebih sesuai bagi mereka. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, angka 7,860 sungguhpun kelihatan agak besar, sebenarnya adalah kecil daripada segi peratus. 7,860 orang dalam lingkungan 5 tahun bermaksud lebih kurang 1,300 pelajar tiap-tiap tahun dan dalam tiap-tiap tahun di universiti-universiti tempatan ada lebih kurang 250,000 orang pelajar. Jadi, ini bermaksud bahawa lebih kurang daripada 1% yang dikeluarkan daripada universiti atas sebab-sebab yang telah disebutkan tadi.

Sebenarnya bagi pelajar-pelajar yang masih berminat belajar, tiap-tiap universiti mengaturnya pelbagai kaedah dan pelbagai program untuk membantu mereka dan selagi minat ada di kalangan pelajar-pelajar ini sudah tentu ada cara untuk membantu mereka dan inilah yang telah pun diusahakan oleh IPTA-IPTA kita. Sekian, terima kasih.

10. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam penerbangan rombongan Menteri Luar ke Iraq, mengapa Negara Saudi Arabia tidak membenarkan penerbangan khas ini menerusi ruang udaranya terus ke Iraq dan adakah ini akan menjejaskan hubungan erat kita.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, akibat daripada Perang Teluk 1990 Arab Saudi tidak mempunyai hubungan baik dengan Iraq. Arab Saudi tidak membenarkan penerbangan dari sebarang negara melalui ruang udara terus ke Iraq tanpa melalui ruang udara negara ketiga. Jadi, hubungan dua hala Malaysia-Arab Saudi sangat rapat dan perkara ini tidak akan menjejaskan hubungan erat ini.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam rombongan ini kita dapat menikmati dengan mata sendiri penderitaan rakyat Iraq dan lebih 1 juta penduduknya telah mati kerana kekurangan perubatan dan basic supply akibat trade embargo, dengan izin, oleh negara-negara Barat dan USA. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri supaya tragedi dan embargo ini tidak diteruskan? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dengan penerbangan kemanusiaan yang kita telah buat pada tahun ini, inilah satu langkah untuk kita

mengeratkan lagi hubungan dua hala kita dengan negara Iraq dan pemimpinnya supaya kita dapat memberikan sumbangan untuk mengatasi masalah kemanusiaan iaitu kita akan terus memberi sokongan kepada usaha untuk penarikan balik embargo atau sanction ini secara langsung dan juga kita terus memberi sumbangan dari segi pembekalan perubatan dan kemudahan untuk meringankan kerumitan sosial dan kemudahan di negara Iraq.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada memberi bantuan, adakah Malaysia akan berusaha lebih iaitu melobi di taraf antarabangsa supaya sanction itu diketepikan dan bantuan terus diberi? Adakah kita akan berbuat demikian? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Kita akan teruskan usaha yang kita jalankan sekarang menerusi platform dari segi multi-lateral atau pelbagai hala menerusi penglibatan kita dalam Majlis Keselamatan PBB dan juga menerusi perhubungan dua hala kita dengan negara-negara yang terlibat di wilayah itu.

11. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) statistik mengenai 'Maternal Deaths' untuk tahun 2000 dan 2001; dan
- (b) apakah garis-garis panduan mengenai kemudahan-kemudahan yang perlu didapati di Klinik-klinik Bersalin yang bertingkat (multi-storey Maternity Homes/Clinics) dari segi lif, perkhidmatan ambulans, nisbah antara doktor dan pesakit dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Statistik maternal deaths untuk tahun 2000 dan 2001 belum diperolehi daripada Jabatan Statistik. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik mengenai maternal deaths pada tahun 1998 dan 1999 ialah 0.3 bagi setiap 1,000 kelahiran. Jadi, bermaksud 3 kematian bagi setiap 10,000 kelahiran hidup. Keadaan ini adalah memuaskan dan setanding dengan negara-negara maju.
- (b) Semua klinik bersalin masih lagi dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 dan Peraturan Hospital

Persendirian 1973. Menurut akta dan peraturan tersebut, sebelum sesebuah klinik bersalin dilesenkan, beberapa syarat mesti dipenuhi atau diperolehi iaitu Sijil Bomba, Sijil Amalan Tahunan untuk semua doktor-doktor yang berkhidmat di klinik tersebut, Sijil Amalan tahunan untuk semua jururawat berdaftar dan penolong jururawat yang berkhidmat di klinik tersebut, Sijil Perbidanan untuk jururawat atau bidan yang berkhidmat di klinik tersebut, salinan fotostat kad pengenalan untuk semua pembantu perubatan yang sedang bekerja di klinik tersebut dan Sijil X-ray jika ada kemudahan X-ray.

Mengikut Akta Hospital Persendirian 1971 dan Peraturan Hospital Persendirian 1973 lagi, setiap hospital persendirian hanya perlu mematuhi syarat-syarat minimum undang-undang kecil bangunan, dengan izin, minimum build tool tempatan yang boleh dikenakan di kawasan di mana hospital tersebut terletak. Ini bermakna bahawa tiada peruntukan khusus untuk mewajibkan hospital persendirian dua tingkat untuk mempunyai kemudahan lif. Menurut akta dan peraturan tersebut lagi, tiada terdapat peruntukan untuk persediaan perkhidmatan ambulans secara khusus. Bagaimanapun pihak kementerian sedia maklum akan kelemahan akta ini dan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian adalah seperti berikut:

- (i) setiap permohonan akan diteliti oleh pihak kementerian dan bagi permohonan baharu untuk mendirikan ataupun menjalankan hospital swasta, pihak yang berminat digalakkan untuk datang mendapatkan pandangan dari pihak kementerian tanpa perlu melalui keruah birokrasi;
- (ii) pihak kementerian mengambil berat tentang lebar dan kedudukan tangga ke tingkat atas bangunan jika hospital persendirian tersebut tidak mempunyai

kemudahan lif. Selain daripada itu setiap permohonan baru yang diterima adalah disarankan untuk mempunyai tangga kecemasan untuk keluar. Hospital persendirian juga disarankan untuk menempatkan wad dan bilik pembedahan di tingkat bawah bangunan dan klinik pula di tingkat atas;

- (iii) tuan punya hospital persendirian juga diperlukan untuk mengemukakan pelan tindakan jika berlaku kes kecemasan dan diperlukan juga untuk mengatur perkhidmatan ambulans bagi memastikan bahawa kes-kes kecemasan dapat dibawa ke hospital-hospital rujukan sama ada hospital kerajaan atau hospital persendirian untuk rawatan lanjut; dan
- (iv) Akta Hospital Persendirian 1971 ini akan digantikan oleh akta baru iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 di mana apabila peraturan untuk kemudahan dan perkhidmatan jagaan swasta selesai dikemaskinikan dan seterusnya dipersetujui oleh Kabinet dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, maka akta tersebut akan boleh dikuatkuasakan.

Di bawah peraturan tersebut kelak akan terdapat satu peruntukan yang akan memastikan bahawa semua hospital persendirian termasuk rumah bersalin yang lebih dari satu tingkat perlu mempunyai kemudahan lif supaya sebarang kes yang memerlukan rawatan kecemasan atau segera dapat diangkut dengan lebih cepat tanpa menimbulkan sebarang kerumitan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah doktor sedang berkhidmat di negara ini adalah seramai 15,503 orang. Statistik untuk nisbah antara doktor dan pesakit adalah 1:1,465 populasi. Statistik ini telah diperolehi daripada Unit Informasi dan Dokumentasi Kementerian Kesihatan dan ini adalah sehingga 31 Disember 1999. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kapar.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi

Tuan Yang di-Pertua: Kapar.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Ketawa*] Ha?

Tuan Yang di-Pertua: Kapar.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kapar! Lepas ini Tebrau, Tuan Yang di-Pertua.

Puan P. Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan atas jawapan tadi. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kesihatan sedar bahawa pada 9 Jun tahun ini seorang ibu di Kapar iaitu Puan Megalai a/p Muniandy telah mati saya diberitahu dalam perjalanan dari clinic private ke Klang G.H dan saya diberitahu sebab-sebab kematian itu mungkin disebabkan si pesakit itu dibawa menggunakan staircase dari tingkat tiga dan selepas itu ambulans sampai lepas daripada satu jam. Tetapi yang saya kawatir sekarang saya diberitahu oleh pihak Hospital Klang G.H. iaitu pihak kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menuntut laporan daripada clinic private, cuma boleh memohon.

Jadi, clinic private ada pilihan sama ada hendak responskah tidak hendak responskah kepada permintaan untuk laporan terperinci dan tambahan pula suami si mati itu Encik Karunan Kitchi diminta pula kejar clinic private untuk mendapatkan laporan sebab dikatakan oleh pengurusan di Klang G.H. pihak kerajaan tidak mempunyai kuasa.

Jadi, saya ingin tahu sama ada klinik-klinik private bila terjadi kes kematian *maternal deaths* diwajibkan memberi laporan dan kalau diwajibkan memberi laporan, apakah time frame atau jangka masa untuk memberi laporan.

Yang kedua, adakah pihak kerajaan bercadang membuat *post-mortem* mandatory dalam kes-kes kematian maternal seperti diwajibkan dalam kes-kes kematian kemalangan supaya kita dapat mengesan apakah 'cause of death' sama ada negligence ataupun lain-lain sebab dan maklumat ini boleh membantu pihak kerajaan untuk merancang dan mengambil langkah-langkah yang lebih baik untuk mencegah maternal death pada masa akan datang.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sedia maklum kepada Dewan ini tadi bahawa di bawah peruntukan akta ini memang ada kelemahan dan juga itulah sebabnya kita sedang mengaturkan satu peraturan baru di bawah dengan izin, Private Health Care Facilities Act yang akan berkuat kuasa

bersama-sama dengan peraturan ini dan kita harap ianya dilaksanakan pada akhir tahun ini.

Jadi, dengan adanya akta tersebut kita boleh mewajibkan bahawa semua keperluan asas itu telah wujud untuk semua klinik dan juga lain-lain kemudahan hospital tetapi kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kapar tadi memang ini sebenarnya kalau – saya tidak tahu dari klinik mana tetapi sebenarnya kalau ianya dibawa daripada satu klinik swasta dan dalam perjalanan ke klinik kerajaan bermakna bila sampai di klinik kerajaan mungkin memang akan dijalankan satu siasatan untuk menentukan sebab-sebab kematian. Memang di bawah sistem kita tidak cuba mengabaikan kalau seseorang bayikah atau se siapa pun meninggal, kita tidak membiarkan begitu sahaja dan menghantar dia untuk dikebumikan.

Jadi, pihak yang terlibat itu bolehlah menuntut satu laporan daripada hospital yang mengendalikan ibu bersama bayi yang telah meninggal itu dan pihak hospital boleh memberi laporan tersebut dan sekiranya ada kerumitan kita boleh mendapat maklumat ataupun laporan daripada klinik swasta kerana semua klinik dan doktor ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan dan juga di bawah MMC.

Jadi, tidak ada sesiapa dan mana-mana pihak yang boleh lari daripada tanggungjawab mereka dan juga sekiranya pihak tersebut menghadapi sebarang masalah bolehlah menghubungi dengan kementerian, kita sedia membantu tetapi sekiranya ada kecuaiian ataupun negligence criminal memang ada tindakan-tindakan yang boleh diambil di bawah undang-undang Kanun Keseksaan dan sekiranya kalau ada negligence pihak terlibat itu boleh mengambil tindakan sivil.

Jadi, untuk menentukan itu pihak tersebut bolehlah menuntut laporan tersebut dan kita sedia membantu pihak yang terlibat itu untuk memastikan bahawa mereka dapat menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat bagi sesi Jawab Lisan.

[Masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 5 dan 12 hingga 67 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

Setiausaha [Encik Shahrom bin Haji Hasan]: Rang Undang-undang untuk bacaan kali yang pertama.....

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Baik, Peraturan 18....

Setiausaha [Encik Shahrom bin Haji Hasan]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nanti kejap kita

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Di bawah Perkara 18.....

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:Peraturan

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: ...saya mohon mengemukakan rang undang-undang

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:Peraturan Dewan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada Pera turan Dewan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan satu usul di bawah 'peraturan satu' supaya Dewan ini ditangguhkan bagi membincang satu perkara yang telah diperakui oleh Tuan Yang di-Pertua.

Usul yang saya kemukakan itu memang merupakan perkara yang tertentu dan bagi kepentingan orang ramai tetapi Tuan Yang di-Pertua telah menolak untuk dibawa usul di dalam Parlimen, dalam Dewan Rakyat atas alasan yang bagi saya tidak menepati dengan keadaan yang sedang berlaku pada waktu ini kerana pihak penganjur, ceramah terutama daripada PAS dan Barisan Alternatif telah memenuhi segala syarat-syarat yang dikehendaki yang sebelum ini apabila syarat-syarat itu dipenuhi, ceramah-ceramah itu dibenarkan tetapi sekarang ini semua ceramah tidak dibenarkan walaupun ianya memenuhi syarat-syarat.

Pihak polis dengan menggunakan kekerasan telah bertindak menyuraikan perjumpaan-perjumpaan yang diadakan dalam bangunan-bangunan dan mengepung bangunan-bangunan itu dan menangkap dengan menggunakan kekerasan tanpa memberi peluang kepada penganjur dan mereka yang terlibat untuk bersurai.

Kejadian yang terakhir yang berlaku adalah pada malam tadi di mana Ahli Parlimen bagi Kuala Kedah telah ditangkap sebelum beliau sempat bersurai di kawasan Jelebu, oleh kerana itu saya memandang bahawa keputusan yang dibuat oleh [Tepuk] Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua adalah tidak demokratik dan ini menyekat peluang dan hak Ahli Parlimen untuk membahas dan menggunakan ruang ini bagi memenuhi hak-hak asasi yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan dan juga oleh Peraturan-peraturan Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya pohon kepada Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, dapat menimbang semula supaya usul dapat dibawa dalam persidangan ini. Terima kasih.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terutamanya perkara yang dibawakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang itu bukanlah di bawah Peraturan Mesyuarat, bukan mengikut order ya. *[Sorak]*

Yang keduanya, keputusan yang dibuat oleh speaker ialah selalunya muktamad dan yang ketiganya, keputusan yang dibuat itu di atas usul yang dibuat dan mengikut pengetahuan yang diberikan kepada saya penceramah-penceramah ataupun ceramah-ceramah yang telah dijalankan itu tidak mendapat kelulusan daripada pihak polis. Oleh yang demikian, ceramah-ceramah itu adalah ceramah haram dan oleh yang demikian pada fikiran saya tidaklah perlu hendak dibawa ke dalam Dewan ini. Begitulah keputusan yang telah saya buat mengikut budi bicara saya.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:saya ingin melanjutkan sedikit Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]*.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. Cukuplah perkara ini dan keputusan saya adalah muktamad ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:apa yang berlaku pada hari ini bukan persoalan ceramah itu tidak mendapat kelulusan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah, cukuplah, ...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...soalnya sekarang ini ialah pihak polis tidak membenarkan, mengeluarkan sebarang permohonan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:ataupun secara sah, secara mengikut peraturan oleh parti-parti pembangkang

Tuan Yang di-Pertua:cukuplah Yang Berhormat, saya akan jawab perkara itu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...bagi saya Tuan Yang di-Pertua, Parlimen sebagai tonggak kepada sistem demokrasi

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:persoalan demokrasi..... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...pihak polis tidak boleh melakukan sewenang-wenang untuk meruntuhkan prinsip demokrasi. Polis sepatutnya

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:menguatkan amalan demokrasi dalam negara kita....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jikalau sekiranya kita hendak pinda undang-undang kenalah pinda Perlembagaan kerana kuasa itu adalah kuasa polis.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal pinda undang-undang tetapi sekarang ini polis yang [*Disampuk*].....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pokok Sena cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] ...itu kuasa polis yang kecil.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Bangun*]

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:tetapi dalam soal keselamatan memang tidak membincang soal Parlimen. [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila-sila teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini 'haprak, bapak haprak'.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Cukuplah.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok:saya memohon

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini soal keadilan, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:soal keadilan, Parlimen mesti berlaku adil kepada sesama manusia.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk. Sila, sila Yang Berhormat.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang yang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2001.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: 18(7) Apa yang disebut oleh – apa yang berlaku

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, janganlah

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...saya sedang membaca peraturan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:saya sedang membaca peraturan, [*Disampuk*] apa yang berlaku sekarang ini adalah suatu perkara yang tertentu [*Disorak*] yang perlu disegerakan kerana contoh yang saya boleh saya berikan, sebagai contoh apa yang berlaku kepada saya sendiri di Seremban. Perhimpunan di Markas PAS, FRU beratus-ratus orang, polis beratus-ratus orang mengepung kawasan ini dan tidak membenarkan saya sendiri masuk ke kawasan itu dan juga penduduk-penduduk di sekitar itu tidak dibenarkan untuk masuk ke Taman Paroi Jaya di tempat yang sepatutnya diadakan program di Markas PAS.

Apakah ini suatu yang boleh dibiarkan [*Disampuk*] dengan UMNO menggunakan polis dan juga pihak keselamatan di negara kita? [*Tepuk*] Apakah ini boleh dibiarkan? Ini suatu tindakan yang zalim yang sedang berlaku, yang sedang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang bagaikan 'cacing kepanasan' sekarang ini [*Tepuk*] sedang menghadapi rakyat yang sedang bangkit. [*Tepuk*] [*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Baiklah. Saya telah pun memberi keputusan saya tadi, yang demikian sebagaimana termaklum keputusan-keputusan yang dibuat oleh speaker tidak boleh diubah ya. Sila, sila Yang Berhormat Menteri sila.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang yang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2001.
[Disampuk] [Ketawa]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk

maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[16 Julai 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kesihatan sila sambung.

11.16 pagi.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, demi melindungi kesihatan masyarakat Kementerian Kesihatan telah memainkan peranan proaktif dalam isu ini dengan mengenakan penahanan import makanan di pintu-pintu masuk serta penyitaan makanan di pasaran dengan serta merta.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Sepanjang tempoh krisis dioxin ini pengimportan pelbagai makanan yang bernilai lebih kurang RM10 juta telah ditahan untuk saringan di pintu-pintu masuk, manakala makanan bernilai lebih kurang RM1.7 juta telah disita di pasaran tempatan. Lebih kurang 2,000 panggilan telah diterima dengan izin, hot line dioxin. Dengan hal ini kita harus bersyukur kerana Malaysia merupakan satu-satunya negara membangun yang telah dapat mengambil tindakan tegas bagi mengawal krisis ini dengan pantas sebagaimana yang dilaksanakan oleh negara maju walaupun dikritik oleh negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum industri pelancongan kita merupakan sumber ekonomi ketiga terpenting bagi negara. Pada tahun 1999, sejumlah 7.9 juta orang pelancong melawat negara ini dan pada tahun lalu jumlah ini telah meningkat ke 10.2 juta. Tidak dapat dinafikan industri penting yang mendapat manfaat dari

industri pelancongan ini ialah industri makanan tempatan dan Malaysia kini memang terkenal sebagai dengan izin, food heaven di rantau ini.

Mengikut statistik tahun 1999, para pelancong telah membelanjakan 18.8% atau RM2.54 bilion daripada keseluruhan perbelanjaan mereka ke atas makanan dan minuman sahaja. Tentu sekali makanan yang selamat, prasarana yang berketampilan serta persekitaran yang bersih lagi terkawal akan menarik pelancong datang ke negara kita. Semua fakta ini menyumbang dan menyokong hasrat negara untuk menjadikan dengan izin, Malaysia truly Asia.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ambil maklum jumlah eksport makanan negara semakin meningkat. Pada tahun 1994, nilai eksport makanan negara ialah RM3.14 bilion dan ini telah meningkat kepada RM5 bilion pada tahun lalu bulan Januari sehingga Ogos sahaja.

Malangnya, masih terdapat makanan yang dieksport ke negara maju ditolak atas sebab-sebab pencemaran mikro organisma yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan. Sekiranya perkara ini berterusan dan berleluasa ia tentu sekali merugikan negara. Untuk menentukan produk Malaysia berdaya saing di arena antarabangsa pengeluar-pengeluar perlu meningkatkan pengeluaran makanan yang selamat dan berkualiti mengikut kehendak-kehendak standard antarabangsa. Dengan itu program-program bagi memastikan jaminan kualiti perlu diwajibkan ke atas industri-industri makanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan amat memandang serius ke atas semua perkara yang berkaitan dengan keselamatan makanan yang harus wujud ke atas semua rangkaian makanan dari ladang hingga ke meja makan atau dengan izin, from farm to table.

Dengan itu pindaan ke atas beberapa peruntukan akta ini amat tepat sekali supaya menentukan makanan keluaran tempatan atau yang diimport tidak menjejaskan kesihatan rakyat dan juga dapat memastikan persaingan sihat di kalangan industri makanan negara termasuk bagi tujuan eksport. Pindaan-pindaan tersebut juga dialu-alukan oleh semua pihak terutama oleh pihak industri dan pihak pengguna kerana dapat melindungi kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, secara am, pindaan yang dimaksudkan merangkumi beberapa perkara yang ketara iaitu:

- (i) Pindaan yang membenarkan Menteri Kesihatan membuat peraturan untuk mengawal selia premis makanan dan orang -

orang yang terlibat dengannya di seluruh negara. Ini amat diperlukan bagi memastikan keselamatan makanan melalui peningkatan sanitasi dan kebersihan makanan. Peraturan tersebut juga akan mewajibkan semua pengendali makanan menjalani pemeriksaan kesihatan dan latihan pengendalian makanan yang sempurna seperti yang sering disarankan oleh semua pihak.

- (ii) Peruntukan baru dimasukkan bagi mewajibkan pihak industri memanggil balik atau dengan izin, *recall*, produk yang boleh memudaratkan kesihatan awam. Peruntukan ini akan memastikan pihak industri sentiasa berwibawa dan dengan izin, *accountable*, dalam menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti. Peruntukan ini memastikan pihak industri bertanggungjawab sekiranya tidak menghasilkan makanan yang selamat.
- (iii) Pindaan ke atas kadar penalti supaya ianya ditingkatkan setimpal dengan kesalahan yang berat sepertimana yang diharapkan oleh semua pihak. Buat masa ini, di bawah seksyen 13 akta tersebut hanya terdapat satu penalti am bagi semua kesalahan tanpa mengambil kira tahap kesalahan yang dilakukan. Pindaan ini akan memastikan orang yang disabit kesalahan dikenakan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini telah dialu-alukan oleh pihak industri dan pengguna serta mendapat persetujuan agensi-agensi kerajaan yang lain. Ulasan pihak berkenaan telah diambil kira bagi melicinkan penguatkuasaan dan pelaksanaan pindaan berkenaan. Faedah yang banyak yang akan diperolehi oleh semua pihak di mana penyakit akan berkurangan, kebersihan meningkat dan imej negara akan lebih terserlah. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan produktiviti di mana penolakan produk akan berkurangan dan kualiti produk akan meningkat. Ia juga akan memperkembangkan lagi industri pelancongan kita, meyakinkan lagi pengeksportan negara dan mengurangkan kos rawatan penyakit yang perlu ditanggung oleh individu dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta Makanan 1983 bagi memasukkan takrif baru tertentu atau meminda takrif tertentu yang sedia ada seperti berikut:

- (a) Takrif baru bagi “hasil tembakau” untuk memenuhi keperluan pemakaian akta secara langsung bagi hasil tembakau.
- (b) Pindaan takrif “makmal” yang diluluskan untuk melengkapkan definisi “makmal” yang diluluskan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4 (14).
- (c) Pindaan takrif “menjual” atau “penjualan” yang termasuk tukar barang dan tukar ganti penjualan elektronik selain dari penjualan langsung.
- (d) Pindaan takrif “pengarah” bagi mengambil kira nama perjawatan yang baru.
- (e) Pindaan takrif “penyediaan” yang meliputi pembungkusan supaya pembungkus makanan boleh dikenakan tanggungan bagi kesalahan di bawah akta.
- (f) Takrif baru “peraturan-peraturan kesihatan antarabangsa” dipakai bagi tujuan penahanan mana-mana pesawat udara, kapal atau kenderaan dalam pelayaran antarabangsa di bawah akta ini.
- (g) Pindaan takrif “perkakas” untuk meliputi kesemua alat-alat dan yang berkaitan dengan perdagangan makanan dan;
- (h) Takrif baru “premis makanan” bagi memperjelaskan dengan terperinci tafsiran bagi premis yang digunakan berhubung dengan makanan dan takrif baru bagi “tembakau” untuk memenuhi keperluan pemakaian akta secara langsung bagi tembakau.

Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen baru, seksyen 3A untuk memberi kuasa kepada menteri meluluskan makmal bagi maksud akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beberapa peruntukan di bawah seksyen 4 sedia ada adalah kurang lengkap dan tidak sesuai dipakai pada masa ini, seksyen berkenaan dipinda di bawah Fasal 4 bertujuan meminda:

- (a) subseksyen 4 (i) untuk membolehkan seseorang pegawai berkuasa menjalankan kerja penguatkuasaan pada bila-bila masa;
- (b) subseksyen 4 (i) (a) untuk mengambil kira takrif baru premis makanan;
- (c) subseksyen 4 (i) (b) supaya selaras dengan Peraturan-peraturan Kesihatan Antarabangsa 1969;
- (d) Subseksyen 4 (i) (f) untuk membolehkan pegawai berkuasa menyita dan menahan makanan yang melanggar akta berserta dengan apa-apa perkakas yang digunakan berkaitan dengan makanan itu.

Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen 4 (i) (a), 4 (i) (b), 4 (i) (c), 4 (i) (d) dan 4 (i) (e) bagi memberi kuasa kepada pegawai berkuasa merekod pernyataan daripada saksi-saksi untuk tujuan menjamin pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan meminda subseksyen 4 (iii) untuk mengambil kira takrif baru "premis makanan".

Subseksyen 4 (viii) membolehkan mahkamah atas permintaan seseorang pegawai berkuasa membuat perintah bagi pemusnahan atau pelupusan bukan sahaja makanan yang melanggar akta tetapi termasuk juga apa-apa perkakas yang digunakan berkaitan dengan makanan itu.

Subseksyen 4 (x) memberi kuasa kepada pegawai berkuasa untuk memusnahkan makanan yang melanggar akta yang telah disita berserta dengan apa-apa perkakas yang digunakan berkaitan dengan makanan itu dan subseksyen 4 (xv) dipotong dengan seksyen baru 32A dalam Fasal 16 mengenai pendakwaan kesalahan di bawah akta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melicinkan tugas-tugas pegawai berkuasa, Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 8 (i) untuk memberi kuasa kepada seseorang pegawai berkuasa semasa pemeriksaan premis makanan untuk mendapatkan maklumat sama ada dalam bentuk dokumen atau selainnya berhubung dengan, antara lain, pengimportan atau penyediaan makanan di premis makanan itu dan subseksyen 8 (iv) (b) dalam bahasa Inggeris dipinda supaya selaras dengan terjemahannya di dalam Bahasa Malaysia.

Fasal 6 bertujuan menyusun semula peruntukan subseksyen (10) dengan meminda nota birai dengan memasukkan takrif 'premis makanan' dan seterusnya

meminda subseksyen 10 (i), 10 (ii), 10 (iii), 10 (iv), 10 (v) dan 10 (vi) dalam akta dengan adanya takrif premis makanan.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A untuk memberikan takrif baru bagi istilah “pemunya hak pengilang” atau “pembungkus” untuk memperluaskan tanggungan kepada pemunya hak pengilang atau pembungkus bagi memastikan pihak yang melanggar peruntukan Akta Makanan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan.

Fasal 8 bertujuan menggabungkan subseksyen 13 (i) (a) dan subseksyen 13 (ii) sedia ada kepada seksyen 13 baru yang menyatakan seseorang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan adalah melakukan satu kesalahan jika makanan itu mengandungi apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya yang memudaratkan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13A, 13B dan 13C untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan tertentu berhubung dengan makanan dan untuk menggambarkan berat kesalahan dengan perkara penalti yang setara dengan kesalahan itu.

Seksyen baru 13A memperuntukkan penalti ke atas kesalahan menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang tidak sesuai untuk dimakan untuk manusia seperti makanan dari binatang atau sayur-sayuran yang berpenyakit, kotor atau reput. Penalti bagi kesalahan ini adalah denda tidak melebihi RM50,000. Hukuman penjara yang boleh dikenakan ialah tidak melebihi 8 tahun, berbanding dengan 5 tahun seperti yang diperuntukkan sekarang.

Penalti dan hukuman penjara yang lebih berat ini adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan ini akan menjadikan pengeluar makanan lebih bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan yang mereka hasilkan.

Seksyen baru 13B memperuntukkan penalti ke atas kesalahan menjual makanan yang diadunkan atau dicairkan untuk menyusutkan sifatnya yang semula jadi. Satu contoh yang dapat diberikan ialah mencairkan susu mentah lembu dengan air untuk mendapat keuntungan yang lebih. Denda ke atas kesalahan seperti ini ialah tidak melebihi RM20,000 dan hukuman penjara yang boleh dikenakan ialah tidak melebihi 3 tahun.

Denda dan hukuman yang sama dikenakan ke atas kesalahan mengeluarkan ramuan dari makanan seperti mengeluarkan minyak essential wap atau dengan dengan izin, *essential volatile oil* dari rempah-ratus yang menjadikan rempah-ratus

tersebut mempunyai mutu yang lebih rendah. Begitu juga penggunaan bahan pewarna dalam serbuk teh yang menyembunyikan kerendahan mutu teh yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan untuk memanggil balik atau *recall*, memindahkan atau menarik balik makanan yang melanggar akta ini daripada jualan. Dengan itu, Fasal 9 juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 13C mengenai satu peruntukan baru yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa memerintah pemanggilan balik, pemindahan atau penarikan balik daripada jualan makanan yang melanggar akta dari premis makanan.

Seksyen ini juga mewajibkan mana-mana orang yang disebut di seksyen 24 supaya memanggil balik, memindah atau menarik balik daripada penjualan apa-apa makanan yang melanggar akta. Peruntukan baru ini akan menjadikan semua pihak yang berkaitan dengan makanan menjadi lebih prihatin dan bertanggungjawab ke atas makanan yang dijual oleh mereka.

Fasal 10 bertujuan mewujudkan satu subseksyen baru, subseksyen 19(1A) yang mengenakan tempoh masa tidak melebihi 90 hari bagi pengeluaran perakuan juru analisis untuk mengatasi masalah pengeluaran perakuan juru analisis, manakala subseksyen 19(2) memanjangkan tempoh sebelum sesuatu pendakwaan dimulakan bagi satu kesalahan di bawah akta dari 90 hari ke -150 hari untuk mengatasi masalah kerja siasatan yang mengambil masa.

Fasal 11 bertujuan meminda subseksyen 20 (i) supaya pihak yang mengeluarkan juru analisis memberi keterangan, memberikan notis tentang permintaan itu kepada pendakwa, 3 hari genap sebelum perbicaraan.

Fasal 12 bertujuan meminda subseksyen 22 (a) untuk memperluaskan pemakaian subseksyen ini terhadap pengimport, pengilang atau pembungkus supaya meliputi pemunya hak pengilang atau pembungkus dan ejen-ejen mereka.

Fasal 13 memperuntukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 23A mengenai isu keterangan pakar dan menjelaskan kehendak-kehendak dari segi tatacara sebelum keterangan itu boleh dikemukakan dalam mahkamah.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 24 (3) yang menganggap bahawa pengimport, pengilang, pembungkus, peladang atau orang yang menyediakan makanan atau pemunya hak pengilang atau pembungkus atau ejen-ejen mereka pertanggung bagi penjualan bagi apa-apa makanan yang

melanggar akta oleh mana-mana pihak, seolah-olah setiap seorang daripada orang itu secara perseorangan melakukan penjualan itu.

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 28 dengan memperluaskan tanggungan seseorang pengimport, pengilang, pembungkus atau orang yang menyediakan makanan bagi penjualan apa-apa makanan yang melanggar akta yang dijual dalam bungkusan tidak terbuka bagi meliputi pemunya hak pengilang atau pembungkus atauejen-ejen mereka.

Fasal 16 bertujuan meminda subseksyen 32(2) berikutan pindaan kepada seksyen 19 dalam Fasal 9.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mengambil kira Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi satu kesalahan dan mencadangkan Fasal 17 untuk memasukkan seksyen baru 32A mengenai pendakwaan kesalahan di bawah akta yang memulakan keizinan bertulis dari Pendakwa Raya.

Sehubungan itu, Fasal 18 dicadangkan bertujuan meminda seksyen 33 mengenai kuasa Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah untuk mengkompaun kesalahan di bawah akta ini. Fasal itu menjelaskan tatacara bagi pengkompaunan sesuatu kesalahan.

Akta yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan. Fasal 19 dicadangkan untuk memasukkan tiga seksyen baru, 33A, 33B dan 33C. Seksyen 33A ialah mengenai peruntukan di mana Pengarah, Pengurus, Setiausaha atau pegawai sesebuah pertubuhan perbadanan yang serupa boleh dipertuduh secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu.

Seksyen 33B adalah berhubung dengan perlindungan terhadap prosiding undang-undang yang diberikan kepada seseorang pegawai berkuasa, manakala seksyen 33C mengandungi peruntukan tanggung rugi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 34 mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan dengan:

- (a) meminda subseksyen 34 (h) untuk mengawal selia premis makanan orang-orang yang terlibat dengannya dan memotong subseksyen 31 (i) disebabkan pindaan ke atas subseksyen 30 (h).

- (b) memasukkan subseksyen baru, 34(ra) untuk membolehkan pemanggilan balik, pemindahan atau penarikan balik daripada penjualan makanan yang melanggar akta dari premis makanan, dan
- (c) Meminda subseksyen 34(w) untuk meningkatkan penalti maksimum dengan denda RM5,000 yang sedia ada kepada RM10,000 bagi pelanggaran mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 bertujuan meminda seksyen 36 akta yang membolehkan peruntukan akta diperluaskan kepada tembakau atau hasil tembakau melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta. Subseksyen baru 36(1) mengadakan peruntukan bagi pemakaian langsung akta kepada tembakau dan hasil tembakau. Melalui subseksyen 36(2) Menteri tanpa menjejaskan kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta adalah diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tentang perkara-perkara tertentu berhubung dengan tembakau dan hasil tembakau.

Peruntukan yang sedia ada, akta menyatakan secara umum kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tentang tembakau dan hasil tembakau. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memberikan kuasa tentang hal ini secara mutlak dan khusus. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sokong.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Makanan 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, saya beri Yang Berhormat bagi Shah Alam.

11.38 pagi

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang terima kasih dan

tahniah kepada kerajaan terutama kepada Kementerian Kesihatan yang telah pun mengemukakan pindaan Rang Undang-undang Makanan 2000 ini dan dalam pengamatan dan penilaian saya bahawa pindaan ini merangkumi semua aspek dan perlu dilunaskan dengan kadar yang begitu segera kerana mengambil kira tentang kepentingan pengguna secara keseluruhannya. Tetapi saya juga berasa khuatir tentang bagaimanakah rang undang-undang ini setelah dan akan diluluskan untuk dilaksanakan untuk memberikan manfaat yang besar kepada pihak pengguna kerana saya kira perkara aspek penguatkuasaan ini akan menjadi satu perkara yang akan menyulitkan pelaksanaan, ini kerana saya ingin mengambil contoh bahawa larangan tentang menghisap rokok di tempat-tempat umum dan khalayak ramai dan daripada segi penguat kuasa itu, pegawai yang dipertanggungjawabkan adalah pegawai-pegawai kesihatan dan saya rasa bahawa dari segi guna tenaga sahaja adalah satu perkara yang menyulitkan untuk membuat penguatkuasaan terhadap rang undang-undang tersebut.

Justeru itu, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian dan pihak yang bertanggungjawab supaya memikirkan satu mekanisme penguatkuasaan supaya segala peruntukan yang telah pun termaktub dalam pindaan rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan lima perkara sebagaimana dari segi yang umumnya pindaan rang undang-undang ialah sejauh manakah persediaan dan perancangan negara dalam menghasilkan produk makanan bagi mengelak atau sekurang-kurangnya mengurangkan penggantungan terhadap import bahan-bahan makanan. Kerana kita sedia maklum bahawa negara pada akhir-akhir ini mengimport bahan-bahan makanan hingga menjangkau lebih daripada RM12.5 bilion. Ini tentulah akan membebankan daripada segi imbangan dagangan negara dewasa ini.

Perkara yang kedua kita telahpun menyediakan beberapa institusi penyelidikan untuk melakukan kaji selidik tentang makanan ini supaya akhirnya produk makanan ini akan menjadi satu kualiti yang baik untuk dimanfaatkan kepada pihak pengguna dan rakyat secara keseluruhannya. Saya mengambil contoh seperti Institusi Penyelidikan MARDI. Saya kira bahawa pihak MARDI telah pun banyak menjalankan beberapa penyelidikan dan akhirnya menghasilkan produk-produk yang boleh di'*commercialize*' kan dan memberikan manfaat kepada pihak pengguna. Tetapi malangnya ada beberapa sekatan daripada segi perundangan

yang tidak mengizinkan MARDI untuk memproduksi hasil penyelidikannya di dalam pasaran yang terbuka. Jadi, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk membetulkan keadaan ini supaya perbelanjaan yang banyak yang telah pun diberikan kepada Institusi Penyelidikan seperti MARDI ini yang akan membolehkan pihak MARDI secara langsung memasarkan pasaran hasil produk itu kepada orang awam dan memberikan keuntungan kepada pihak pengguna.

Perkara yang ketiga, sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa Malaysia is truly Asia dan usaha kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat pelancongan di rantau ini dan tentulah Yang Berhormat Menteri Pelancongan yang akhir-akhir ini dalam The Colors of Malaysia ini telah pun mengemukakan bahawa Malaysia ini orang kata syurga makanan di dunia. Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun bersetuju dengan saya, kadang-kadang makanan ini dia boleh jadi benda yang berkhasiat dan kadangkala dia boleh juga menjadi racun. Sebagai contoh seperti Yang Berhormat Menteri sebut tadi bahawa orang ramai minat tentang minum teh tarik. Macam-macam teh, teh tarik pusing, teh tarik lambung, teh tarik tongkat Ali dan teh tarik adalah bahan yang diletakkan di dalamnya mempunyai kadar colour yang tinggi.

Jadi, aktiviti promosi produk makanan negara saya rasa masih dianggap kurang memuaskan dan menyebabkan produk makanan negara kurang mendapat perhatian dan permintaan di pasaran antarabangsa berbanding dengan negara jiran seperti di Thailand. Saya lihat bahawa dahulu ada juga usaha kerajaan untuk membuat penyelidikan untuk menjadikan nasi lemak itu sebagai satu produk antarabangsa Malaysia yang boleh dipasarkan sebagai pasaran yang terbuka, dengan penyelidikan yang telah pun dijalankan tetapi akhirnya kita lihat bahawa usaha murni dan cita-cita pihak kerajaan tidak memberikan hasil yang baik, yang mantap yang dapat dimanfaatkan sebagai satu pasaran kepada pasaran yang lebih luas dan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara yang saya sebutkan tadi ialah program penyelidikan dan pembangunan ataupun research and development harus dipergiatkan dan dipertingkatkan bagi memperluaskan sumber makanan agar tidak terhad dengan hasil sekarang. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan tentu bersetuju dengan saya untuk kita menentukan tahap kesihatan rakyat Malaysia di tahap yang tinggi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *prevention is better than cure*. Jadi *prevention* ini tentulah hasil daripada bahan-bahan makanan

yang akan dimasukkan di dalam tubuh badan. Begitu juga macam yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang kenapa kadang-kadang peruntukan-peruntukan dalam Parlimen dan undang-undang yang dikenakan untuk mencegah supaya tidak berlaku huru hara. Kadang-kadang kerajaan terpaksa menggunakannya. Jadi, tentulah dalam bahan makanan ini kalau kita boleh mencegah supaya makanan yang masuk ke tubuh badan itu akan memudaratkan badan kita dan akhirnya akan menjadi sebagai ejen yang akan memusnahkan organ-organ dalaman. Itu daripada tindakan dan peraturan sebagaimana yang ada diperuntukkan dalam pindaan undang-undang ini mesti diperkuatkan dan diperketatkan. Yang ini saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian supaya tentang tanggungjawab untuk menentukan penyediaan bahan makanan ini mesti dibuat secara yang terbersih. Kalau ada *cooperate body* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa bukan hanya individu yang dipertanggungjawabkan, maknanya *cooperate body* yang menyediakan makanan itu pun harus dipertanggungjawabkan.

Jadi, Yang Berhormat Menteri saya ingin penjelasan bahawa jikalau premis dan juga penyediaan makanan yang dibuat oleh pihak-pihak kerajaan tempatan maknanya Dato' Bandar, Yang di-Pertua boleh didakwa jikalau kawasan-kawasan itu menyediakan bahan-bahan makanannya. Jadi, kalau Dato' Bandar, Yang di-Pertua bagaimana Yang Berhormat Menteri juga kalau di pusat-pusat yang hospital yang menyediakan makanan boleh dipertanggungjawab tidak kalau untuk didakwa.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa bahawa oleh kerana untuk menentukan produk makanan menjadi satu produk yang kompetitif walaupun ianya murah tetapi tentulah hasilnya mesti menjadi hasil yang bagus. Maknanya kalau kita makan benda itu murah dan dengan kemurahan itu tidak bermakna kita makan benda yang tidak ada kualiti. Jadi, tentulah kerajaan terpaksa mengeluarkan beberapa prosedur serta subsidi untuk menentukan bahan-bahan makanan ini mampu dibeli oleh rakyat secara keseluruhan supaya nilai subsidi secara keseluruhannya terhadap bahan makanan yang diimport ini. Bagaimanakah pihak kementerian untuk menentukan bahawa bahan-bahan yang dikeluarkan seperti di negara jiran seperti contoh sekarang ini Thailand mengeluarkan bahan makanan agriculture yang cukup - bukan hanya secara mass productionnya banyak tetapi bila ada mass productionnya banyak tentulah harganya menjadi lebih rendah

dan harga ini kalau hendak dibandingkan dengan hasil pengeluaran di negara kita sudah tidak jadi competitive dengan izin. Oleh yang demikian tentulah untuk menentukan bahawa para petani dan juga para pengusaha makanan di Malaysia ini dia punya industri dapat dipertahankan, tentulah pihak kerajaan harus memikirkan langkah subsidi yang akan menentukan bahawa industri makanan di negara ini mampu berdaya maju dan berdaya saing dalam cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi pada hari ini. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan supaya nilai subsidi ini dapat dipertahankan dan akhirnya akan memberi manfaat kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja perkara yang hendak dibangkitkan dan saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya beri Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

11.48 pagi

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Ranrtau Panjang]:-Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermakna "*Wahai manusia engkau makanlah dari apa-apa yang ada di muka bumi ini yang halal dan baik dan jangan kamu mengikuti jejak syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu musuh yang terang-terang bagi kamu.*" [*Suratul Baqarah ayat 168*].

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama ,memberi pandangan dan buah fikiran di atas apa yang telah kita bincangkan pada pagi yang mulia ini. Sebagaimana yang kita semua maklumi bahawa makanan merupakan satu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia khususnya dan ianya berhubung rapat dengan pertanian dan hasil masa sesebuah negara. Ianya juga merupakan suatu yang dititik berat di dalam Islam. Ianya memberi kesan kepada manusia bukan sahaja kepada kesihatan tubuh badan tetapi juga kesan kepada kesihatan jiwa dan kerohanian.

Makanan yang mempunyai bahan-bahan beracun boleh merosakkan anggota tubuh badan zahir dan batin. Manakala bahan-bahan makanan yang diusahakan dengan cara yang menyalahi peraturan dan agama boleh mengotorkan jiwa kita. Sehubungan dengan itu, garis panduan yang sedang dan akan dilaksanakan ke atas bahan-bahan makanan perlu dilihat kepada dua faktor yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita bukan sahaja menghadapi serangan dan asakan pencemaran makanan dari luar negara sahaja tetapi di dalam negeri ini juga. Dari luar negara kita berhadapan dengan masalah yang timbul seperti daging lembu yang dicemari dengan penyakit lembu gila yang heboh baru-baru ini, yang membawa kepada sejenis penyakit yang menyerang sistem saraf di bahagian otak manusia.

Begitu juga dengan 300 jenis produk makanan berjagung yang berteknologi dari Amerika Syarikat yang tercemar dengan *sterling* yang boleh menyebabkan kejutan *anaphylactic* dan boleh membawa maut kepada pengguna. Antara makanan yang menggunakan ramuan tersebut adalah seperti emping, makanan bayi, snek, adunan dan jagung dalam tin. Selain daripada itu bahan-bahan pewarna juga merupakan ancaman dalam diam-diam yang cukup merbahaya kepada kesihatan manusia. Ianya terdapat dalam teh tiruan, mee, ayam tandoori, keropok, mangga jeruk, agar-agar, kuih-muih dan lain-lain lagi. Kuih-muih umpamanya seperti dalam bengkang serta apam dan udang kering dan sebagainya. Bahan-bahan pewarna ini boleh menyebabkan penyakit kanser ataupun penyakit barah. Malah kalau kita lihat kerosakan kromosom, migrain dan kecacatan janin dalam kandungan sebab kalau kita lihat kecacatan ini berlaku dalam janin dalam kandungan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga kita juga sering kali menggunakan *acid boric* iaitu sejenis bahan kimia yang diharamkan dalam produk mereka seperti dalam mee kuning yang boleh menyebabkan keracunan makanan, kerosakan buah pinggang dan hilang selera makan. Mengikut kajian Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), daripada 40 contoh makanan di Pulau Pinang dan Butterworth yang diuji dan didapati 27 daripadanya mengandungi *acid boric* setinggi 2060 bahagian per sejuta.

Sikap tidak bertanggungjawab yang memudaratkan produk ini sepatutnya dikenakan tindakan tegas dan berat ke atas mereka seperti mana yang kita sedia maklum, rang undang-undang ini betul-betul akan memberi kesan kalau kita betul-betul menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya cukup bimbang dengan gejala yang mendatangkan akibat buruk hasil dari makanan. Apa tidaknya? Bermula dari lahir sehingga akhir hayat kita, makananlah yang menguasai kita semua. Bila lahir sahaja bayi, bukan susu ibu yang diutamakan tetapi susu lembu. Dalam susu lembu pula bermacam-macam bahan kimia wujud. Bila dewasa, bermacam-macam pula bahan-

bahan makanan yang dihidangkan kepada kita. Pendek kata susah hendak mengelak daripada bahan-bahan yang boleh mendatangkan mudarat kepada kita. Adalah diharapkan pindaan Seksyen 13 yang mengenakan hukuman tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali akan memberi kesan positif kepada pengguna.

Kita sering kali mendengar berlakunya keracunan makanan malah kematian berpunca daripada keracunan makanan juga dilaporkan. Pada bulan April tahun lepas, seramai 109 orang pelajar dari Sekolah Menengah Che Tom, Sungai Petani, tempat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan telah mendapat keracunan makanan. Sebelum itu di Kampung Sungai Baru Merbok dalam Parlimen Sungai Petani juga, beberapa orang dewasa dan kanak-kanak telah diserang cirit birit dan muntah-muntah akibat keracunan makanan. Rasanya pihak Kementerian Kesihatan perlu bagi sedikit perhatian terhadap Parlimen Sungai Petani ini kerana kesannya amat berat.

Pada tahun 2000, tidak kurang daripada 1,000 orang telah keracunan makanan dan sebahagian besarnya adalah pelajar sekolah. Walaupun dari segi perundangan kita mempunyai Akta Makanan tahun 1983 yang bertujuan untuk melindungi orang ramai terhadap bahayanya penipuan dan penyediaan jualan dan penggunaan makanan, akan tetapi jarang kita mendengar mereka didakwa dengan kesalahan tersebut. Paling tidak pun ditutup sahaja kantin atau kedai-kedai penjual selama seminggu atau dua minggu, selepas itu diteruskan juga, pendakwaannya kita tidak kedengaran.

Saya amat berharap agar akta yang akan dipinda ini akan mengubah keseluruhan penglibatan masyarakat rakyat dalam jisim pemakanan. Adalah diharapkan pengusaha-pengusaha makanan kita khususnya pengusaha kantin-kantin sekolah dan *factories* akan peka dan berhati-hati dalam penyediaan makanan ini. Janganlah hendaknya kerana kes-kes keracunan yang berlaku di negara kita tidak sampai ke tahap serius seperti kematian, maka mereka mengambil sikap sambil lewa sahaja. Jangan ingat bila tidak berlaku kematian maka ianya tidak akan berlaku. Di Vietnam contohnya seramai 148 orang telah mati dalam masa tujuh bulan pada tahun 1999 akibat keracunan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, peratusan kurang peka terhadap keselamatan makanan dalam masyarakat kita sebenarnya masih tinggi. Bagi mereka apa yang sedap dan apa yang dihadap pada mereka itu, itulah yang perlu dihabiskan.

Kesedaran-kesedaran tentang pemakanan yang seimbang dan keselamatan makanan perlu dikempen secara lebih agresif. Kalau tiap-tiap hari dan malam, setengah media massa boleh menabur dan menyemai fitnah kepada pembangkang, tak kan tidak boleh tiga kali seminggu untuk berkempen pasal kesihatan ini. Bukan setakat dua, tiga atau empat kali, sekarang ini tiap-tiap hari. Persoalannya sejauh manakah rasa bertanggungjawab pihak kementerian yang terlibat untuk mendapatkan bukti manakala kajian yang tertentu terhadap kesedaran rakyat mengenai makanan ini. Contohnya soal keracunan. Apakah rakyat tahu tanda-tanda bila diserang keracunan? Berapa lama tempoh keracunan ini boleh berlaku? Apakah rakyat tahu makanan-makanan bersusu seperti keju dan krim, masakan berlemak seperti nasi lemak, nasi beriyani, mee, roti dan kuih muih, makanan laut, daging lembu, ayam dan ikan, makanan-makanan dalam tin yang rosak adalah mudah diserang oleh bakteria -bakteria?

Yang menjadi masalahnya ialah, Tuan Yang di-Pertua, bila penjual mendapati bahan-bahan jualan mereka itu rosak sedikit, mereka mula menjual dengan harga yang murah pula menyebabkan masyarakat untuk berlumba-lumba untuk membeli tawaran yang murah itu. Demikian juga bahan-bahan gelatin, apabila sampai ke tahap masa perkara itu akan luput juga, mereka akan melelong barang-barang tersebut untuk mendapat jualan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak minta penjelasan. Sila.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju, di hari-hari perayaan banyak *hampers* ataupun hadiah-hadiah yang disediakan oleh pasar raya ataupun kedai-kedai yang membuat pakej barang-barang lama dan dijadikan hadiah untuk orang-orang tertentu dan ertinya peniaga mengambil kesempatan daripada barang-barang lama ini untuk dijadikan *hamper* dan ini membahayakan penerima itu yang tidak melihat sebelum dibuka bungkusan *hamper* itu dan pembeli juga tidak melihat apakah isinya *dan expiry date* dengan izin, bahan-bahan itu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, saya memang bersetuju benar tetapi oleh kerana saya jarang menerima hamper sepertimana barangkali Yang Berhormat selalu menerima hamper setiap tahun hari perayaan, barangkali Yang Berhormat lebih mengetahui keadaan ini *[Ketawa]*

Kalau kita melihat pula di negara maju. Soal makanan dan pemakanan ini cukup dititik berat. Umpamanya di Jepun, bila berlaku keracunan susu di kilang Snow Brand Food Co. Ltd. di Osaka pada bulan Julai tahun 2000 lalu, maka berlumba-lumba pihak pengeluar makanan dan minuman Jepun memeriksa dan menarik balik barangan mereka. Begitu juga bila berlaku penyakit gila di Eropah, khususnya penguatkuasaan dilakukan dengan cepat bagi mengawal dan terus merebak.

Kita di Malaysia, saya harap begitu juga akan menangani masalah ini umpamanya sekarang ini di kawasan saya, Parlimen Rantau Panjang berlaku penyakit lembu iaitu Hawar Berdarah di state Gual Periuik Parlimen Rantau Panjang. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian mengambil berat supaya penyakit ini tidak akan merebak di kawasan yang lain. Saya dimaklumkan tiga bulan yang lepas, penyakit Hawar Berdarah ini kepada lembu dan kerbau berlaku di Parlimen Tanah Merah, di kawasan Kemahang 3, 2 dan 1. Tetapi pada bulan ini telah pun mulai merebak ke Parlimen Rantau Panjang khususnya di *state* Gual Pe riuk. Jadi saya mengharapkan pihak kementerian akan terus mengambil berat seperti mana apa yang berlaku penyakit Lembu Gila di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang kita maklumi....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit. Penyakit Lembu Gila, penyakit lembu Hawar Berdarah ini, kenapa di Kelantan sahaja, negeri lain tidak ada pun?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Lembu Gila ini tidak ada di Kelantan cuma Lembu Berdarah ini ada di Tanah Merah. Barangkali dibawa masuk oleh sahabat-sahabat kita dari luar negeri, terutama sekali kepada Gik.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklumi, bahan pengawet adalah salah satu daripada bahan tambahan yang dimasukkan ke dalam makanan. Selain daripada itu ada juga bahan-bahan lain seperti pewarna, perasa dan ejen pengulasi dan ejen penstabilan. Ini semuanya digunakan untuk tujuan membuat makanan tahan lama di samping lebih menarik dan enak rasanya. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan atau mencegah pertumbuhan mikro organisma seperti bakteria, kulat dan ragi. Ini juga untuk mengelakkan dari makanan menjadi rosak dan basi.

Walau bagaimanapun, penggunaan bahan-bahan pengawet seperti ini tidak selalunya selamat terutama sekali bila digunakan dalam kuantiti yang berlebihan. Ianya berlaku dalam cili boh....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Sipitang, hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat, tadi dikatakan makanan-makanan ini perlu dijaga kualitasnya termasuk bahan pengawet. Setujukah Yang Berhormat seperti cadangan saya ini, misalnya di Kelantan, banyak penjual makanan adalah orang perseorangan yang membuat kuih di rumah kemudian dibawa ke kedai, di letak di gerai-gerai dan sebagainya tanpa melalui satu proses prosedur khusus yang diterima. Jadi sesiapa sahaja boleh membuat makanan dan hantar ke kedai dimana orang ramai akan membeli makanan itu. Apakah Yang Berhormat setuju supaya perkara ini tidak dijadikan begitu dan mesti ada satu kilang ataupun satu ujian yang khusus sebelum seseorang itu layak membuat kuih dan menjualnya kepada orang ramai. Cara ini menjamin keselamatan. Kalau misalnya terjadi satu keracunan ataupun penyakit, kita tahu siapa yang membuat kuih itu. Tetapi sekarang ini kita boleh ambil daripada sesiapa sahaja, jual dan bila kita ada sesuatu berlaku, sukar untuk mengesan punca kerosakan ataupun penyakit daripada makanan tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Kalau hendak dikira jenis makanan yang dimasak pagi, jual pagi, masak petang, makan petang juga perlu ada makmal, perlu analisis dan sebagainya, saya rasa teruklah. Makan nasi kerabu pagi pun kena siasat dahulu, makan nasi lemak pagi, kena siasat dahulu siapa yang membuat, adakah ianya mempunyai keracunan dan sebagainya, teruk sedikit kalau macam itu dan mungkin bukan sahaja di Kelantan barangkali di lain-lain negeri pun cukup teruk, hendak minum pagi pun susah, hendak makan pagi bersama-sama dengan air teh pun susah kalau betul-betul kita membuat peraturan seperti ini.

Tetapi saya melihat peraturan-peraturan di sini ialah sebahagian besarnya perkara-perkara yang kita ada kilang, pakej dan sebagainya tetapi makanan yang kita buat sedikit sebanyak, RM10 satu pagi untuk kita jual kuih apam dan sebagainya

saya rasa itu tidak menjadi masalah yang berat cuma memang kalau nasi lemak memang pernah berlaku di kantin-kantin sekolah. Itu pun bukan kerana nasi, kerana timun yang diambil walaupun satu kerat timun, dibasuh dan diletakkan di atas nasi itu, tetapi bila makan, timun itu baru sahaja diracun. Hari ini racun, besok sudah diambil sebab timun itu setiap hari, bila dia masak, setiap hari kita ambil, itu stail timun. Biasanya kena di atas timun tetapi orang menyiasat tidak tahu macam mana, tidak dapat mengesan perkara ini. Saya dapat kesan bahawasanya memang kalau berlaku nasi lemak, kantin sekolah bukan kerana nasi tetapi kerana timun yang ada di atas nasi. Saya berharap perkara ini pihak menteri jangan ambil berat sangat pandangan seperti ini. Kalau betul-betul menteri mengambil berat mengenakan atau mengehadkan perkara kuih -muih yang dijual setiap pagi umpamanya di Kelantan ini, maka saya yakin dan percaya ramailah rakyat Kelantan akan menderita daripada hidup kais pagi makan pagi sebagaimana yang berlaku sekarang ini.

Walau bagaimanapun, penggunaan bahan pengawet ini tidak selalunya selamat terutamanya sekali bila digunakan kuantiti yang berlebihan tadi. Tuan Yang di-Pertua, soal makanan ringan yang disebutkan sebentar tadi, kita anggap itu makanan ringan, makanan yang dibuat sedikit, dimasak dalam masa satu jam dan dijual terus dan habis. Saya rasa kesan penyakitnya tidak begitu mendalam. Persoalannya yang berat seka rang ini ialah bahan yang dibuat dengan kuantiti yang banyak, dipakej, dijual dengan memakan masa yang panjang, itu yang dimaksudkan di sini. Perkara-perkara jangka pendek dan kuantitinya tidak sebegitu banyak, saya rasa tidak menjadi kesan kepada apa yang kita bincangkan pada hari ini. Soal makanan ringan yang banyak bahkan terlalu banyak di dalam pasaran khususnya untuk kanak-kanak. Pihak pengamal perubatan sering menasihatkan supaya makanan-makanan ringan ini dijauhkan dari kanak-kanak. Apa yang kita musykilkan ialah bagaimana saranan-saranan dari pengamal perubatan itu tidak dipatuhi dan diambil berat oleh pengawal-pengawal makanan dan perubatan itu tidak dipatuhi dan tidak diambil berat oleh kerajaan dan juga pengusaha-pengusaha. Kalau sudah tahu bahawa barang-barang makanan ringan ini mendatangkan mudarat kepada pengguna, mengapa ia masih dibiarkan berada di pasaran-pasaran terutama sekali di sekolah-sekolah.

Apa rasionalnya membenarkan ianya terus dibeli begitu juga dengan makanan segera yang menjadi salah satu punca masalah berat dalam badan dan masalah cepat menjadi gemuk, seorang yang makan makanan itu. Ianya

mendekatkan pengamalnya kepada penyakit jantung dan kencing manis dan mengharapkan dengan berlakunya pindaan seksyen 13, yang boleh membawa kepada denda sehingga RM100,000 atau sehingga 10 tahun penjara atau kedua-duanya sekali ini boleh sekurang-kurangnya mengawal barangan itu dari terus mengancam kepada pengguna dan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah mengenakan cadangan ini terlalu tinggilah daripada dahulu RM1,000 sekarang sudah menjadi RM100,000 atau denda sebanyak 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian mengenai buah-buahan dan sayur-sayuran yang diimport dari negara jiran khususnya yang mengandungi bahan-bahan beracun yang tinggi. Buah-buahan dan sayur-sayuran seperti oren dari China, longan ataupun buah mata kucing, orang Kelantan kata yang dibawa dari Thailand, sawi, salad, lobak yang dibawa dari Jepun yang mempunyai kadar racun perosak yang tinggi pada suatu masa dahulu. Apakah perkara seperti ini tidak memungkinkan ianya terus berlaku lagi? Saya mengharapkan pihak yang bertanggungjawab dalam mengenal pasti keselamatan bahan-bahan import ini terus aktif. Dalam hal ini juga, saya mengharapkan pihak Kementerian Pertanian, Kementerian Hal-Ehwal Pengguna dan Kementerian Kesihatan perlu bergerak seiring dalam hasrat menjaga kepentingan rakyat kita.

Ketiga-tiga kementerian ini sebenarnya saling perlu dan memerlukan. Perlu berganding bahu antara satu sama lain. Jadi, apa salahnya memberi *priority* ataupun keutamaan bagi menyelamatkan rakyat kita di mana pihak-pihak yang terlibat ini menggembelngkan tenaga mengatasi masalah pemakanan ini. Skim galakan pertanian yang melibatkan bahan-bahan makanan yang boleh dan sesuai ditanam di negara kita ini perlu diberi perhatian untuk dimajukan. Tidak perlu lagi kita mengimport bahan-bahan yang tersebut kalau tanah dan cuaca di tempat kita ini memang sesuai.

Kementerian Kesihatan juga perlu aktif dan cepat dalam memberitahu rakyat apabila sesuatu bahan telah berada di pasaran, didapati beracun dan seumpamanya. Sepatutnya sebelum ini, sebelum diluluskan penjualannya, ianya terlebih dahulu mendapat pengesahan kesihatan dan kebenaran pemasarannya. Ini kerana, apabila sudah digunapakai oleh pengguna, baru pihak kesihatan turut dapat mengesan negatifnya, ia amat mengecewakan pengguna itu sendiri. Jangan kita perjudikan nyawa rakyat kita semata-mata untuk mendapat keuntungan yang

sedikit. Sebagaimana yang kita sedia maklum, persepsi penjualan dan pembeli berbeza. Penjual mahu barangnya laku manakala pembeli mengharapkan sesuatu yang baik dari barang yang dibelinya. Saya juga mengharapkan pemerhatian dan kawalan yang berterusan oleh Kementerian Hal-Ehwal Pengguna terutamanya mengenai barang-barang yang sudah tamat tempoh.

Masih ada dan berlaku penjual barang-barang yang menjual barangan yang habis tempoh penggunaannya oleh kerana mengharapkan keuntungan. Tindakan-tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka ini supaya tidak diikuti oleh peniaga-peniaga lain. Tawaran-tawaran harga murah sesuatu bahan makanan sepertimana yang disebutkan oleh wakil daripada 'Teluk Kemang' sebentar tadi perlu diperiksa kerana ada di antara barangan mereka seperti telur, buah-buahan, barangan yang *dipack* dan ditin ini sudah lama dan dibimbangi dijangkiti kuman.

Tuan Yang di-Pertua, masalah merokok menjadi satu masalah yang sukar diselesaikan. Sekarang ini, pelajar-pelajar sekolah semakin ramai merokok. Tabiat merokok di kalangan rakyat kita semakin membimbangkan. Larangan merokok di tempat-tempat tertentu tidak diambil berat oleh perokok. Apakah ini kerana denda atau hukuman yang dikenakan terlalu ringan atau sememangnya mereka degil dan tidak mengambil hirau terhadap larangan tersebut? Masih lagi kedapatan juga kanak-kanak di bawah umur membeli rokok untuk bapa dan abang-abang mereka. Pendedahan oleh pihak kesihatan tentang bahaya merokok tidak ditakuti. Inilah kelebihan merokok agaknya. Jadi, saya mengharapkan dengan pindaan seksyen 36 dan penguatkuasaan yang berterusan, sedikit sebanyak masalah rokok ini akan dapat diatasi.

Tuan Muhamad bin Mustafa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peringat bangun.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Yang Berhormat daripada Rantau Panjang, saya ingin penjelasan sedikit mengenai tabiat merokok tadi Yang Berhormat mengutarakan kerana dalam masa yang sama, kita lihat kerajaan sendiri telah bercanggah di dalam soal ini, di mana di dalam yang sama, mereka menjalankan kempen anti merokok tetapi, pada masa yang sama juga melalui iklan-iklan yang ada dan juga penganjuran sesuatu pesta umpamanya, telah memaparkan iklan rokok ini secara besar-besaran dan ini mempengaruhi para belia kita terutamanya. Jadi, bagaimanakah cara yang terbaik yang pada pandangan Yang

Berhormat untuk menghalang perkara ini kerana kerajaan sendiri bercanggah dalam melaksanakan peraturan undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Untuk mengatasi masalah ini, memang payah sebab kerajaan memang *double standard*. Rokok dia bagi jual tetapi dia tulis di sini, peringatan pemerintah “*merokok dapat merugikan kesihatan*” itu sahaja yang dia boleh. Tetapi, kalau kita betul-betul hendak menghapuskan persoalan merokok ini, persoalan bahaya merokok ini, satu sahaja yang senang, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita jatuhkan kerajaan yang ada hari ini, kita lantik kerajaan baru, selesai masalah. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada hisap rokokkah? *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak hisap rokok.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hah, Yang Berhormat Tebrau bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sila, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat sedar tidak bahawa merokok ini ramai di kalangan ahli-ahli PAS termasuk kawasan saya lebih teruk daripada saya merokok. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak ikut contoh yang baik, ahli-ahli PAS semua yang buat pengisytiharan jangan merokok. Hah, itu setuju tidak cadangan saya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, memang kita telah mengetahui sebahagian besarnya orang UMNO yang baru masuk PAS itu dia sedang merokok lagi. Jadi, kita perlahan-lahanlah. Sebab, kalau kita hendak kerat seterusnya takut dia.....*[Disampuk]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini bukan ahli baru, lama. Imam yang lama PAS pun hisap rokok.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Biasanya, biasa begitu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya jumpa Imam PAS ini, dia keluar, dia hisap rokok.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ahli UMNO masuk PAS. Dahulu pun UMNO juga itu, iman itu. Tetapi, kita perlahan-lahanlah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat ini tidak pernah hendak mengaku yang salahlah. *[Ketawa]* Saya hairanlah kenapa? PAS ini kena

betul-betullah. Yang betul, kata betul, cakap ada. Apa salahnya cakap. Ini tidak, hendak nafikan yang benar pun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, memang payah kita hendak mengatasi perkara ini dan kita cuba, pihak PAS mentarbiahkan dengan cara beransur-ansur, perlahan-lahan, sebab kita tahu ramai sekarang ini orang UMNO masuk PAS membawa gaya lama. Jadi, kita perlahan-lahanlah. Jadi ahli PAS pun sudah mujur, hisap rokok tidak apa, biar dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini rokok tidak kena mengena dengan PAS ataupun UMNO. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masalahnya Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut tadi ahli PAS di kawasan dia, ramai yang hisap rokok lagi. Saya kata itu ahli baru. Jadi, saya mengharapkan dengan pindaan seksyen 36 dan penguatkuasaan yang berterusan, sedikit sebanyak masalah rokok ini akan dapat diatasi. Walaupun komitmen semua pihak daripada rakyat bawahan sehingga pemimpin atasan amat ditagihkan. Ini kerana kadang-kadang ada kalangan orang-orang politik yang cuba mempolitikkan soal penanaman tembakau sedangkan tembakau itulah yang menghasilkan rokok.

Di satu masa dahulu, mereka bertungkus lumus melarang merokok dan di satu masa yang lain pula, mereka mempolitikkan penanaman tembakau khususnya di Kelantan. Baru-baru ini, kita lihat pihak menteri telah memberi galakan ataupun ganti rugi kepada penanam tembakau di Bachok. Ini salah satu bukti yang mereka ini *double standard*. Jadi, kita rasa patut kerajaan berhati-hati supaya sekurang-kurangnya pihak kerajaan mencari tanaman alternatif daripada tanam tembakau. Kita bukan hendak menyekat ekonomi rakyat, khususnya di Kelantan tetapi kalau boleh Kerajaan Persekutuan cuba.....*[Disampuk]*

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peringat bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar tentang kekurangan yang ada di dalam rang undang-undang yang dibentang ini? Iaitu berkenaan dengan minuman yang memabukkan, pada pemerhatian saya, tidak disebutkan dalam rang undang-undang ini tentang minuman yang memabukkan, termasuklah alkohol. Yang keduanya, ialah berkenaan dengan

program pendidikan daripada Kementerian Kesihatan itu sendiri. Apa yang ditekankan ialah dari segi undang-undang, tetapi dari segi pelaksanaan pendidikan tidak ada sesuatu peruntukan dalam rang undang-undang ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Peringat. Ya, memang barangkali minuman yang memabukkan itu menjadi satu perkara yang menghalang kepada kerajaan untuk masukkan dalam ini, barangkalilah. Itu pada pandangan saya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dijawab oleh pihak kementerian sewaktu menggulung. Tetapi, pada pandangan saya, sepatutnya juga dimasukkan sepertimana yang disarankan oleh wakil daripada Peringat sebentar tadi. Memang banyak lagi perkara-perkara yang tidak dimasukkan di sini. Kalau kita perhatikan di sini seperti 'tauchu', perisa makanan memang tidak dimasukkan lagi. Bermakna perkara ini barangkali boleh dipinda dan saya mengharapkan supaya pihak kerajaan memberanikan dirilah cuba memasukkan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Parlimen Peringat tadi berkenaan dengan minuman-minuman yang memabukkan juga dimasukkan di dalam akta ini.

Kesimpulannya, saya mengharapkan pihak kementerian supaya menambahkan pegawai penguat kuasa ini. Kalau tidak menambahkan pegawai penguat kuasa ini, saya yakin dan percaya rang undang-undang pindaan ini dijadikan undang-undang tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana yang penting pegawai itu mesti cukup dan mesti tegas di dalam melaksanakan tugas untuk menangani masalah-masalah yang kita akan lulus dalam rang undang-undang.

Kesimpulannya, saya melihat di sini, kalau betul-betul kita menggunakan kuasa kita yang ada ini, barangkali pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini akan menghadapi satu masalah besar dan jika perlu pihak kerajaan mesti membantu mereka ini untuk mendapatkan *lab* ataupun makmal bagi membuat kajian sebelum mereka ini meneruskan usaha-usaha mereka untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan ini.

Saya rasa, itu sahajalah perkara-perkara yang saya hendak sebutkan di sini dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian, mudah-mudahan pihak kementerian akan melaksanakan tugas dan menambahkan sebagaimana yang disebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Petaling Jaya Utara.

12.17 pagi.

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Makanan (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua ketahui, rakyat yang sihat merupakan asas kekuatan sesebuah negara. Sehubungan dengan ini, kesihatan pemakanan rakyat kita akan menjadi lebih terjamin dengan pindaan ke atas Akta Makanan 1983 yang telah berkuat kuasa selama 17 tahun dan tidak lagi memenuhi keperluan masa kini. Pindaan ke atas akta makanan jika dapat diluluskan, bukan sahaja akan memperbaiki kelemahan yang wujud pada akta yang asal dengan meningkatkan pengawalan ke atas mutu makanan dan memperketatkan tindakan penguatkuasaan, malah membolehkan industri makanan kita lebih berupaya dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dibawa oleh pasaran globalisasi.

Kawalan kualiti makanan yang sempurna akan membolehkan industri pelancongan kita yang mempromosikan keindahan pemandangan geografi, keunikan budaya masyarakat dan kepelbagaian makanan yang lazat menjadi lebih menarik lagi. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat mutlak pindaan akta makanan ini, selain daripada memastikan penguatkuasaan yang cekap dan meningkatkan infrastruktur termasuk makmal penyelidikan dan pemeriksaan makanan, lebih penting lagi, kita juga harus mendidik rakyat kita supaya sentiasa mementingkan komponen bahan kandungan, kualiti, tempoh sah guna dan kebersihan makanan. Pada masa yang sama, kerja pendidikan juga harus dilakukan seperti membekalkan maklumat terkini berkenaan dengan jenis makanan terbaru kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, ada pandangan yang mengatakan jika kita membuat analisis yang serius terhadap semua makanan yang dimakan ini, kemungkinan kita tidak akan berani makan apa-apa pada akhirnya dan mati kelaparan. Ini membuktikan pengawalan makanan adalah satu kerja yang sukar dilakukan dan membuktikan tiada makanan yang selamat dimakan sepenuhnya atau memenuhi keperluan kebersihan secara seratus peratus. Walaupun pada kebanyakan masa, faktor penentu ialah keseimbangan dan kuantiti makanan yang dimakan, namun begitu, perkara di luar jangkaan tetap boleh berlaku. Kita mengambil contoh minuman botol yang kita gemari. Menurut maklumat yang saya ambil dari India, untuk membolehkan minuman dirasai sejuk, '*ethylene glycol*' yang mampu

mengelakkan air membeku pada suhu 0 °C mahupun menurunkan suhu air sebanyak 4°C hingga 5 °C telah dimasukkan ke dalam sebahagian besar jenis minuman botol.

Menurut maklumat, kesan keracunan *ethylene glycol* adalah perlahan. Maklumat tersebut juga mengatakan jika kamu meminum 4 liter minuman Cola yang mengandungi bahan ini dalam masa satu jam, ia mungkin membawa maut. Apa yang lebih menakutkan ialah pH bagi Cola ialah 3.4 dan keasidannya kuat sehingga mampu mereputkan tulang dan gigi. Pernah terjadi sebatang gigi rosak direndamkan ke dalam minuman Cola, gigi tersebut didapati telah reput 10 hari kemudian.

Maklumat tersebut juga melaporkan bahawa dalam satu pertandingan meminum Cola yang berlangsung di sebuah universiti di India pemenang telah pengsan setelah minum lapan botol Cola kerana kandungan karbon dioksida dalam darahnya adalah berlebihan. Ini seterusnya menyebabkan pihak universiti melarang penjualan minuman Cola di dalam kantinnya. Saya percaya pihak kementerian mungkin sudah mengetahui sejauh manakah ketepatan maklumat ini dan saya berharap pihak kementerian dapat memberi penjelasan terhadap laporan di atas. Jika ianya adalah benar saya berharap pihak kementerian akan membuat pertimbangan untuk mengumumkan kepada orang awam atau melarang penjualannya.

Tuan Yang di-Pertua, makanan yang kita beli dari pasar setiap hari termasuk makanan kering...

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa kandungan yang terdapat dalam Cola itu telah membahayakan kesihatan sesetengah dari kita. Kalau kita lihat satu lagi penyakit yang dihadapi oleh belia-belia waktu sekarang ini ialah penggunaan ubat batuk dan juga penggunaan dadah. Mereka menggunakan ubat batuk dan juga bahan-bahan dadah ini dicampur dengan Coca Cola ataupun Pepsi Cola di mana Coca Cola dan Pepsi Cola ini dianggap sebagai pemangkin untuk mempercepatkan lagi tindakan kepada dadah tersebut. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa di dalam pemantauan ini juga hendaklah diteliti dan dikaji mengenai bahaya dadah bersama dengan penggunaan minuman tersebut.

Puan Chew Mei Fun: Ya, terima kasih. Saya memang bersetuju dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, makanan yang kita beli dari pasar setiap hari termasuk makanan kering, sayur, ikan, daging dan makanan tin yang hampir kesemuanya telah melalui tahap pemprosesan kimia yang tidak sama. Ada di antaranya telah disembur ubat serangga yang berlebihan semasa penanamannya. Ada yang telah ditambah bahan pengawet. Ada pula yang mengandungi bahan pemanis untuk menambahkan kelazatannya. Kita mengambil contoh ikan bilis yang biasanya digunakan untuk menambahkan rasa manis sup. Ramai di antara suri rumah tangga menganggap kemanisan ikan bilis adalah kemanisan semula jadi ikan. Tetapi sebenarnya ia adalah kesan daripada *sodium saccharin* iaitu sejenis bahan pemanis.

Satu contoh lagi ialah kita sering membeli udang kecil kering yang berwarna terang dan merah. Tetapi adakah kita tahu kecantikan warnanya adalah disebabkan oleh hasil pemprosesan dari *arsenical compound* dengan izin. Orang ramai tidak tahu kandungannya dan ni mungkin adalah kerana makanan kering tidak dijual dalam bungkusan dan tidak menjelaskan kuantiti bahan kandungannya. Maka kebanyakan daripada kita tidak jelas mengenai bahan kandungannya atau tidak tahu kuantiti bahan kandungannya biarpun mengetahui makanan kering tersebut mengandungi *sodium saccharin* atau *arsenical compounds*.

Tuan Yang di-Pertua, semua ubat adalah racun tetapi bukannya semua racun itu adalah ubat. Bagi mereka yang gemar makan sambal udang kecil adalah makanan kebiasaan. Akan tetapi bahan arsenical compounds yang terkandung di dalamnya jika berlebihan akan memudaratkan kesihatan manusia. Justeru itu untuk mengelakkan rakyat daripada kekurangan maklumat lalu termakan makanan yang mengandungi bahan kimia mahupun racun yang berlebihan maka kerajaan seharusnya menetapkan bahan makanan kering di atas semestinya mengumumkan bahan kandungan serta kuantitinya.

Di sini saya juga berharap pihak Kementerian Kesihatan memberi perhatian kepada semua ikan yang dijual dalam pasar terutamanya ikan import yang menggunakan formalin untuk membolehkan ikan kelihatan segar dan mengelakkan kesan negatif yang timbul daripada bau hanyir ikan. Formalin biasanya digunakan untuk memelihara tisu dan organ yang disimpan dalam makmal penyelidikan. Bahan kimia formalin yang dihasilkan daripada pencampuran formaldehyde dengan air bergantung kepada kepekataannya untuk menentukan tahap keracunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akta yang baru para pengusaha yang terlibat dalam proses penghasilan pemprosesan dan penjualan akan dikawal ketat termasuklah pembuat makanan, pengilang, pengusaha restoran dan penjaja. Pembesaran lingkungan pengawalan dengan memasukkan lebih banyak pihak untuk bertanggungjawab bersama merupakan satu cara yang baik. Akan tetapi saya ingin bertanya bahawa jikalau kita mahu penjaja bertanggungjawab adakah ini bermakna para penjaja akan didenda sekiranya sayur, daging atau makanan lain yang dijual oleh mereka mengandungi bahan kimia atau racun serangga yang melepasi garis keselamatan yang ditetapkan. Jika ya, adakah adil untuk meminta penjaja memikul tanggungjawab sedangkan sebilangan besar mereka tidak berpendidikan tinggi atau tidak mempunyai kelengkapan pemeriksaan dan tidak berpengetahuan profesional. Maka saya berharap kerajaan sewaktu menjalankan tugas penguatkuasaan harus mempertimbangkan keadaan semasa.

Saya bersetuju jika kerajaan mengambil tindakan terhadap restoran dan penjual makanan masak yang tidak mencapai tahap kepiawaian yang ditentukan. Tetapi bagi penjaja yang menjual bahan makanan mentah seperti sayur dan daging mentah serta makanan kering cara yang lain harus digunakan. Sebaliknya pembekal bahan makanan mentah yang seharusnya dipertanggungjawabkan kecuali terdapat bukti yang menunjukkan kemudahan penyimpanan penjaja tidak memenuhi keperluan kebersihan atau penjaja sendirilah yang menyebabkan makanan yang dijual itu tidak memenuhi kepiawaian yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat bagi Shah Alam, Malaysia yang mampu menyediakan pelbagai jenis makanan sedap harus bergerak seluruh dunia bagi makanan lazat dan makan makanan yang lazat sememangnya menjadi salah satu daya tarikan yang penting bagi industri pelancongan. Namun begitu kemudahan kebersihan di sesetengah restoran dan gerai makanan amatlah membimbangkan. Sebagai contoh gerai makanan di tepi jalan yang semakin popular pada waktu malam dulu kebanyakannya adalah gerai mamak tetapi kini semakin banyak gerai di tepi jalan semakin bagus perniagaannya.

Di sini saya ingin mengingatkan bahawa walaupun makanan itu bersih semasa dimasak ia akan dicemari oleh kuman atau bakteria jika dihidangkan di tepi jalan akibat daripada habuk dan asap kenderaan. Adakah penjaja yang menjual makanan di persekitaran sebegini juga tertakluk kepada akta makanan yang baru.

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan terhadap trend yang semakin popular ini.

Selain itu bagi restoran dan pusat penjaja di bandar atau pekan kebersihan di dalamnya atau wajah penjaja adalah cukup bersih tetapi sisa makanan dan minyak yang disalur keluar melalui longkang dan parit telah membangkitkan masalah kebersihan di persekitarannya. Nyamuk, ulat dan tikus bukan sahaja mengancam kebersihan makanan di restoran tetapi juga mengancam kebersihan rumah-rumah di sekitarnya.

Oleh itu saya berharap Kementerian Kesihatan dapat bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menentukan para pemaju mengambil kira masalah sistem pembuangan sisa kotoran restoran dan pusat penjaja semasa pembinaan kedai dengan reka bentuk serta mendirikan satu sistem pembuangan sisa kotoran yang sempurna supaya dihadkan dalam kawasannya sendiri. Pengusahanya boleh membersihkan sisa kotoran sendiri dan tidak mengalir ke tempat orang lain yang seterusnya boleh mendatangkan masalah pencemaran persekitaran. Jika tidak, kebersihan makanan hanya dilihat dari segi permukaan sahaja tetapi tidak mampu mencapai matlamat yang sebenarnya kerana pencemaran persekitaran juga mempengaruhi kebersihan makanan.

Selain itu kerajaan harus menggubal undang-undang untuk memastikan semua gerai makanan mesti menggunakan alat penutup makanan. Peraturan seperti memakai topi dan apron mesti dikuatkuasakan dengan ketat dan kebersihan kain yang diguna untuk mengelap meja juga harus diberi tumpuan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa dalam usaha memastikan kebersihan makanan adalah terjamin, pendidikan tidak kurang penting daripada penguatkuasaan undang-undang. Kita harus melalui sistem pendidikan rasmi atau kempen-kempen kesedaran membangkitkan keprihatinan rakyat kita terhadap kebersihan dan keseimbangan makanan dan tahu membezakan jenis makanan yang berfaedah atau berbahaya terhadap mereka serta bagaimana mengekalkan kesihatan badan melalui pengambilan makanan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah di atas saya bercadang menyokong Akta Makanan (Pindaan) 2001. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lular.

12.31 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap tidak membuang masa Dewan dan bercakap dengan ringkas.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang bersetujulah. *[Ketawa]*.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi kalau saya buka mulut macam ini Datuk setuju macam ini, insya-Allah, saya akan menunaikan kehendak Dewan dan kehendak Datuk dan kehendak saya sendirilah.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya cukup tertarik dan mengucap tahniah kepada rakan daripada Petaling Jaya yang telah membuatkan cadangan, saranan dan hujah-hujah yang begitu rapi dan baik sekali. Saya juga tidak lupa menyatakan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi yang mula-mula menarik perhatian saya kepada pindaan undang-undang ini.

Undang-undang ini nampaknya amat baik sekali dan banyak hukuman-hukuman dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan bukan sahaja daripada segi garis panduan undang-undang itu sendiri, landas hukuman dan juga prosedur saksi dan bukti dan cara membawa kes-kes ke mahkamah dan sebagainya semuanya telah ditetapkan oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan satu suasana yang mungkin mendatangkan lebih baik dan lebih menarik kepada persoalan pembuatan, pemprosesan, pembungkusan dan penyajian makanan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan undang-undang yang begitu rupa kita boleh membudayakan satu amalan yang boleh mengeluarkan barang makanan yang bersih, yang bermutu dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat Malaysia dan juga kita boleh menjadikan negara kita sebagai pengeksport makanan pada masa-masa yang akan datang dengan landasan undang-undang yang begitu baik sekali. Tetapi dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak juga boleh menyatakan benda-benda yang dibuat sedemikian rupa boleh dilaksana sedemikian rupa juga kerana banyak kemungkinan, kelemahan ataupun batasan-batasan yang mungkin terpaksa kita atasi sebelum undang-undang ini boleh mendatangkan kesan yang positif sebagaimana yang dikehendaki.

Jadi dalam konteks inilah maka saya hendak bertanya dengan pihak kementerian dan mencadangkan sedikit sebanyak perkara-perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan. Umpamanya, kemampuan pihak jabatan dan

kerajaan untuk mengendalikan pemantauan. Ini adalah amat penting sekali dalam keadaan kita berbincang persoalan membudayakan kebersihan dalam pemrosesan dan pengeluaran barang makan. Begitu juga soalan penyajian barang makanan kepada pihak umum iaitu orang ramai.

Dalam kita hendak membudayakan ini, latihan dan disiplin mestilah dikuatkuasakan. Tetapi persoalannya adakah kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan berkemampuan menguatkuasakan undang-undang ini sebagaimana yang telah disebut dalam undang-undang ini sendiri. Umpamanya, kita mengimport banyak barang makanan daripada luar negara sama ada barang itu fresh, dengan izin, ataupun barang itu sudah diproses dan dimasukkan ke dalam tin dan bungkusan dan barang-barang ini masuk ke negara ini terutamanya baru-baru ini pihak kementerian, saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana telah boleh membuat pemeriksaan kepada botol-botol barang-barang sos dan sebagainya daripada luar negara, daripada China, Hong Kong dan sebagainya didapati mengandungi benda yang tidak sesuai untuk dimakan oleh masyarakat Malaysia.

Dalam masa yang sama adakah perkara ini hanya berlaku kepada sos-sos sahaja? Tidakkah perkara ini juga berlaku kepada benda-benda lain, sayur-sayuran, benda prosesan lain, telur dan sebagainya? Dan banyak lagi benda yang mungkin mendatangkan kesan yang negatif atau tidak baik kepada masyarakat Malaysia. Walaupun kementerian ini hendak memeriksa semua atau tiap-tiap barangan makanan yang masuk ke negara ini, adakah orang-orang di jabatan-jabatan tertentu, jabatan chemistry umpamanya mencukupi untuk mengambil sampel secara random ataupun tertentu daripada tiap-tiap barang makanan yang masuk ataupun dikeluarkan kepada umum itu, boleh diperiksa dan dibuat keputusannya seberapa cepat yang mungkin? Kalau tidak, umpamanya kalau barang makanan ini memakan masa setahun ataupun dua tahun setelah masuk ke negara ini baru kita mendapat keputusan pemeriksaan daripada pihak jabatan chemistry umpamanya, tetapi barang itu mungkin telah dimakan oleh masyarakat Malaysia ataupun siapa sahaja yang mengambilnya dan mungkin telah mendatangkan kesan yang tidak baik kepada mereka.

Dalam keadaan sedemikian, saya menyarankan kepada pihak kementerian supaya melihat semula jabatan yang dianggap rendah kedudukannya ini iaitu jabatan chemistry dan sebagainya diperbesarkan, dipertingkatkan lagi anggotanya dan ditinggikan tahap kelas dan diberi anggota yang banyak dan dibukakan cawangan-

cawangan di tempat-tempat yang strategik di seluruh negara, terutama sekali di kawasan-kawasan umpamanya di Sabah dan Sarawak. Bukanlah saya sengaja hendak sebut Sabah dan Sarawak ini, Sarawak adalah sebesar Semenanjung, kurang sikit 4,000 square kilometer daripada Semenanjung. Jadi, maknanya kalau kita adakan hanya dua tiga chemistry department di Sarawak, dan di Semenanjung sepuluh umpamanya, maknanya belum berimbang coveragenya.

Dalam keadaan sedemikian, kita mesti melihat keadaan di Sabah dan Sarawak itu, orang di luar bandar dan sebagainya mesti mempunyai kemudahan-kemudahan sedemikian supaya barang-barang yang masuk ke Sabah dan Sarawak juga di Semenanjung mendapat pemeriksaan dan pemantauan yang rapi oleh pihak kerajaan berlandaskan undang-undang yang kita adakan di sini. Pemantauan ini amatlah sukar dan amat meluas kerana barang yang dikeluarkan itu bukan sahaja daripada import tetapi juga yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang dan pengeluar-pengeluar tempatan. Kadang-kadang bukanlah orang sengaja hendak mengeluarkan satu barang makanan yang menunjukkan warna yang baik, cara yang baik, rupa yang baik, tetapi sebenarnya tidak baik. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Petaling Jaya sebutkan tadi kadang-kadang warna udang kering yang kemerah-merahan itu mungkin oleh kerana warna yang dicampur ke dalam udang kering itu. I

Ini saya tidak setuju sedikit. Kalau di kawasan saya ada mengeluarkan udang kering warna kemerahan ini bukan disebabkan warna, tetapi kerana udang itu sengaja dipilih daripada udang yang berwarna merah. Di luar bandar Sarawak dipanggil udang payak. Udang payak ini warnanya merah, sengaja dipilih dan dikeluarkan begitu rupa dan direbus begitu sahaja dan dikeringkan dan warnanya kemerah-merahan. Memang ini mempunyai kualiti dan harga dan nilai yang lebih baik daripada udang-udang kering yang berwarna putih, tetapi tidak bermakna udang-udang ini mendapat campuran chemical ataupun pewarna.

Dalam keadaan sedemikian, kita mesti mampu memilih yang mana satu diwarna dan yang mana satu dengan warna asli benda-benda yang kita proseskan. Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya berharap pihak kementerian melihat jabatan-jabatan yang berkenaan untuk pemeriksaan bukan sahaja pegawai penguat kuasa yang pergi ke kedai-kedai me nyita benda-benda daripada peringkat kilang dan sebagainya, tetapi juga pemeriksaan ini adalah amat penting supaya keputusan pemeriksaan diketahui pihak umum, dan pengumuman mestilah dibuat sebagaimana Yang Berhormat Menteri telah buat kepada sos baru-baru ini.

Yang kedua yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal pekerja. Memang saya bersetuju kita mungkin tidak boleh membuat satu pemantauan yang begitu rapi sekali supaya semua kehendak-kehendak kita itu dipenuhi. Tetapi dalam keadaan yang sama saya berpendapat tiap-tiap mereka yang terlibat dengan pekerjaan, pemp rosesan, pembungkusan makanan dan sebagainya ataupun penyajian makanan di restoran dan gerai hendaklah memakai pakaian yang kemas, pakaian yang bersih dan sebagainya. Saya tidak melihat sama ada garis panduan ini telah digunakan, kerana kalau kita lihat dalam restoran-restoran orang yang menyajikan barang makanan di hadapan yang mana dressingnya cantik, warnanya cantik, semuanya nampak bersih, tetapi kalau pergi ke dapur, ma kan pun tak boleh lagi kita.

Jadi, ini adalah satu perkara yang tidak berimbang sekali, di hadapannya cantik tetapi di belakangnya tak cantik, tak bersih. Macam make up di muka sahaja tetapi badan tak mandi sudah sepuluh hari. Kalau bau busuk pun bolehlah pakai perfume. Ini tak boleh, kita kena periksa daripada luar sampai ke dalamnya sekali supaya barang makanan ini betul-betul bersih dan orang yang menyajinya bersih dan orang yang menyedia di belakang pun bersih, pakaiannya tidak kotor dan sebagainya. Kadang-kadang rambut, misai, janggut dan bermacam lagi, panjang begitu rupa, kita lihat pun nak makan macam mana. Mungkin ada kutu dan apa benda lagi dalam rambut itu. Jadi, perkara-perkara kebersihan pakaian, penyaji barang makanan ataupun pemproses barang makanan ini mestilah juga diambil kira supaya perkara-perkara itu tidak mendatangkan satu risiko kepada pemakan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada baik sekali umpamanya di restoran-restoran dan tempat-tempat yang tertentu, penyediaan makanan ini, orang-orangnya, pekerja-pekerjanya semua dikehendaki mengadakan pemeriksaan medical, dengan izin, medical check-up dari masa ke semasa supaya menentukan mereka ini tidak mempunyai satu penyakit yang mungkin akan berjangkit menerusi makanan yang mereka saji ataupun proseskan. Kalau barang makanan ini diproses secara dimasak ataupun diproses secara boleh membunuh bakteria dan virus mungkin ini tidak melibatkan risiko, tetapi kalau orang itu menyaji benda yang sejuk mungkin tidak membunuh kuman-kuman dan sebagainya, ini boleh mendatangkan jangkitan kepada pemakan-pemakan yang akan menerima makanan itu nanti.

Jadi, dalam keadaan sedemikian kalau tidak menjadikan satu bebanan dan mungkin di peringkat-peringkat, pemeriksaan kepada semua pekerja dan penyaji

barang makanan ini hendaklah disenaraikan dan diberi sijil oleh pihak-pihak doktor dan sebagainya supaya mereka ini dianggap sihat dan tidak membawa penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tajuk yang ketiga ialah soal rokok. Tadi banyak soal rokok telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam. Soal rokok ini memang betul, walaupun satu industri di Malaysia ini dan bukan mendatangkan banyak keuntungan kepada masyarakat peniaga di Malaysia ini dan juga mendatangkan keuntungan kepada mereka yang mendapat tajaan daripada syarikat-syarikat rokok ini mengadakan aktiviti-aktiviti yang tertentu. Rokok ini juga masih ditayang di kaca TV dalam apa bentuk sekali pun atas nama travel agensi, atas nama benda-benda lain semua sekali, tetapi masyarakat Malaysia semua tahu bahawa di sebalik nama-nama yang begitu tidak diterangkan tetapi orang tahu yang iklan ini ada hubung kaitnya dengan Benson & Hedges. Macam-macam lagi iklan rokok ini, bahkan Devidoff dan sebagainya, walaupun nama baru dalam kalangan rokok ini tetapi orang tahu bukan kopi sahaja Devidoff tetapi cerut daun rokok pun ada dalam Devidoff.

Jadi, orang kata ini adalah pengiklanan kepada rokok dan masyarakat kita di Malaysia ini. Walaupun saya tidak menegur kepada persoalan ini tetapi persoalan mengenai rokok banyak undang-undang yang kita sudah buat. Pelaksanaan undang-undang kita hendak buat tetapi penguatkuasaannya masih di peringkat yang begitu bawah sekali. Umpamanya, di restoran-restoran, di tempat-tempat yang dilarang merokok masih ada orang yang merokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya allergic kepada asap rokok. Kadang-kadang saya tertekan sikit di tempat-tempat orang merokok, saya tak boleh duduk, bukan saya tak suka duduk dengan orang itu tetapi saya tak boleh duduk dengan orang yang merokok sebab saya allergic kepada rokok. Kalau kena allergy saya makan ubat sampai RM200, RM300 selepas satu minggu, dua minggu baru recover daripada allergy rokok ini. Kita pergi ke restoran, tempat itu sebenarnya tak boleh merokok tetapi ada juga orang merokok dan tuan premis itu tidak menguatkuasakan perkara yang sedemikian. Ada orang Malaysia dia tidak mengambil tindakan, orang macam saya ini mungkin tidak mengambil tindakan oleh kerana saya pentingkan dollar and sen kalau saya hendak bawa ke mahkamah orang ini umpamanya. Kita boleh bawa ke mahkamah memaksa orang itu mengikut undang-undang. Ada prosedur-prosedur mahkamah tertentu boleh digunakan.

Kalau kita baca dari segi jurnal undang-undang kita boleh dapat, kita boleh menguatkuasakan ke atas individu. Kuasa ini yang mana kementerian tak buat, yang mana jabatan tak buat, kita boleh menguatkuasakan, tetapi dalam keadaan sedemikian kalau semua orang Malaysia buat macam itu, banyaklah pembicaraan di mahkamah berhubung dengan soal orang merokok. Di restoran tak boleh merokok, tetapi pekedai itu takut hendak menegur orang jangan merokok di tempat dia, takut orang itu lari daripada kedai dia. Persoalannya ialah public health, dengan izin, di sini adalah diketepikan, persoalan business dipentingkan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian saya berharap pihak kementerian mengadakan pegawai-pegawai yang lebih banyak secara random untuk melihat, dan apabila pergi ke restoran jangan silu-silu menegur tuan-tuan punya kedai ataupun hotel supaya jangan menyelewengkan undang-undang ini hanya untuk kepentingan business mereka sahaja. Kerana merokok kita lihat banyak di sana tak boleh, di sini tak boleh, masih orang merokok. Jadi, saya juga bersetuju kalau anak-anak yang di bawah umur 18 tahun umpamanya jangan dibiar atau dibenarkan membeli rokok dan diharamkan anak-anak daripada membeli rokok. Pekedai-pekedai kalau didapati menjual rokok kepada anak-anak bawah 18 tahun ini patut diambil tindakan. Motivasi dan penekanan patut diberi kepada semua pekedai supaya perkara undang-undang ini dihormati dan dipatuhi.

Saya tidak tahu macam mana untuk menguatkuasakan ini supaya membudayakan Malaysia ini mengikut undang-undang dengan tidak payah dikuatkuasakan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian walaupun undang-undang ini begitu baik sekali supaya kita membudayakan kebersihan, membudayakan perkara-perkara yang baik supaya makanan ini tidak menjadi satu kesan yang buruk kepada Kerajaan Malaysia, kita mesti melihat cara terperinci kemampuan kita menguatkuasakan undang-undang. Kalau kita kuat kuasakan undang-undang kepada pekilang-pekilang yang besar kita jangan lupa bukan semua orang yang makan di kilang-kilang atau kedai-kedai yang besar; gerai-gerai itu pun kita kena jaga. Walaupun ada satu pandangan mengatakan kalau gerai-gerai ini mendapat tekanan daripada pihak kerajaan dan diambil tindakan oleh pihak penguat kuasa, dengan sendirinya semua orang sekurangnya berpendapatan yang bawahan ini akan menjadi lebih tertekan lagi untuk mencari kehidupan. Mencari kehidupan itu boleh tetapi bukan dengan syarat yang makanan disaji atau benda yang diberi

kepada masyarakat umum itu mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat Malaysia.

Yang penghabisan, Tuan Yang di-Pertua, ialah masyarakat Malaysia sekarang sudah menjadi masyarakat kaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lepar, seperti yang Yang Berhormat katakan tadi, bahawa memang kalau kita ingin melaksanakan undang-undang seperti negara maju iaitu di mana semua makanan yang dibuat mesti melalui satu ujian dan lulus ujian dan ini adalah salah satu ciri negara maju. Misalnya di Amerika dan Australia, tidak dibenarkan menjual makanan sehingga makanan itu lulus di bawah FDA. Ertinya kalau kita ingin ke arah negara maju, kita mesti memulakan ciri-ciri ini.

Misalnya juga di Australia, seseorang itu tidak boleh menjual ikan walaupun ikan itu ditangkap secara hobi ataupun nelayan biasa, kecuali orang yang diperlesenkan menjadi sebagai, dengan izin, *commercial fishermen*, baru boleh menjual ikan. Jadi, kalau banyak manapun ikan kita tangkap, kalau kita memancing secara hobi, kita tidak boleh menjual ikan itu sehingga kita dilesenkan sebagai *commercial fishermen*, dengan izin.

Jadi, kalau kita ingin menjadi negara maju, apakah Yang Berhormat bersetuju ciri-ciri ke arah ini. Seperti Yang Berhormat katakan tadi bahawa seseorang itu tidak boleh menjual makanan sewenang-wenang jikalau makanan ini tidak tahu puncanya, siapa yang membuatnya dan tidak tahu taraf kesihatan orang yang membuat makanan itu. Apakah kita boleh memulakan perkara ini dan kita umumkan kepada orang ramai, yang membuat makanan itu mestilah sihat, mestilah mengikut prosedur tertentu supaya dipastikan makanan yang dijual itu bebas daripada bahan-bahan berbahaya ataupun bersih dari segi cara penyediaannya, minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju, inilah yang saya sebutkan tadi membudayakan kebersihan, membudayakan pengeluaran makanan yang boleh dikatakan tidak mendatangkan masalah kepada masyarakat konsumer ataupun orang yang akan memakan makanan-makanan yang sedemikian.

Mungkin tidak boleh mengikut jejak langkah yang telah dibudayakan macam masyarakat di Amerika menerusi Food and Drug Administration dan sebagainya, mungkin kita tidak boleh dengan serta merta membudayakan perkara macam ini, dan tidak boleh mengikut garis panduan yang sebegitu rupa umpamanya, kita hendak pancing ikan dan dapat ikan itu lepaskan semula, oleh kerana kita tidak boleh jual dan sebagainya.

Saya banyak berkawan dengan orang yang memancing ikan ini, bahkan saya pernah pergi ke Norway memancing salmon di sebuah sungai dengan keluarga isteri saya, dan menangkap ikan lepas itu tangkap ikan yang panjang besar macam ini lepas itu dilepaskan semula. Jadi, kita mungkin tidak boleh, tetapi soal membudayakan kebersihan dan ciri-ciri sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi memanglah sepatutnya dimulakan daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bermula bukanlah menunggu negara kita telah menjadi sebuah negara yang maju, apabila undang-undang dibuat, dari satu peringkat ke satu peringkat kita mesti mengamalkannya, jalan menguat kuasa, motivasi, amalan kebersihan yang sebetulnya dan banyak lagi perkara-perkara garis-garis panduan yang tertentu kita buat.

Umpamanya setiap orang yang hendak membuat gerai, dia mesti ada lesen daripada pihak berkuasa tempatan, sebelum lesen dibuat pihak berkuasa tempatan boleh meminta syarat-syarat yang tertentu dipenuhi dahulu dan sudah dipenuhi dahulu mungkin memberi senarai nama pekerja dan mereka sendiri dan sebelum lesen diberi mungkin dikehendaki tuan gerai yang hendak membuat macam di Sarawak kata cucur pisang ataupun go reng pisang, di Sarawak orang kata cucur pisang, sebelum hendak goreng pisang itu misalnya mereka mesti mengeluarkan *medical certificate* yang mengatakan dia orang yang bersih, anak dia yang menolong bersih, di samping kita boleh mengeluarkan guna tenaga manusia yang bersih yang menyediakan makanan.

Kita juga memantau kesihatan manusia ataupun masyarakat di negara kita ini, dengan certificate itu mungkin boleh didisplay dekat gerainya, jadi kalau orang asing datang ke tempat itu hendak membeli barang makanan itu, dia boleh melihat orang yang menjual ini bersih daripada sesuatu penyakit yang kronik ataupun sesuatu penyakit yang *infectious* dan sebagainya, dengan izin.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, kita menunjukkan negara kita ini telah berpandangan jauh untuk menjagakan keselamatan barang makanan yang kita sajikan kepada masyarakat umum. Jadi, maknanya bukan kementerian ini sahaja, tetapi kementerian ini bertanggungjawab memberi garis panduan kepada pihak-pihak yang ada hubung kait dengan penyediaan premis, penyediaan lesen, penyediaan gerai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga soal tempat menyediakan dan memasak barang makanan ini. Saya berani jamin saya tahu, Kuching boleh dikatakan adalah sebuah bandar yang terbersih di Malaysia, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua, pergi ke kedai makanan yang telah beroperasi selama lima tahun, pergi ke tempat penyediaan barang makanannya di belakang, ia tidak sebersih mana yang di hadapannya. Di belakang itu sudah kurang bersih, sebab oleh kerana ciciran air, mungkin air telah bertakung di sana, sini, simen itu telah rosak sedikit, tetapi kalau dipandang dari mata kita, kita telah tahu tempat itu tidak begitu sesuai dan tidak begitu bersih lagi. Mungkin barang makanan disimpan dalam plastik diletak di atas simen begitu sahaja, mungkin bersih tetapi kuman daripada simen itu masuk ke dalam plastik itu tetapi dalam pandangan kita, satu impression yang tidak begitu sesuai dan baik.

Apabila kedai itu Tuan Yang di-Pertua, saya baru datang ke sebuah kedai, dia menjual satu hari dia menjual piros kebab, dia baru buka kedai itu, satu hari itu dia boleh menjual 2,000 Kyros kebab, sampai dia punya lantai itu berselerak dengan potongan kobis dan sebagainya, semua kena pijak kaki dia sampai hitam dah, sebab tidak ada masa langsung untuk buang benda ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, saya pun makan kebab itu juga, sebab benda itu baru satu hari hari pembukaan, jadi penjualan itu begitu laris sekali, satu hari dia jual, satu bulan tidak payah kerja pun sudah dapat untung dah. Tetapi dalam keadaan sedemikian *public is being sort change*, dengan keadaan kebersihan yang berlaku dalam kedai dia. Jadi, ini adalah satu tugas dan tanggungjawab di bawah undang-undang ini untuk mengawal selia ataupun memantau supaya perkara ini tidak berlaku.

Jadi, ini saya sebutkan satu sahaja, mungkin beratus-ratus gerai, kedai dan membuka pada hari itu yang mempunyai langganan yang begitu baik tetapi berselerak dan bersepah di tempatnya.

Saya pernah pergi di belakang di Jalan Chow Kit masa bulan puasa bila tidak ada tempat lagi hendak berbuka puasa, saya pergi ke belakang gerai-gerai itu, bila saya lihat parit, longkang dan sebagainya, seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara sebut, yang kita lihat pun ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa minit diperlukan lagi?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bila Tuan Yang di-Pertua, kata berhenti di sana, saya akan berhenti sama.

Tikus, benda yang semacam itu berkeliaran di tempat itu, saya pun rasa macam mana hendak berbuka puasa, jadi saya belikan satu botol sahaja yang dalam can itu saya minum, tetapi saya tidak tahulah sama ada yang dalam can itu sudah diperiksa ataupun tidak diperiksa kerana pernah didengar oleh kita iaitu dalam botol itu pun ada juga masuk benda-benda yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, yang saya hendak sentuh tadi dalam masa dua minit, yang saya hendak sentuh tadi ialah soalan masyarakat Malaysia yang begitu kaya, jawapan saya dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan itu panjang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, jawapan itu panjang sangat. Jadi, saya pendekkan cerita saya ini, iaitu masyarakat Malaysia adalah kaya bahkan kita lebih maju dari segi economically, dengan izin, berbanding dengan Singapura pada masa sekarang, bahkan negara Malaysia di South East Asia ini adalah negara yang lebih kuat, lebih stabil, lebih tahan daripada semua segi sekali pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia sekarang sudah tidak kurang duit lagi dah, sudah banyak makan setiap hari, gerai terbuka macam cendawan tumbuh pada pagi hari, jadi orang Malaysia kuat makan, tetapi kesihatannya terjejas oleh kerana makanan dan *life style* Malaysian ini.

Jadi, macam mana, apakah tindakan kementerian supaya memberi maklumat kepada masyarakat Malaysia ini kalau banyak makan sangat, jadi gemuk, jadi besar badan, itu mendatangkan satu penyakit pula, penyakit jantung, penyakit darah tinggilah, penyakit cholesterollah, macam-macam penyakit yang berbangkit daripada kekayaan yang kita dapati. Jadi, janganlah sebuah kekayaan itu kemewahan yang kita nikmati pada masa sekarang mendatangkan satu ataupun mewujudkan satu

masyarakat Malaysia yang tidak sihat, yang tidak terjaga kesihatannya di samping kita memaju dari setapak ke setapak yang akan datang.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kementerian dengan menterinya yang bijaksana boleh membudayakan kebersihan, membudayakan masyarakat Malaysia yang peka dengan kesihatan dan masyarakat public health, dengan izin. Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian saya duduk dahulu sebelum Tuan Yang di-Pertua, minta saya duduk dan saya menyokong undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Batang Lupar dah habis ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis dah ya. Okay. Kuala Terengganu.

2.32 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut bersama-sama membincangkan tentang pindaan dalam Akta Makanan 2000 ini yang mana sebagaimana yang telah diperkatakan oleh kebanyakan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia pada pagi tadi tentang perubahan-perubahan ataupun pindaan-pindaan yang dibuat ini adalah suatu yang begitu penting kerana ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan gaya hidup dan juga trend-trend kesihatan di kalangan rakyat dan masyarakat di negara kita.

Yang pertamanya, saya ingin menyentuh tentang pindaan dalam seksyen 4 yang mana memberikan kuasa yang boleh dikatakan lebih dalam mengenal pasti ataupun memasuki mana-mana premis yang dipercayai untuk memeriksa apa-apa makanan dalam premis itu sendiri dan saya ingin mengaitkan tentang apa yang berlaku di negara kita dalam seminggu dua ini dalam mana kementerian dan juga Menteri berkenaan, Datuk Chua Jui Meng telah membuat kenyataan di mana kementerian telah withdraw, dengan izin, 22 jenis seasoning sources, dengan izin, yang diimport daripada luar negara iaitu dari China, Taiwan, Thailand dan Hong

Kong dan penarikan balik produk-produk ini adalah akibat daripada tindakan yang diambil oleh British Food Standard Agency yang telah mengharamkan kemasukan bahan-bahan ataupun produk-produk ini ke negara mereka.

Apa yang ingin saya minta penjelasan daripada kementerian dalam hal ini adalah bagaimanakah 22 produk ini, seasoning sources ini yang bila saya melihat kepada senarainya telah pun lama berada di pasaran negara kita. Ada sebahagiannya sejak bertahun-tahun telah pun digunakan ataupun dimakan oleh rakyat kita tetapi apabila sahaja British Food Standard Agency mengeluarkan senarai-senarai mereka kerana yang pentingnya adalah apabila mereka mendapati bahawa ianya mempunyai perkaitan rapat dengan penyakit kanser – cancer causing substance yang ada di dalam 22 seasoning sources ini sendiri dan ini adalah suatu yang amat mengecewakan kita apabila kita sendiri tidak mempunyai satu food standard agency sendiri sebagaimana yang dilaksanakan di Britain dan saya ingin mencadangkan kepada kementerian dan pihak Menteri sendiri supaya kita mempunyai Malaysian Food Standard Agency dan membuat kajian-kajian yang lebih mendalam terhadap food product ataupun seasoning sources yang masuk daripada negara-negara jiran kita khususnya dari negara Thailand.

Kajian yang dibuat, menurut analisis yang dibuat oleh USM mereka mendapati tiga jenis bahan ataupun permakanan fish-based source dari Thailand dari segi MCPD level mereka adalah antara 130 PPB dan 430 PPB dan ini merupakan satu level yang teramat tinggi yang telah digunakan ataupun telah dimakan oleh rakyat Malaysia sejak bertahun-tahun dari segi makanan-makanan ataupun produk-produk yang datang daripada negara-negara jiran kita khususnya dari negara Thailand. Inilah juga yang boleh membawa akibat dan kesan yang besar kepada penyakit kanser yang wujud di negara kita yang mana tidak disedari oleh kebanyakan rakyat di negara kita.

Yang keduanya, saya ingin menyentuh tentang pindaan di bawah seksyen 36. Ini juga telah pun diperkatakan oleh rakan-rakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini juga dalam konteks kuasa yang diberikan ataupun memperluaskan kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah 36(2) tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta ini.

Sebagaimana yang kita ketahui dan telah termaklum bahawa tidak diragui lagi bahawa tabiat merokok boleh memudaratkan kesihatan rakyat kita dan rokok juga dianggap sebagai satu-satunya punca yang terbesar yang mengakibatkan

kematian dalam konteks penyakit-penyakit yang dibawa. Di negara kita sendiri kalau kita lihat kepada statistik rakyat Malaysia menghisap sebanyak 23.7 bilion batang rokok setahun dan keadaan ini menyebabkan kematian kepada kira-kira 10,000 setahun. 10,000 rakyat Malaysia setahun yang meninggal akibat daripada perkaitan dengan mereka menjadi penagih rokok ataupun menghisap rokok. Kadar kematian adalah satu kematian setiap satu jam. Setiap satu jam di negara kita perkaitannya dari segi kadarnya adalah satu kematian setiap satu jam. Jadi, malahan dalam kajian yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa juga melihat bagi setiap lapan saat pasti akan berlakunya kematian oleh penyakit-penyakit yang disebabkan oleh rokok ini sendiri.

Jadi, jumlah kematian yang dicatat, yang dibuat pada 1 Januari 2000 sehingga Mei 2000, di negara kita sahaja, jumlahnya menjangkau sehingga 3,384 orang dan ini merupakan satu jumlah yang begitu tinggi dalam konteks dan perkaitannya dengan rokok ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat cadangan dalam konteks kuasa di bawah pindaan seksyen 36 ini di bawah kuasa yang diberikan di mana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang mengadakan peruntukan bagi semua atau mana-mana yang berikut. Jadi, saya ingin mencadangkan terus oleh kerana boleh dikatakan secara konsensusnya kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa gejala ketagihan rokok ini dari segi *nicotinenya* adalah ianya adalah satu dadah yang paling kuat sebenarnya. Satu dadah yang paling kuat dan dapat menimbulkan ketagihan yang lebih dahsyat daripada heroin sebenarnya dan ia juga dapat mengubah kewarasan pemikiran mereka yang menghisap rokok itu sendiri.

Cadangan yang ingin saya bawa di bawah pindaan seksyen 36 ini dengan menggunakan kuasa Menteri, yang pertamanya, pihak Menteri mestilah mengharamkan iklan rokok di media cetak dan panggung wayang. Pengharaman haruslah juga meliputi pengangkutan awam terutamanya di dalam bas dan teksi dan tempat-tempat tertutup seperti di restoran-restoran dan sebagainya.

Yang keduanya, pengharaman penjualan rokok di kedai-kedai bebas cukai, ini juga perlu dilakukan sebab rokok dijual begitu murah di kedai-kedai bebas cukai dan dibeli di dalam kartun-kartun yang begitu banyak dan seterusnya diedarkan kepada orang-orang awam.

Yang ketiganya, mengharamkan merokok di tempat-tempat yang masih menjadi tempat orang ramai bebas merokok dan saya ingin cadangkan iaitu kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh di Parlimen ini sendiri menjadi tempat bebas rokok. Kadang-kadang itu bilik Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri pun, saya yang tidak merokok ini merasakan rimas bila masuk ke bilik-bilik Ahli Parlimen di mana ramai di kalangan Ahli Parlimen sendiri yang masih lagi mempunyai tabiat buruk merokok ini sendiri dan saya harap kita semua cuba menjadi contoh yang terbaik untuk menghilangkan tabiat buruk merokok ini sendiri.

Yang keempatnya, cetakkan amaran "Jangan Merokok" dengan lebih besar di kotak-kotak rokok itu sendiri sebagaimana yang telah disebut oleh Ahli Parlimen Rantau Panjang tadi, terlalu kecil. Amaran kini terlalu kecil dan tidak memberi sebarang makna, tidak ada makna, amaran merokok "Merokok merbahaya kepada kesihatan" dan sebagainya tidak memberi makna dalam konteks apa yang sedang berjalan sekarang.

Yang kelimanya, kawalan terhadap kandungan nicotine dan tar setiap kotak rokok haruslah menyatakan paras tar, nicotine dan kandungan carbon monoxide pada labelnya. Parasnya haruslah dikurangkan dengan lebih banyak lagi.

Yang keenamnya, semua rokok harus diuji oleh Kementerian Kesihatan. Saya ingin cadangkan semua rokok harus diuji oleh Kementerian Kesihatan. Sebarang jenama, macam rokok keretek sebagai contohnya, sebarang jenama rokok yang didapati mengandungi paras tar dan nikotin yang tinggi yang berlebihan hendaklah ditarik balik daripada pasaran. Jadi, budaya menghisap rokok keretek dari Indonesia ini juga memberi satu kesan yang buruk kepada budaya kehidupan rakyat kita.

Yang ketujuhanya, kementerian mestilah mengenakan cukai yang tinggi untuk rokok. Peningkatan sebanyak 50% ataupun 100% hendaklah dikenakan untuk menjadikan harganya lebih mahal dan sukar untuk dibeli.

Yang kelapan, ini juga begitu penting. Kerajaan mesti berani untuk mengharamkan tajaan aktiviti oleh syarikat-syarikat rokok. Ini meliputi acara sukan, skim yayasan kehidupan liar, anugerah kewartawanan dan juga menaja pesta-pesta konvo di universiti-universiti.

Yang kesembilan, kerajaan juga mestilah mengharamkan sebarang bentuk pemberian rokok sebagai hadiah percuma. Ini juga berlaku di mana berlaku promosi

dan sebagainya, rokok-rokok ini diberikan secara percuma terutamanya kepada golongan remaja, belia dan anak-anak muda.

Yang kesepuluh, lebih banyak iklan antirokok perlu disiarkan di radio dan televisyen Malaysia.

Yang kesebelas, pengharaman jualan rokok kepada kanak-kanak. Sekarang ini 18 tahun ke atas boleh membeli rokok. Hanya di bawah 18 tahun sahaja yang tidak dibenarkan merokok tetapi dari segi pelaksanaan mestilah dengan lebih ketat supaya anak-anak muda dan remaja-remaja tidak mudah untuk mendapat rokok ini dan rokok ini juga daripada kajian-kajian yang dibuat di kalangan remaja di bawah 18 tahun, inilah yang membawa kepada kesan kepada penagihan dadah. Mula-mula mereka mencuba rokok, selepas itu mereka akan menjadi penagih dadah yang lebih teruk.

Yang kedua belasnya, pihak kerajaan juga mestilah mengurangkan galakan tanaman tembakau, semua penanaman tembakau haruslah diganti dengan tanaman asasi. Langkah-langkah haruslah diambil untuk membayar pampasan kepada mereka yang terlibat dengan tanaman tembakau ini dalam konteks apa yang berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks rokok ini juga saya ingin merujuk di dalam Dewan ini dari segi ancaman yang ada ini kerana kita perlu menyedari bahawa syarikat-syarikat rokok ini merupakan syarikat korporat transnasional, syarikat-syarikat antarabangsa yang begitu besar seperti British American Tobacco, Phillip Morris dan Japan Tobacco, mereka merupakan syarikat-syarikat yang mendapat ataupun meraih keuntungan yang begitu besar dan walaupun negara kita mengharamkan iklan secara khusus rokok ini sebagaimana yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi tetapi mereka menggunakan kaedah-kaedah yang lain.

Ini juga perlu menjadi perhatian kita sebagai contohnya apa yang dilakukan oleh Japan Tobacco yang sedang memancing ribuan anak-anak remaja kita secara tidak langsung, secara tidak disedari, sebenarnya mereka ingin mendapatkan pasaran supaya anak-anak muda ini menghisap rokok. Di negara kita apa yang berlaku mereka menaja konsert-konsert 'Rock Salem,' konsert-konsert rock dengan membariskan kumpulan-kumpulan pop daripada Barat melalui jenama apa yang disebut sebagai 'Salem' dan contoh klasik mereka mendekatkan nama jenama rokok kepada anak-anak muda di negara kita.

'Salem Cool Planet' yang sedang berlangsung di negara kita berterusan, dia mempunyai suatu agenda yang tersendiri yang berlangsung di negara kita mereka menaja konsert pop untuk tontonan remaja dan memandangkan 80% daripada remaja mula merokok sebelum mereka berumur 18 tahun. Sebelum berumur 18 tahun 80% mereka sudah merokok, maka sasaran pengiklanan ditujukan kepada mereka. Apa yang dilakukan oleh Japan Tobacco dengan Salem Cool Planet ini mereka mensasarkan konsert-konsert rock kepada anak-anak muda terutamanya.

Keadaan ini menjadikan pengharaman iklan rokok di negara kita sebagai bahan jenaka semata-mata dari segi apa yang ada dalam TV, dalam radio secara khususnya tidak boleh mengiklan rokok tetapi dengan cara yang mereka iklan, jenama-jenama dan juga konsert-konsert rock. Ini merupakan suatu yang disedari oleh anak-anak muda dan menjadi suatu attraction, dengan izin, kepada anak-anak muda untuk menghisap rokok di negara kita. Korporat transnasional yang wujud ini juga menaja sukan-sukan popular di negara kita, ini suatu yang malang khususnya bola sepak yang ditaja oleh Dunhill dan perlumbaan kereta sendiri ditaja oleh syarikat-syarikat rokok di negara kita.

Jadi, seolah-olah tidak memberi erti kalau kita hendak mengurangkan ataupun kita hendak membasmi permasalahan rokok dan juga perkaitannya yang mempunyai perkaitan yang rapat kepada peningkatan penagihan dadah di negara kita. Kita perlu targetkan kepada korporat transnasional sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku kalau kita mengambil contoh di Finland, Perancis, New Zealand dan Norway di mana di negara-negara yang saya sebutkan ini pengharaman iklan tembakau telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada dasar kawalan tembakau secara menyeluruh. Dia tidak membenarkan langsung apa-apa jenama dalam konteks negara-negara yang saya sebutkan tadi. Apabila mereka melakukan sedemikian kajian di negara-negara ini mendapati bahawa dengan dasar kawalan ini pengambilan per kapita rokok di negara-negara yang saya sebutkan tadi menurun antara 14% hingga 37% bila tidak dibenarkan langsung sebarang jenama-jenama rokok dipaparkan di negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada suasana yang ada ini dalam konteks kuasa yang ada kepada Menteri selain daripada apa yang telah digariskan di bawah (a) sampai (f) ini sebenarnya pihak kementerian dan menteri sendiri

mempunyai kuasa yang begitu besar sama ada mereka mahu ataupun tidak untuk mencegah ataupun membasmi gejala penagihan rokok di negara kita yang membawa satu akibat yang begitu besar.

Saya ingin mencadangkan juga di bawah seksyen 36 kuasa Menteri ini mereka perlu targetkan golongan remaja di negara kita, target utama adalah golongan remaja di negara kita. Pertamanya, mereka mestilah mengambil tindakan-tindakan untuk mengelakkan remaja dan mereka yang tidak merokok daripada mula merokok. Usaha-usaha ataupun penggemblengan yang lebih tinggi perlu dilakukan tentang bahaya rokok ini sejak daripada sekolah lagi, sekolah rendah, sekolah menengah dan diadakan suatu kempen yang lebih besar di negara kita supaya mereka menyedari akan akibat-akibat daripada gejala merokok ini sendiri.

Yang keduanya, galakan dan sokongan perlulah diberikan kepada mereka yang hendak berhenti merokok sekarang ini tidak ada suatu galakan kepada mereka, mereka kena usaha sendiri ataupun kena cari jalan sendiri untuk berhenti merokok dan kementerian kena cari jalan supaya rakyat Malaysia digalakkan, mana-mana yang telah merokok digalakkan supaya tidak merokok di negara kita dengan mengambil pendekatan-pendekatan yang boleh mengurangkan penagihan rokok di negara kita.

Yang ketiganya, menjauhkan mereka yang tidak merokok dalam konteks ini terdedah kepada asap ataupun tempat-tempat orang yang merokok. Ini juga perlu dilakukan sebagaimana yang saya sebut di awal tadi. Contoh yang terbaik kalau kita ingin lakukan, kalau boleh Parlimen ini meluluskan, Parlimen ini sebagai bangunan bebas rokok, kalau mereka hendak merokok pun buatlah satu tempat yang khas mungkin di belakang parking itu dan sebagainya, mereka boleh merokok di belakang parking tetapi bukan di bangunan Parlimen kerana ini boleh memberikan contoh pelajar-pelajar sekolah begitu ramai setiap hari datang ke bangunan Parlimen ini, mereka dapat melihat asap berkepul-kepul di Bilik Rehat Ahli-ahli Parlimen sambil bersembang, sambil tengok TV dan sebagainya dengan tidak putus-putus hisap rokok dalam Bilik-bilik Rehat Ahli-ahli Parlimen.

Ini juga tidak memberikan suatu contoh yang baik kepada anak-anak muda dan remaja dan pelajar-pelajar sekolah sendiri bila mereka melihat pemimpin-pemimpin mereka ataupun Ahli-ahli Parlimen sendiri menghisap rokok dan menunjukkan satu contoh yang tidak baik.

Yang keempatnya, mengurangkan paras bahan memudaratkan dalam produk-produk tembakau, ini juga perlu dilaksanakan dan saya yakin Tuan Yang di-Pertua, di bawah pindaan seksyen 36 (2) ini kuasa yang ada pada Menteri ini, kita sebenarnya mempunyai kekuatan, Menteri mempunyai kekuatan seolah-olah ingin melihat rakyat Malaysia lebih sihat dari segi kehidupan mereka, rakyat Malaysia akan dapat menjalani suatu kehidupan yang bebas daripada tembakau ataupun rokok yang memang secara jelasnya memberikan suatu kesan yang besar kepada kesihatan rakyat di negara kita, dari segi penyakit jantung, penyakit kanser dan pelbagai penyakit yang wujud di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya saya juga sebagaimana yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi, di dalam usaha kita untuk mencegah ataupun untuk kita membasmi penyakit mereka yang merokok ini ataupun apa yang berlaku di negara kita sekarang ini pihak kerajaan sendiri kena dengan izin, *face to face* dengan korporat-korporat transnasional ini sendiri yang mempunyai kuasa beli yang begitu besar. Mereka mempunyai kuasa beli yang begitu besar dengan keuntungan yang besar, yang ada pada mereka memanglah kita seolah-olah terpaksa bergantung kepada syarikat-syarikat rokok untuk menaja program-program yang ada di negara kita.

Sebagai contoh yang saya berikan tadi apa lojiknya 'Dunhill' menaja permainan bola sepak di negara kita, 'Liga M' di negara kita, apakah Dunhill ini boleh memberikan satu kesihatan yang baik kepada remaja ataupun mereka yang bermain bola sepak.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:sudah barang tentu mereka mempunyai agenda mereka yang tersendiri. Silakan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Kuala Terengganu. Apakah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tidak nampak satu pertembungan ataupun satu suasana yang bertentangan di antara akta ini yang di bawah jagaan Kementerian Kesihatan dengan peranan yang dimainkan oleh Kementerian Penerangan dan juga peranan yang dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kerana kita perhatikan bahawa pada masa yang sama akta ini bertujuan untuk mengawal hal ehwal tembakau, penyalahgunaan tembakau dan sebagainya. Tetapi pada masa yang sama Kementerian Penerangan memberikan slot yang begitu luas untuk iklan-iklan rokok,

walaupun tidak ditunjukkan rokok, ditunjukkan burung helang, mana orang hendak burung helang, orang hendakkan rokok itu, tidak ada orang hendak beli 'Winston' itu burung helang.

Begitu juga dengan Kementerian Belia dan Sukan segala aktiviti-aktiviti sukan ditaja oleh syarikat-syarikat rokok, apakah ini tidak nampak bertentangan antara satu kementerian dengan satu kementerian? Minta pandangan dan penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Sye d Ahmad Nawawi: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini yang saya sebutkan tadi dari segi apa yang berlaku di negara kita. Sebenarnya kuasa yang ada pada menteri ini memang meluas dan boleh mereka gunakan sekiranya kalau kita mahu menyelesaikan masalah penagihan rokok di negara kita. Tetapi itulah 'tangan kanan kita menyekat, tangan kiri terus menerus kita berikan laluan' kepada syarikat-syarikat rokok yang mempunyai kuasa beli yang begitu besar dengan sumber kewangan yang begitu banyak yang ada pada mereka untuk mereka menaja permainan-permainan ataupun sukan-sukan dan juga konsert-konsert yang sedang berlaku di negara kita, di seluruh negara kita ini sendiri.

Ini suatu yang begitu malang kalaulah kementerian cuba mencari pendekatan dari segi meningkatkan kesihatan anak-anak muda, kesihatan masyarakat di negara kita, rakyat di negara kita tetapi kementerian yang lain pula mengambil pendekatan seolah-olah mempercepatkan dari segi membawanya penyakit-penyakit yang merbahaya kepada rakyat dan masyarakat di negara kita.

Saya mengharapkan supaya ada suatu koordinasi yang baik dan kementerian perlulah mencari suatu pendekatan yang lebih baik dalam membasmi ataupun menyelesaikan masalah-masalah ini. Kalaulah kita meluluskan pindaan sebagaimana yang saya sebutkan, katalah seksyen 36 ini tetapi dari segi *will power* kita, dari segi implementasi kita setera mana, ianya juga tidak akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang ada di negara kita dan kalau kita mengambil contoh mereka yang tidak merokok.

Sebagai contohnya, mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri *he is a very fit man*, dengan izin, 20 tahun sudah dia menjadi menteri dan saya yakin dia boleh memerintah 20 tahun lagi, mungkin tahun 2020 dia masih lagi boleh menjadi Perdana Menteri dengan contoh yang ditunjukkan oleh beliau sendiri, mungkin boleh menjadi Perdana Menteri yang paling lama mentadbir di Malaysia ini dan boleh memecahkan *world record* di negara-negara yang wujud, boleh mengatasi

Fidel Castro, boleh mengatasi Marcos dan sebagainya. Ini suatu yang perlu kita lihat dalam konteks ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah yang dapat saya ulas dan olah dalam konteks pindaan-pindaan yang dibuat ini, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tebrau.

2.58 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Okay, haaa.... Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Selamat Petang.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih awal saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan keizinan kepada saya untuk berucap sebanyak sedikit dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-undang Akta Makanan 1983.

Saya juga ucap tahniah kepada kerajaan yang membawa pindaan Rang undang-undang ini bagi menjamin kesihatan rakyat akan terjamin.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua dalam perbahasan ini yang melibatkan pindaan Akta Makanan ini. Sebagaimana kita sedia maklum, apa juga penyakit yang timbul kebanyakannya adalah berpunca daripada makanan, sama ada makanan itu sedap, elok, lazat tetapi akhirnya ia akan juga membawa kepada penyakit.

Saya hendak tambah daripada rakan saya dari Kuala Terengganu berhubung dengan Akta 36(2) ini, tembakau. Dia sudah cerita panjang, okaylah. Kita pun tidak setuju kerana rokok ini merbahaya, tetapi saya hendak cadang satu inilah, pasal menghisap rokok ini wanita. Wanita ini hisap rokok, saya tidak tahulah, tidak elok betul saya pandanglah. Tidak elok, tidak cantik, entah macam mana hisap, selepas itu dia hisap depan kita, *[Membuat gaya merokok]* berterabur asap, memang jadi hodohlah. *[Ketawa]*

Saya hendak cadangkan undang-undang, boleh tidak kerajaan ini sama ada haramkan terus wanita ni jangan menghisap rokok, habis cerita. Memang hukum pun memang tidak elok wanita hisap rokok, penyakit. Sebagai ibu pun, tidak kena hisap rokok, Tuan Yang di-Pertua. Bapa tidak tahulah, apa hendak buat, dia hisap juga tetapi ibu ini, wanita ini, dihaamkan terus atau dikenakan syarat atau denda

apa sahajalah, kita menghukum ini. Saya ingat tidak ada orang yang suka wanita hisap rokok. Semua orang tidak suka. Jangan ikut British itu, gasak dialah, orang Putih, Mat Salleh itu, dia punya hal. Memang dia tidak ada teladan yang baik.

Jadi, saya hendak mencadangkan kerajaan mengharamkan wanita menghisap rokok atau dikenakan syarat undang-undang, tambah lagi undang-undang dalam Akta 36(2) itu, kuasa Menteri, Yang Berhormat Menteri dari Johor. Tempat kita sama satu negeri. Buatlah syarat ini. Jadi, saya ingat cantik sahaja, wanita dekat kita pun tidak hisap rokok, kita minum air dekat mana pun, wah elok sahaja. Apabila dia keluar, ketuk itu, saya tidak menghisap rokok, Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah sihat sampai sekarang, termasuk Tuan Yang di-Pertua pun juga tidak menghisap rokok. Teruslah kerja yang baik ini, Tuan Yang di-Pertua, kita jangan hisap rokok.

Yang kedua ini, murid-murid, dia okaylah, umurlah....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Siapa yang bangun? *[Ketawa]*
Allah, wanita bangun. Ya lah, kasilah. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya just hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Tebrau. Dia kata hendak haramkan wanita sahaja untuk merokok. Adakah itu katanya?

Beberapa Ahli: Ya, ya, betul.

Puan Chong Eng: Mengapa wanita sahaja? Kenapa rokok itu tidak baik kepada wanita, ia juga mengancam lelaki. Kalau hendak haram, haramkan semua. Jangan haramkan wanita sahaja, walaupun ini mungkin ada hasrat baik tetapi ini juga berdiskriminasi, tidak baiklah. Kalau hendak haram, haramkan semua. Kalau haramkan wanita ini, tidak bolehlah. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat hisap rokok?
[Ketawa]

Puan Chong Eng: Tidak.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, tidak, bagus. Jadi, kawan-kawan Yang Berhormat yang hisap ini, kita jangan kasi dia hisap. Ya lah, Tuan Yang di-Pertua, saya bukannya apa, yang perempuan pada saya, saya tidak tahulah,

memang tidak elok betul. Cakap terus-teranglah, ya. Jadi, mana yang boleh kita ambil tindakan awal, Yang Berhormat Menteri ambil tindakan awal supaya wanita tidak menghisap rokok.

Seterusnya kanak-kanak yang berumur 18 tahun. Sekarang sudah tidak boleh 18 tahunlah, Tuan Yang di-Pertua. Boleh tambah tidak umur ini? 18 tahun ini, Tingkatan Lima hendak masuk Tingkatan Enam, tambahlah 21, waktu berhak mengundi itu kita tambah lagi tiga tahun, tidak boleh hisap rokok. Murid-murid sekolah ini berumur 21 tahun ke bawah kerana ketika itu dia sudah berumur sedikit. Kalau 18 ini, muda sangat. Anak saya baru 18, macam muda sangat. Kalau dia hisap pun, tidak patutlah. Jadi, kita tambahkan lagi umur daripada 18 kepada 21.

Lagi satu berhubung dengan....

Tuan Chang See Ten: Tanya sedikit boleh tidak?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, kacau lagilah. *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada kawan saya, Yang Berhormat bagi Tebrau. Adakah Yang Berhormat bagi Tebrau sedar bahawa dengan cadangan cuma melarang kaum wanita yang tidak boleh merokok akan menjadikan satu *sex discrimination* iaitu diskriminasi antara wanita dengan lelaki dan adakah Yang Berhormat sedar, saya pernah baca satu artikel dari Britain bahawa dengan merokok, kaum lelaki kemungkinan akan menghadapi masalah erectile dysfunction.

Seorang Ahli: Apa itu?

Tuan Chang See Ten: Kerana kualiti sperm akan terjejas dan ini adalah baik jika semua dua-dua sex dilarang, bukan wanita sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tebrau? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Ketawa]* Ini dia masuk sexual ini, saya susah, Tuan Yang di-Pertua, hendak menjawab. Saya setuju, mana yang baik itu okaylah ya. Tetapi orang lelaki ini banyak yang hisap rokok. Jadi, kalau kita tegah banyak, tidak dapat undi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita biarkanlah lelaki. *[Ketawa]* Dia marah ini. Beribu hisap di tempat saya itu. Boleh dikata banyak yang hisap daripada tidak hisap. Kalau kita haramkannya, boleh jadi saya tidak dapat undi. Jadi, kita beri wanita dahulu jangan hisap.

Ini berhubung dengan tempoh. Rakan saya pun ada menyentuh berhubung dengan tempoh satu-satu jenis makanan yang dilekatkan pada label, Tuan Yang di-Pertua. Cuma, saya hendak tahu ini, siapa menentukan tarikh tempoh – sampai

tarikh ini, habis tamat. Kadang-kadang saya datang lagi tiga minggu, berebut-rebut beli telur ayamkah. Ada jam ditulis, tamat pada 20 haribulan Januari, lagi seminggu. Yang menentukan tarikh ini, menjaminkan bahawa makanan itu adalah selamat dimakan dalam tempoh yang tertentu. Okay.

Apabila sudah ditentukan, siapa pula yang menentukan barang ini mesti dihapuskan? Adakah satu jawatankuasa menghapuskan— apabila habis tempoh, ha telur, apa dia buat dengan telur itu? Adakah digunakan balik atau ditukar label? Hari ini 22 Januari, esok dia tampal label yang lain, sambung lagi. Kita pun tidak tahu. Jadi, hendak tahu penguat kuasa ini, siapa yang jaga tempoh-tempoh menentukan jenis makanan tersebut.

Kita beli roti, tengok, bawa ke rumah, orang rumah kata lagi seminggu tidak boleh makan, okay. Jadi, yang menentukan had tempoh itu dengan siapa pula boleh menentukan boleh atau tidak boleh sambung semula, menampal pula dengan satu tampalan yang baru yang menyambung pula lagi dua minggu atau seminggu. Kalau kerajaan menentukan tempoh ini, saya ingat baru terjamin kesihatan. Kalau tidak, tidak boleh.

Termasuk juga air minuman mineral. Saya sudah bangkitkan juga dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Harga jenis minuman ini dari segi kesihatan, saya ambil dari segi kesihatan. Ada yang RM2, ada yang RM1, siapa menentukan bahawa keselamatan air ini tidak menjadi satu kemudaratan kepada badan yang berharga 60 sen. Ini murah, kita pun minumlah, beli 10 botol. Yang lagi satu RM1.60 atau RM1.50, seolah-olah air ini terjamin kesihatannya. Harga ini dengan Kementerian Kesihatan, tentukan boleh atau tidak boleh minum dengan masa yang tertentu ini.

Yalah, belum berlaku, Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah ya. Jangan sudah berlaku, baru kementerian atau pihak itu menyiasat, mengambil tindakan dan sebagainya. Jadi, saya harap perkara ini juga diambil perhatian yang serius oleh pihak kementerian untuk menentukan bahawa air itu menjadi kesihatan kepada yang minum.

Seterusnya, makanan-makanan tetapi memang tidak ada undang-undanglah, semua boleh makan dari segi kesihatan, makanan yang manis. Saya tidak tahu dalam Akta 36(2) ini, makanan sekarang berpenyakit, Tuan Yang di-Pertua. Sudah macam-macam penyakit. Yang dahulu kita tidak pernah dengar, hari ini kita sudah dengar sampai tidak faham nama penyakit itu dan ini melibatkan daripada makanan.

Saya tidak tahulah ini, walaupun perkara ini tidak pernah disebut, orang kata sedap – jenis makanan yang terlalu manis ini. Kawalan makanan yang terlalu manis yang diluluskan penjualannya mengikut kemanisan. Sekarang ini orang buat kuih terlampau manis dan kementerian buat kempen “Mencegah Kencing Manis”. Sana sini, iklan sana, iklan sini. Dalam satu masa, penjualan makanan yang manis bertambah-tambah manis. Jadi, tidak ada kawalan jenis makanan. Ini ada atau tidak, satu undang-undang yang dibuat oleh kementerian?

Kita hendak jaga kesihatan. Walaupun sedap, memang sedap. Makanan yang manis memang sedap tetapi ia jadi penyakit. Tetapi pengurangan kemanisan itu, mungkin dapat dikawal. Buat penyiasatan sedikitlah Kementerian Kesihatan supaya kemanisan ini tidak terlampau manis yang boleh memudaratkan kepada anak-anak kita dan juga orang dewasa kerana makanan sekarang ini banyak terlampau manis, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tidak tahu dari segi peraturan dan undang-undang yang boleh dikawal daripada jenis-jenis makanan yang saya sebutkan itu tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua ini, tidak tahulah. Ini di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna barangkali, dari segi menentukan makanan halal dan haram ini. Ini termasuk dari segi kesihatan. Saya sebut ini, yang diimport. Untuk menjaga keselamatan, ini saya tidak tahu dari segi halal dan haram ini, pihak kementerian ini, siapa yang bertanggungjawab sama ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ataupun Kementerian Kesihatan, hendak menentukan bahawa makanan itu betul-betul terjamin bagi orang Islam untuk menjaga kesihatan rohani dan juga jasmani. Jadi, ini saya minta Kementerian Kesihatan melihatkan perkara ini.

Akhirnya, makanan-makanan di kantin-kantin sekolah, Tuan Yang di-Pertua. Kita kadangkala dengar berita-berita makanan yang beracun di kantin-kantin dan ini juga saya harap pihak kementerian mengambil satu pandangan yang serius terhadap makanan-makanan yang dijual yang disediakan di kantin sekolah supaya ia terjamin bahawa makanan-makanan yang tersebut itu betul-betul memberikan kesihatan dan tidak memudaratkan murid. Jadi, dari segi undang-undang ini juga, saya harap kementerian akan melihat penjualan makanan di kantin, memantau perkara ini dari satu masa ke satu masa kerana ia melibatkan anak-anak kita daripada sekolah rendah hingga ke sekolah menengah dan juga hingga ke universiti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang saya dapat berucap se dikit.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sabar dahulu Yang Berhormat. Saya belum habis. *[Ketawa]* Dia sudah hendak bangun depan saya. Jadi, saya juga ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk berucap yang tidak begitu panjang. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, lain kali kalau macam saya ini yang tidak ucap panjang, Tuan Yang di-Pertua utamakanlah daripada yang lain-lain *[Ketawa]* dan saya ucapkan terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

3.11 petang

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Selamat petang dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan sekalian. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan dan juga Menteri kita yang berada di sini mendengar hujah-hujah kita pada petang ini. Saya rasa ini adalah membuktikan keinginan Yang Berhormat Menteri dengan semua warga Kementerian Kesihatan untuk membawa kita dari status negara ketiga kepada status negara pertama di dunia ini. Tahniah dan syabas dan terima kasih. Ia juga membuktikan kita mempunyai satu kerajaan yang masih berjalan, ingin berjalan dan sentiasa memikirkan tentang kesejahteraan rakyat kita di negara Malaysia ini. It shows that we have a government that works, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Yang saya ingin kongsi di sini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di pedalaman di luar Kuala Lumpur begitu banyak barang-barang tiruan. Saya selalu mengetengahkan masalah ini dan saya difahamkan oleh pekedai-pekedai runcit di Sarawak iaitu, kata mereka, 70% barangan-barangan yang dijual mereka di tepi-tepi jalan, di kedai-kedai runcit di rumah panjang adalah barang tiruan. Barang tiruan ini, kata mereka, mereka tidak ada pilihan oleh kerana wholesaler atau penjual borong yang membawa kepada mereka di rumah panjang hanya membawa barang itu sahaja. Oleh kerana itu saya minta apabila kita menguatkuasakan undang-undang ini nanti jumlah pegawai penguat kuasa kita mesti ditentukan mencukupi dan juga bukan sahaja di Kuala Lumpur, oleh kerana di Kuala Lumpur apabila mereka bertugas di Kuala Lumpur, apabila mereka membuat tangkapan, mereka mendapat laporan di dalam surat khabar, mendapat laporan di TV, tetapi apabila mereka membuat tangkapan di Sarawak ataupun di

pedalaman di Sabah tidak ada laporan, tidak ada itu, tidak ada ini, mungkin mereka tidak begitu gembira menjalankan tugas. Ini adalah kerana they don't hope for headlines, dengan izin.

Di Sarawak juga, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita menerima ancaman dari negara jiran kita. Di kawasan saya bersempadan dengan Indonesia hanya 1 kilometer atau 2 kilometer sahaja tetapi kita juga mempunyai negara jiran yang lain seperti Filipina, seperti negara Siam dan negara Burma. Saya difahamkan apabila mereka membawa ikan, ikan kering salai dari Indonesia, belum tentu kering. Oleh kerana banyak lalat, lalat itu bertelur di sana tetapi apa yang mereka buat ialah mereka menggunakan ubat nyamuk shelltox. Mereka menggunakan shelltox ataupun ridsect. Mereka menggunakan itu dan menyemburkan kepada ikan salai tersebut. Selepas itu tidak adalah lalat hendak pergi ke tempat ikan salai tersebut tetapi itulah yang dijual di market di kedai di tamu.

Begitu juga buah-buahan dari Indonesia, begitu juga ubat-ubatan dari Indonesia yang tidak ada status, yang tidak ada satu standard yang tidak diluluskan oleh Sirim ataupun oleh FDA tetapi dibawa ke Sarawak dari negara jiran. Ini juga yang dijual di kaki lima dan ini juga yang dijual di pasar dan untuk saya ini sungguh membahayakan kesihatan orang-orang di pedalaman yang tidak begitu terdidik. Tetapi oleh kerana claims yang mengatakan ubat-ubatan ini lebih berkesan dari ubat yang dijual di Kuala Lumpur ataupun di Kuching jadi dengan itu orang hendak membeli. Kita nampak ini sungguh menjejaskan kesihatan mereka.

Satu lagi untuk orang yang kurang terdidik di pedalaman, petani-petani yang kurang terdidik, mereka juga menggunakan racun yang berlebihan apabila mereka menanam sayur-sayuran dan sayur-sayuran ini untuk dijual di tamu, untuk dijual di pasar dan saya mintalah Kementerian Kesihatan ini mengadakan satu kempen kesedaran untuk memberitahu mungkin melalui radio, ataupun melalui risalah ataupun melalui TV untuk memberitahu orang-orang di pedalaman – jangan gunakan bahasa yang lain oleh kerana di Sarawak boleh dikatakan *lingua franca* adalah bahasa Iban - dan gunakanlah bahasa Iban apabila membuat risalah supaya orang rumah panjang tahu betapa bahayanya amalan-amalan yang dijalankan oleh mereka apabila mereka menggunakan racun dengan cara yang berlebihan.

Tetapi ini dosa ini juga bukan hanya dibuat di Sarawak tetapi satu ketika dahulu saya ada membaca di dalam surat khabar iaitu sayur-sayuran dari Cameron

Highlands pun tidak dibenarkan memasuki Singapura oleh kerana tahap racun yang digunakan adalah lebih tinggi dari yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi makanan di Sarawak yang digemari oleh masyarakat, lebih-lebih lagi masyarakat Iban iaitu minum arak. Saya minta juga Kementerian Kesihatan kalau alcohol content, dengan izin, kiralah lebih 40% minta Kementerian Kesihatan berpatah balik kepada think tank mereka dan mengkaji tahap manakah yang bahaya, yang dapat memusnahkan badan si peminum itu. Adakah itu alcohol content 40%, 50%, 60% ataupun kita tunggu sehingga 100%. Di mana bahayanya dan apabila kita sudah tahu di mana tahapnya yang begitu bahaya kita minta janganlah minum arak yang mana content nya lebih daripada 40%, ataupun classify content yang lebih 40% itu sebagai racun yang tidak boleh diminum.

Oleh kerana sekarang di Sarawak pelbagai jenama; ada cap Langkau, ada cap Rumah Panjang, ada cap Trabai, macam-macam jenama di Sarawak dan dari nama dia sahaja, kita tahu arak itu adalah ditumpukan, dipasarkan kepada satu komuniti, satu kaum sahaja iaitu kaum Iban oleh kerana *brand* itu semua dalam bahasa Iban dan kalau tidak dilindungi, saya rasa mungkin bangsa Iban akan pupus tidak lama lagi kerana minum arak [*Ketawa*]

Satu lagi, arak itu yang banyaknya dibuat di Sibu saya nampak [*Ketawa*] kawan saya tidak ada di sini, dicampur dengan macam-macam warna dan juga rasa pun bermacam-macam. Saya pun tidak tahu sama ada arak yang dicampurkan dengan cara yang begini dan begitu dan *taste* nya rasa begini, rasa begitu, ada atau tidak dirujuk kepada Kementerian Kesihatan dan saya juga minta mungkin lesen untuk membuat arak ini janganlah diberi dengan cara yang begitu *liberal*

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada menteri kita oleh kerana sikap penjual ini juga akan dijaga dan saya minta apabila memberi lesen sama ada besar atau kecil, kita memang berpegang teguh kepada yang kita janjikan kepada rakyat iaitu kesihatan orang yang mempunyai lesen itu dan juga kesihatan *food handlers* itu juga dijaga dengan rapi. Pakaian mereka juga saya minta dijaga dengan rapi dan latihan pun patut dijalankan dengan cara yang betul dan tertentu.

Tadi kita menyentuh perkara merokok. Yang saya bimbangkan di sini, saya selalu melihat apabila orang itu dia goreng mee, ada rokok di mulutnya. Saya selalu lihat orang semasa menggoreng mee, dia pun merokok. Ini saya rasa adalah satu amalan yang begitu tidak baik untuk selera kita.

Saya juga minta research and development (R&D) dibuat untuk industri makanan kita dan juga research and development diperhebatkan supaya orang di dunia lain ada kepercayaan terhadap apa yang kita buat supaya mereka akan membeli dari kita apa-apa yang dikeluarkan oleh kita di Malaysia ini.

Satu lagi amalan yang saya minta iaitu apabila kita hendak memasarkan industri pelancongan kita, kita selalu mengatakan begitu banyak tempat makanan di kaki lima, di kedai-kedai dan di warung-warung ini tetapi saya nampak kedai atau warung itu selalunya begitu kotor. Kalau kita hendak tengok, tengok ke bawah meja, tengok tempat bawah dapur, begitu kotor. Kita tengok juga parit-parit yang di sekeliling warung atau gerai itu juga biasanya selalu kotor. Saya harap kementerian apabila mereka memberi lesen, kita mengadakan *check* dari semasa ke semasa tentang kebersihan, kedai, warung ataupun gerai-gerai yang menyediakan makanan di situ.

Dan juga kicap-kecap yang digunakan di kedai itu selalunya dibuat di rumah. Dua, tiga tahun yang lepas Tuan Yang di-Pertua, ada satu kes keracunan makanan. Jadi orang dari hospital tidak tahu di mana puncanya hingga mereka pergi ke rumah dan di rumah itu mereka tengok kecap yang dibuat dan disimpan dalam bekas plastik yang dahulu mengandungi racun untuk menanam sayur dan di sana baru mereka tengok dapur di mana kecap itu dibuat, ulat di sana-sini, itulah gambaran. Jadi saya harap Datuk Menteri kita akan membuat satu penyelesaian yang kreatif terhadap masalah ini oleh kerana selalunya terjadi di rumah.

Saya selalu makan di kaki lima. Bila saya makan di kaki lima itu Tun, saya selalu tengok parit. Kalau parit itu bersih, baru saya duduk, parit yang dua tiga kaki jauh dari tempat itu oleh kerana untuk saya, lalat memang dapat terbang dari parit dan hinggap di kedai itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya minta satu kaedah yang baru untuk menjaga imej kedai di kaki lima dan di warung kita. Saya nampak juga di Kuala Lumpur ini di mana tong sampah, di mana tempat yang gelap-gelap, di mana tempat yang kotor, di situlah kedai yang kecil-kecil berserakan. Saya rasa ini sungguh memalukan dan saya harap Datuk Menteri kita juga dapat mengeluarkan satu penyelesaian yang baik dan kreatif yang dapat dipatuhi oleh kita semua.

Jadi saya juga minta kerjasama Kementerian Kesihatan dan FAMA untuk menentukan standard antarabangsa kita terus kita hampiri dari tahun ke tahun supaya kita ini benar-benar menjadi satu negara yang maju, satu negara yang

dihormati dan satu negara yang ingin dikunjungi oleh orang-orang lain di dunia ini. Dengan kata-kata begitu Tun, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Gajah.

3.27 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan pindaan ke atas Akta Makanan. Tuan Yang di-Pertua, pemindaan Akta Makanan ini keseluruhannya meliputi 21 fasal di mana juga jelas menunjukkan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam akta ini sebelum ini. Di dalam akta ini, saya menyambut baik beberapa pemindaan seksyen yang dijelaskan pemakaiannya di mahkamah iaitu terutamanya Seksyen 32A.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini ketika mula-mula dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1982 adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Kementerian Kesihatan khususnya bagi pengawalan mutu makanan yang dijual di negara ini termasuk makanan yang diimport dan dieksport bagi melindungi kesihatan dan kepentingan pengguna. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, akta ini di dalam situasi tertentu gagal untuk mencapai tujuannya. Akta ini telah menyusahkan segolongan peniaga itu terutamanya penjual-penjual daging khinzir, daging ayam atau daging yang lain di pasar dan pada masa yang sama gagal melindungi kesihatan pengguna. Saya akan memfokus ucapan saya berkenaan pindaan ini kepada contoh seorang penjual daging khinzir di pasar Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah akta ini, penjual daging di pasar tiada pembelaan apabila mereka didakwa ke mahkamah dan tindakan mahkamah itu mengambil masa yang lama menyebabkan keselamatan pengguna atau *consumer* tidak terjamin. Jika kita rujuk kepada Seksyen 6 ia membenarkan *sample-sample* makanan diambil atau dibeli oleh pegawai yang berkuasa untuk dianalisis oleh juruanalisis. Apabila laporan juru analisis didapati mengandungi bahan kimia yang dilarang di bawah akta ini sebagai contoh *beta agonist* tindakan mahkamah boleh diambil terhadap penjual daging khinzir ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, masa yang panjang telah diberi oleh akta ini untuk membawa tindakan ke atas si penjual di mana ia melibatkan dua peringkat masa. Satu dengan pemindaan memerlukan laporan juruanalisis dikemukakan dalam masa 90 hari tambahan pula tindakan mahkamah diberi masa selama 150 hari dengan pemindaan kepada Seksyen 19(2).

Daripada aspek penjual daging di pasar seperti yang saya katakan tadi, akta ini tidak memberi sebarang peluang kepada penjual daging di pasar untuk mengemukakan sebarang pembelaan. Jika kita rujuk kepada Seksyen 19(1A) (pindaan) ia telah memperuntukkan laporan juruanalisis diberikan kepada pengarah atau mana-mana pegawai berkuasa di dalam tempoh 90 hari dari tarikh makanan untuk dihantar untuk dianalisis.

Pegawai penguasa terpaksa mengambil sampel untuk dianalisis oleh juruanalisis untuk menyediakan satu laporan dan ini diberi tempoh 90 hari untuk disiapkan satu laporan sampel. Bagaimanakah pula dengan soal penjual daging di pasar tahu sama ada daging yang dibekalkan oleh pembekalnya mengandungi bahan kimia yang menyalahi akta ini? Sebab pihak penguat kuasa perlu hantar ke makmal untuk siasat kandungan dalam daging.

Apakah kelengkapan yang ada pada seorang penjual daging di pasar? Dengan mata kasar, pegawai penguat kuasa tidak tahu kandungan daging tersebut. Jika penjual daging tersebut memberi keterangan menyatakan bahawa beliau tidak tahu kandungan bahan kimia di dalam daging tersebut, ini tidak boleh diterima di dalam mahkamah kerana di dalam Akta Makanan ini, mempunyai seksyen 20 yang menyatakan laporan juruanalisis adalah keterangan *prima facie*. Penjual daging kena buktikan laporan tersebut tidak betul dan seksyen 23 Akta Makanan ini menyatakan ia tidak menjadi pembelaan jika penjual, memberi keterangan bahawa ia bukan sengaja melakukannya.

Sebab, penjual daging bukan di bawah kawalannya, apa yang terkandung di dalam daging tersebut. Bagaimana seorang penjual daging hendak buktikan laporan juruanalisis tersebut adalah tidak betul atau sampel yang diambil untuk dianalisis bukan kepunyaannya, kerana dianalisis bukan di hadapannya. Sebagai contoh, sampel di Kuala Kangsar, jika sampel daging di Kuala Kangsar diambil, ia dihantar di makmal di Pulau Pinang dan ia bukan dianalisis di hadapan si penjual.

Jadi, apakah pembelaan kepada si penjual apabila mereka dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Makanan ini? Seksyen 23A memperuntukkan keterangan pakar untuk mencabar laporan analisis tersebut. Tetapi, tahukah Yang Berhormat Menteri, berapakah mahalunya untuk memanggil seorang pakar ke mahkamah untuk memberi keterangan? Lebih-lebih lagi kita ada kes ditangguhkan. Masih kena membayar seorang pakar. Kita lihat masalah ini daripada segi persepsi seorang

penjual daging di pasar dan tambahan pula seksyen 23 menyatakan bahawa pembelaan akan berjaya jika penjual telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk menentukan yang penjualan makanan tersebut tidak menjadi suatu kesalahan terhadap akta. Apa kelengkapan seperti yang saya katakan tadi, yang ada kepada si penjual tersebut? Bagaimana dia boleh buktikan bahawa dia telah ambil langkah untuk menganalisis daging yang dibekalkan oleh si penternak tersebut? Oleh itu, bagaimana penjual hendak buktikan beliau telah mengambil segala langkah yang munasabah.

Penjual daging di pasar, mana ada peralatan untuk menganalisis daging yang dibekalkannya. Saya ingin tahu daripada kementerian, setakat ini berapakah kes pendakwaan ke atas si penjual daging dan keputusannya. Berapa kes ke atas si penternak dan pembekal daging tersebut? Setahu saya, kebiasaannya apabila si penjual daging di pasar, mereka didakwa ke mahkamah, mereka mengaku salah sahaja sebab di bawah akta ini, mereka tidak dapat memberi segala pembelaan untuk membuktikan mereka telah mengambil sebarang langkah yang munasabah memastikan daging yang dibekalkan tiada menyalahi akta ini.

Tambahan pula dari aspek pengguna, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat dengan pemindaan ke atas akta ini, memperuntukkan 150 hari tambahan daripada 90 hari ke -150 hari untuk membawa tindakan ke mahkamah selepas sampel daging dibeli, pegawai mempunyai 150 hari untuk bawa tindakan ke mahkamah. Saya ingin tahu dalam jangka masa tersebut, apakah si penjual daging itu tidak perlu menjual daging? Sebab, kalau kita tahu apabila si pegawai penguasa, dia membeli sampel, dia mengambil sebahagian sahaja dan selepas itu, si penjual teruskan untuk menjual baki-baki daging tersebut. Jika kita membenarkan 150 hari, baru bawa tindakan dan membenarkan si penjual daging terus untuk menjual daging, kerana ini akan mengakibatkan pengguna kesihatan mengguna tidak terpelihara kalau membuktikan bahawa daging tersebut mengandungi *beta agonist* selepas dihantar ke makmal untuk menganalisis.

Apakah dalam seksyen 13 (c) memberi kuasa kepada pegawai menarik balik jualan makanan tersebut dari premis makanan untuk berapa jangka masa, berapa lama? Sebab setahu saya, si penjual daging itu, dia membeli bekalan daging mereka dari seorang penternak yang sama sepanjang masa. Takkan kita panggil dia tunggu sampai 150 hari, kalau tidak ada tindakan mahkamah, baru terus menjual.

Di sini, saya mencadangkan agar pihak kementerian mengkaji semula keseluruhan akta ini dan menggunakan peruntukan yang sedia ada untuk memperbaiki sistem pengawalan makanan terutamanya daging ternakan agar ia selamat untuk dimakan. Saya harap tiada tolak tanggungjawab di sini. Bila saya kemukakan masalah ini, saya risau Kementerian Pertanian pula mengatakan ini di bawah Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan pula akan menyatakan "*oh, ini pengawalan di bawah Kementerian Pertanian.*" Saya rasa, perlu ada koordinasi dan tanggungjawab bersama di antara kedua-dua kementerian apabila saya membangkitkan mengenai sistem pengawalan makanan terhadap ternakan.

Sebagai contoh, saya dimaklumkan oleh seorang penternak. Di Singapura, saya dimaklumkan ternakan diperiksa tahap kandungan bahan kimia dengan mengambil sampel darahnya tanpa ternakan tersebut disembelih. Peralatan yang digunakan tersebut boleh dalam masa 4 jam mengesahkan kandungan bahan kimia seperti *beta-agonist* dalam daging ternakan tersebut. Saya cadangkan kementerian menyiasat, mengkaji sama ada kalau boleh kita beli peralatan ini agar dapat mengatasi masalah berkenaan penggunaan bahan kimia yang dilarang di bawah akta ini. Kita boleh memelihara kesihatan pengguna dan juga tidak menyusahkan si penjual daging di pasar pada masa yang sama.

Saya juga ingin tahu sejauh mana draf ke atas rang undang-undang *Animal's Feed Bill* dan *Veterinary Bill* yang saya dimaklumkan sedang dikaji untuk dikemukakan di Dewan ini. Saya ingin tahu sejauh mana ini akan mengatasi masalah yang telah saya ucapkan sebentar tadi. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Gelang Patah.

3.38 ptg.

Tuan Chang See Tentang [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,. Saya ingin membahaskan pindaan Akta Makanan, Akta 281. Tadi saya ada dengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah tentang masalah *beta-agonist* dan memang hari ini pun, saya ingin sentuh perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 19 (2) yang ada terlibat dalam pindaan ini, perlu diadakan kerana had masa 90 hari untuk permulaan pro siding tidak memadai oleh kerana proses siasatan dan dijalankan mengambil masa yang panjang dan oleh yang demikian, pihak Kementerian Kesihatan pinda untuk memanjangkan kepada had masa ini ke-150 hari dan mewujudkan seksyen 19 (1 A).

Tentang perkara ini, memang saya selaku wakil rakyat, saya pun pernah dapat aduan daripada penjual daging khinzir dan penternak dan dari tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kesihatan kebelakangan ini, ada dikenal pasti beberapa kelemahan-kelemahan seperti berikut yang telah berbangkit, bantahan daripada penjual daging babi dan penternak-penternak khinzir.

Yang pertama penternak dan penjual daging khinzir terutama penternak enggan mengakui 'carcass' yang terlibat kerana babi hidup yang dibeli dari ladang secara 'ex-farm gate' telah bercampur dengan babi dari tempat lain dan adalah di bawah hak milik penjual. Babi-babi tersebut kemudian disimpan sekurang-kurangnya 12 jam sebelum disembelih. Dalam keadaan ini didapati adalah tidak munasabah penternak didakwa memandangkan berbagai-bagai faktor seperti di bawah iaitu penguatkuasaan secara notching telinga masih tidak dititikberatkan oleh pihak berkuasa dan perlu bergantung kepada tattoo di badan. Adakala notching telinga tidak dibuat dengan jelas dan mengakibatkan kesulitan tugas identification, dengan izin. Mereka dipercayai beroperasi tanpa bantuan atau garis panduan dari pihak pengurusan Jabatan Perkhidmatan Hal Ehwal Haiwan. Penternak tidak dapat menyaksikan pengambilan sampel. Faktor ini amat mustahak kerana sampel diambil dari organ yang tidak ada sebarang tanda kepunyaan tuan dan tiada bukti penjualan kepada pemilik atau pemunya 'carcass' itu. Keselamatan dan kawalan rumah sembelih tidak rapi dan ketat dan telah membangkitkan kemungkinan faktor penganiayaan atau 'victimization' oleh pihak musuh melalui cara 'administration' dalam bentuk ubat dalam air minum atau 'injection' dan saiz sampel hanya satu sahaja. Sepatutnya lebih sampel diambil dari ladang yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, jika didapati positif pada pusing preliminary, ladang tersebut dikuarantin dan pemeriksaan lanjut dan teliti dijalankan sebagai 'confirmative'. Ini sangat logical kerana babi-babi diberi ubat additive dalam satu tempoh iaitu dari 60 kilogram hingga 95 kilogram. Selain daripada itu penternak tidak boleh mengelakkan lagi kerana banyak sampel boleh diambil dan operasi adalah secara mengejut. Ini adalah satu pengamalan yang lebih baik jika ingin mendapat tindakan penguatkuasaan yang efektif berkenaan pencegahan penggunaan beta agonist. Di sini saya ingin buat beberapa cadangan supaya pihak penjual daging khinzir dan pihak penternak tidak boleh mempertikaikan tindakan penguatkuasaan undang-undang oleh pegawai-pegawai kesihatan dari Kementerian Kesihatan iaitu:

- i) mewujudkan satu task force yang terdiri dari pegawai Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan; dan
- ii) ujian mengejut dicadangkan dilaksanakan di puncunya iaitu di peringkat ladang oleh pasukan tersebut kerana penternak tidak boleh menafikan lagi kepunyaan ternakan yang terlibat.

Pihak berkuasa boleh ambil sampel yang banyak dengan mudah, serentak boleh ambil sampel makanan dan air. Oleh kerana additive ini diberi dalam makanan atau air dalam satu tempoh masa tertentu, tentu dapat gambaran yang lebih jelas jika kerja sample dibuat dari peringkat pembesar juga. Babi yang telah dipilih secara random di ladang akan terus dihantar ke rumah sembelih under escort dengan izin, dan disembelih untuk mendapatkan organ untuk dianalisa. Babi ini boleh disembelih terlebih dahulu sebelum penyembelihan routine dimulakan di abattoir. Ini akan mengatasi soal pengenal pastian yang salah iaitu wrong identification dan sebagainya. Bahan organ yang diambil sebagai sampel perlu diambil dalam dua bungkusan, kalau boleh dalam tiga bungkusan. Satu dihantar untuk dianalisa, satu disimpan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dan satu disimpan oleh Jabatan Kesihatan. Semua sampel-sampel perlu seal. Jika didapati positif, sampel kedua akan diuji semula untuk 'confirmation' yang muktamad. Sementara itu ladang itu akan dikuarantin sehingga mendapat keputusan muktamad. Saya harap perkara yang saya sebutkan tadi dapat diperhatikan oleh pihak penguatkuasaan Jabatan Kesihatan kerana pada masa kini terdapat ada kes-kes penguatkuasaan undang-undang, kes dibawa ke mahkamah dan oleh kerana ada masalah kelemahan 'technical error', dengan izin, atau masa lebih 90 hari yang tersebut dalam undang-undang, kes itu telah ditarik balik atau pihak kesihatan tidak dapat mencapai matlamat untuk mengenakan yang didakwa ke mahkamah untuk dikenakan denda oleh pihak mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan membanteras penggunaan beta agonist memang pihak Kementerian Kesihatan ada mempertingkatkan usaha mereka kerana pihak Kementerian Kesihatan terutama pegawai-pegawai kesihatan peka dan prihatin tentang sebab-sebabnya dan bahawa ini sangat merbahaya kepada pengguna. Dan saya pernah diberitahu oleh beberapa orang penternak. Penternak ini memang mempunyai tanggungjawab sosial dan mereka sedar tentang bahayanya beta agonist. Selain daripada boleh menyebabkan kanser, mereka beritahu saya babi yang diberikan beta agonist didapati bahawa reproductive organ atau organ

kelamin babi jantan itu sangat pendek dan tidak pernah kembang oleh kerana kemungkinan tidak ada keinginan seks. Babi betina yang ada diberi makanan beta agonist, organ kelaminnya sangat cetek iaitu shallow. Mereka tidak dapat beranak. Dan saya harap pihak Kementerian Kesihatan melalui pakar-pakar perubatan di negara kita ini atau di negara luar dapat sama ada memastikan apa yang diberitahu oleh mereka kepada saya adakah benar atau tidak benar.

Jika benar, saya khuatir kalau seorang budak dari kecil jika salah diberikan makanan daging khinzir daripada babi-babi yang diberikan makanan ubat *beta agonist* itu kemungkinan dia akan menghadapi masalah *impotentæ* atau seperti saya tadi ada bertanya Yang Berhormat bagi Tebrau....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mati pucuk.

Tuan Chang See Ten:tentang smoking pun boleh menyebabkan *erectile dysfunction*. Ini kemungkinan satu perkara yang penting sini kerana penternak, mereka bukan pakar. Saya pun bukan pakar, saya hari ini mengambil peluang keemasan di Dewan ini minta pihak Kementerian Kesihatan ambil maklumat ini buat siasatan melalui pakar-pakar perubatan tentang hal ini. Jika benar...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat berdiri.

Tuan Chang See Ten:saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habiskan dahulu.

Tuan Chang See Ten: Jika benar, kemungkinan besar semua penternak daging khinzir akan sendirinya berhenti menggunakan ubat beta agonist kerana mereka pun tak berani makan. Selain daripada kanser kalau boleh menyebabkan *erectile dysfunction* ini adalah satu masalah yang besar. Sebab itu saya harap perkara ini perlu diambil perhatian yang berat oleh pihak Kementerian Kesihatan. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat berdiri, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat terkejut dengan fakta saintifik yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah berkaitan dengan masalah babi dan pemakanan babi yang mengakibatkan kerosakan kepada alat-alat jantina binatang-binatang ini. Dan kebimbangan Yang

Berhormat bahawa ianya mungkin jika dimakan daripada kecil oleh orang-orang akan berjangkit penyakit itu kepada manusia. Baru-baru ini kita dengar laporan rasmi daripada Jabatan Statistik bahawa kadar jumlah penduduk masyarakat Cina di Malaysia ini kurang daripada masyarakat Melayu dan lain-lain lagi. Adakah ini bererti kemungkinan bahawa benar-benar penyakit itu sudah pun berjangkit kepada manusia dan mengakibatkan kadar pembangunan penduduk itu tidak seimbang di antara kaum yang terdapat dalam masyarakat kita ini? Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya sudah kata ini belum dapat siasatan daripada pihak atau penyelidikan daripada pihak pakar-pakar perubatan. Saya pun tidak dapat jawab sama ada ini adalah satu sebab kerana penduduk kaum Cina kurang. Tetapi kalau kita semua tahu bahawa kaum Cina cuma boleh kahwin seorang sahaja. Bukan macam umat Islam boleh kahwin empat orang. Lelaki umat Islam boleh kahwin empat orang. Setakat ini saya tidak boleh kata kerana termakan daging khinzir yang mana ada diberi makanan ubat beta agonist kemungkinan ada menghadapi masalah *impotence*, itu belum ada bukti lagi. Ini perlu ada siasatan. Saya cuma minta pihak Kementerian Kesihatan memajukan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya ingin minta pendapat Yang Berhormat, di dalam kes satu sampel daging dibeli dari pasar didapati mengandungi beta agonist, tetapi daging tersebut sebenarnya telah melalui rumah sembelih yang sah dan telah diluluskan dinyatakan sebagai sihat oleh pihak berkuasa tempatan. Jadi, dalam keadaan sedemikian, siapa yang patut dihukum? Apakah penjual patut dipersalahkan dalam keadaan kes sedemikian. Minta pendapat Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar Menteri menjawab.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma boleh beri sedikit pandangan. Sebenarnya penjual daging itu jika boleh selalu dia ambil bekalan dari penternak mana. Jika tahu antara penternak yang menjual babi itu kepada penjual seperti barang yang lain pembekal mesti memberikan 'warranty'. Jika pihak Kementerian Kesihatan memang boleh ambil tindakan untuk ambil sampel dari gerai

daging khinzir dan jika bukti ada mempunyai beta agonist dan didakwa di mahkamah, denda itu akan dibayar oleh pembekal kerana ada surat 'warranty'. Itu saya boleh jawab begini, betul atau tidak betul nanti Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan menjawab.

Di sini saya pun buat cadangan kepada pihak Kementerian Kesihatan, oleh kerana kita pun tahu babi-babi yang diberikan makanan ubat beta agonist biasanya dagingnya berlainan dengan babi yang tidak diberikan makanan beta agonist. Kita diberitahu bahawa daging daripada babi yang ada makan beta agonist dagingnya cantik tetapi rasa kurang. Itu sebelum makan tetapi dari mata kita boleh tahu iaitu daging itu lain dari daging khinzir yang tidak ada beta agonist, daging itu dari kulit terus meat, bukan macam lain dari biasa kulit, lemak, baru meat. Jika kita boleh berikan pendidikan kesihatan melalui ini kita boleh dapat kerjasama dari orang ramai supaya mereka bila terdapat daging seperti ini bila terbeli, bawa ke Kementerian Kesihatan atau Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau *abattoir* minta kerjasama supaya pihak pegawai-pegawai kesihatan akan tahu mana ada tempat yang mereka perlu ambil tindakan. Kerana kalau tak ada oleh kerana Kementerian Kesihatan kemungkinan menghadapi kekurangan pegawai seperti inspektor kesihatan dan pegawai perubatan kesihatan, jadi kita perlu melibatkan pengguna sama-sama membanteras penyalahgunaan ubat beta agonist ini. Ini adalah satu cadangan yang saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan penternak khinzir yang mereka pun kerana masalah ini saya harap bila tindakan yang diambil kepada pihak yang menggunakan ubat beta agonist, saya harap pihak Kementerian Kesihatan melalui penguatkuasaan undang-undang perlu meneruskan tindakan ini dengan lebih efektif. Saya harap dengan pindaan seksyen 19(2) ini dan pewujudan 19(1A) akan dapat memastikan masa yang memadai iaitu dengan diberikan 150 hari untuk siasatan dan pendakwaan yang lebih berkualiti.

Saya ingin ambil peluang di sini ingin tanya pihak Kementerian Kesihatan, setakat ini berapa kes penguatkuasaan tentang penyalahgunaan ubat beta agonist ini terpaksa ditarik balik. Dari pendakwaan di mahkamah akibat kesilapan teknikal dalam prosedur pengambilan contoh makanan atau minuman untuk tahun 1998 hingga tahun 2000 dan berapa kes pihak Kementerian Kesihatan kalah di mahkamah kepada yang dituduh dan yang dituduh dilepaskan akibat 'technical error' atau

kesilapan teknikal dalam prosiding pendakwaan yang kebanyakannya kerana lebih had masa 90 hari dari tahun 1998 hingga 2000.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan 'consistent' dalam usaha memastikan keselamatan makanan dan minuman perlu dipertingkatkan demi kepentingan kesihatan orang ramai. Saya memuji pihak Kementerian Kesihatan, baru-baru ini pun dapat ambil tindakan terhadap 'cancer causing agent' dalam belacan iaitu terdapat ada pihak yang menggunakan Rhodamine B, iaitu 'fluorescent red' dalam belacan. Baru-baru ini 'call back' 22 brand kicap soya. Ini adalah satu usaha yang patut kita puji kepada pihak Kementerian Kesihatan. Saya harap apa yang dilakukan ini akan dapat mencapai matlamat yang diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 34(h), Akta Makanan 1983 diadakan supaya Menteri Kesihatan diberi kuasa untuk membuat peraturan mengawal selia premis makanan dan minuman dan orang-orang yang terlibat dengannya dan mewajibkan pengendali makanan menjalani pemeriksaan kesihatan dan latihan pengendalian makanan. Pindaan ini perlu supaya dapat memastikan keselamatan makanan melalui peningkatan sanitasi premis makanan, kebersihan makanan. Ia mewajibkan semua pengendali makanan menjalani pemeriksaan kesihatan dan latihan pengendalian makanan. Usaha memastikan keselamatan makanan perlu dipertingkatkan melalui penekanan pemeriksaan premis makanan dan minuman dengan cara berterusan dan 'consistent' dari usaha sepakat dari pegawai kesihatan dan Kementerian Kesihatan serta pegawai-pegawai kesihatan di pihak-pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 10 dalam Akta Makanan memang ada menyebutkan kuasa Ketua Pengarah untuk memastikan semua premis makanan dalam keadaan bersih dan suci dan kebersihan premis makanan pada masa sekarang jika kita lihat dengan teliti masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Tadi beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah ini dan saya tidak perlu sebut yang lebih, cuma saya hendak menyebut iaitu dalam usaha ini, perlu dipertingkatkan tahap sanitasi di ruang tempat makan dalam premis makanan. Tempat penyediaan makanan dan minuman terutama di dapur, tandas dan urinal, kawalan yang baik dan sempurna kepada premis ini adalah sangat penting. Biasanya kita dapati bahawa kita pergi restoran ataupun mana-mana, tempat makan memang selesa dan berhawa dingin, tetapi bila kita pergi ke belakang hendak pergi tandas atau bilik kecil, kita lalui dapur kita dapati kadang-kadang

kebersihan di ruang makan dengan tempat belakang itu banyak beza dan ini adalah satu perkara yang patut diambil perhatian.

Dan selama ini memang melalui garis panduan pemeriksaan premis makanan yang mana ada mengadakan demerit system yang menggunakan kaedah penyelenggaraan iaitu 25 kaedah untuk pegawai kesihatan bila memeriksa se suatu premis, dia mesti teliti dengan 25 kaedah itu dan dengan itu mereka memberikan markah dan menentukan bagaimana restoran itu dikelaskan kepada Kelas A, B, C dan D.

A dan B tidak ada masalah, C dan D memang ada masalah tetapi bila D mesti menggunakan kuasa dalam seksyen 11 untuk memberikan arahan kepada pihak pengusaha restoran itu tutup sementara 14 hari, bersihkan mengikut syarat-syarat yang diberikan oleh Pegawai Kesihatan dan selepas 14 hari periksa semula, jika didapati bahawa pemilik restoran itu mematuhi syarat-syarat yang diberikan itu barulah membenarkan dia memulakan perniagaan balik. Ini adalah satu perkara yang sangat penting dan pihak berkuasa tempatan sangat perlu menggunakan Akta Makanan, Akta 281 ini kerana undang-undang yang berada di pihak berkuasa tempatan dalam Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171 memang tiada kuasa menutup premis dan jika premis makanan mereka mesti menggunakan kuasa ini dan ada baik kerana selama ini Menteri Kesihatan memberi kuasa ini kepada semua Pegawai Kesihatan di pihak-pihak berkuasa tempatan dan ini kita perlu kerjasama rapat daripada Pegawai-Pegawai Kesihatan dari Kementerian Kesihatan dan dari pihak berkuasa tempatan untuk memastikan bahawa premis makanan adalah dalam keadaan yang bersih dan suci.

Tuan Yang diPertua, saya pun ingin sentuh tentang apa yang dapati bahawa kebersihan tempat simpanan makanan yang mana ada mendatangkan masalah 'food poisoning', saya pernah dapati bahawa tadi ada Yang Berhormat yang mengatakan bahawa ada budak sekolah dapat keracunan makanan dan kita pun dapat baca dari surat khabar ada ramai orang pergi ke sebuah restoran semua kena 'food poisoning'. Ini adalah kerana kemungkinan besar pihak kantin atau restoran itu tidak menyimpan bahan mentah dengan bahan yang telah dimasak berlainan.

Jika boleh mereka mesti dinasihatkan supaya mengadakan peti sejuk berlainan, satu peti sejuk untuk simpan makanan yang sudah masak, atau disediakan seperti kalau di restoran untuk 'cold dish' ataupun untuk makanan disimpan berasingan dengan bahan mentah, sayur, daging mentah supaya dapat

mengelakkan pencemaran kuman dan ini adalah satu perkara yang sangat penting dan saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan dapat mengambil perhatian tentang kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut sedikit tentang pengendalian makanan yang betul supaya dapat mengelakkan pencemaran kuman iaitu kita mesti memastikan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan dalam keadaan bersih. Kita mesti memastikan kebersihan pengendali makanan bahawa *personal hygiene* mereka adalah baik, mereka semasa kerja mesti memakai pakaian yang bersih, mereka mesti memakai apron, penutup kepala dan badan mereka mesti bersih dan kuku mereka pendek dan bersih.

Setiap kali sebelum memulakan persediaan atau penjualan makanan, selepas menggunakan tandas mesti basuh dengan sabun dan air bersih. Saya pernah menerima aduan dari pengguna bahawa terdapat bau busuk najis semasa makan roti prata, kerana najis tersangkut di tempat ring (cincin) jari pengendali makanan dan pengguna ini telah tidak berani makan roti prata lagi.

Ini satu perkara adakah kita cadangkan supaya semua orang yang menyediakan roti prata pakai sarung plastik supaya boleh mengelakkan pencemaran kuman *E-Coli* yang terdapat dalam najis manusia. Dan saya harap pengendali makanan dapat dikawal tidak boleh meludah, membuang hingus daripada hidung semasa bekerja, ketika penjualan atau persediaan makanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia perlu mandi ataupun tidak?

Tuan Chang See Ten: Mandi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Chang See Ten: Tadi saya kata badan dia mesti bersih, *personal hygiene* penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila teruskan.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih. Kita pun mesti kawal supaya kita mengawal pengendali makanan tidak boleh menyediakan ataupun menjual makanan jika ia mempunyai luka atau pecah kulit di tangan atau jari kerana bila ada luka di tangan atau jari kemungkinan besar makanan akan dicemar oleh kuman *staphylococcus aureus*, ini boleh menyebabkan penyakit dan kita pun mesti memastikan bahawa penggunaan kain khusus bagi pembersihan pinggan mangkuk atau gelas tidak

bercampur dengan untuk membersihkan mop kerusi atau meja, kadang-kadang kalau kita pergi ke restoran kalau kita teliti, kain itu untuk mop pinggan mangkuk pun mop meja atau kerusi atau selepas dia terima wang dari pengguna, dia letak wang, dia lap dengan kain itu, terus sediakan makanan.

Memang ada pencemaran, sebab itu tadi Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pun kata dia sekarang hendak makan di luar pun selalu bimbang, sama ada apa yang dimakan adalah selamat untuk dimakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun mesti memastikan bahawa penyediaan makanan berhampiran dengan tandas atau bilik air atau di tempat yang kotor seperti di 'back lane' mesti dilarang.

Saya pernah sendiri nampak ada seorang pembantu kedai, dia terus ambil sayur dan cili daripada bakul yang dihantar oleh pembekal, ambil sahaja tidak basuh terus potong. Saya ingin bertanya pihak Kementerian Kesihatan, adakah kes ini sentiasa berlaku dan daripada pemeriksaan mereka ada teliti hal ini ataupun tidak. Ini satu masalah kerana sayur sekarang, memang ada *residue* racun perosak yang merbahaya.

Saya harap kita mesti memberikan ajaran kepada pengendali makanan supaya mesti bersihkan sayur, cili dengan air, kalau boleh bubuh sedikit garam supaya boleh '*neutralize*' racun perosak itu, selamat untuk kita makan. Kita bayar duit, kita beli makanan, balik kita cirit birit, kita muntah, inilah masalah.

Saya ada seorang kawan doktor, dia tidak berani kerana dahulu ada makan tengah hari, tidak balik rumah, dia suruh pembantu pergi beli makanan, mee ataupun apa, roti prata beli untuk balik makan tengah hari, setiap kali beli setiap kali cirit birit, dia kata dengan saya, sekarang saya setiap hari pagi, saya suruh isteri saya sediakan makanan, bubur atau nasi bawa ke klinik makan, tak pernah belanja luar, sampai ke tahap ini.

Sebab itu, sekarang kita sebagai pengguna, kalau kita semua sedar tentang hal-hal yang saya sebutkan tadi, kita boleh membantu pihak Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak kerajaan supaya kita dapat mewujudkan kesedaran kepada penjual-penjual atau pengusaha-pengusaha premis makanan bahawa bila mereka sediakan makanan atau buat apa-apa, buat seperti dia sediakan untuk dimakan sendiri atau dimakan oleh keluarga. Kalau mereka berbuat demikian, ada sikap penyayang, dia tahu kalau buat ini, kalau saya potong cili dan sayur tidak dibasuh, ada racun

perosak, mereka tidak akan beri kepada anak mereka atau kepada isteri mereka untuk dimakan.

Ini satu perkara yang kita hadapi kekurangan di masyarakat kita tentang perasaan tanggungjawab sosial di kalangan peniaga. Saya bukan kata semua peniaga, ada segelintir kecil peniaga premis makanan yang begini.

Dan apa yang saya katakan tadi, ada orang yang memberi aduan kepada saya, ada yang saya sendiri nampak tidak basuh, sebab itu sekarang bila saya hendak pergi makandi restoran, saya jarang tempah sayur, ini perkara yang bila kita nampak, kita berasa takut, saya pernah nampak sate sebelum dibakar kerana tidak disimpan dalam tempat yang baik, penuh dengan lalat, dikunjungi oleh lalat kerana tidak disimpan dengan baik, lepas itu kalau kita makan, bakar, memang sedap kerana kita tidak nampak tadi, mereka sediakan di rumah mereka, di kawasan rumah mereka, dapur bersih atau tidak bersih kita tidak tahu. Tidak tahu kita, semasa mereka potong daging itu, dia terdedah di sana kawasan ada yang penjaja dari

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Sebentar, saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia habiskan dahulu.

Tuan Chang See Ten: Dia dari kawasan setinggan, ada tandas biasa, tandas curah, banyak lalat, sebab itu saya pernah nampak semasa lawatan ke kawasan, saya nampak, daging itu di atasnya semua lalat, sebab itu saya sekarang hendak makan sate pun takutlah. Inilah masalah, sebab kalau saya sebutkan banyak lagi, banyak nanti tidak boleh dimakan. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, saya tengok Menteri Kesihatan pun naik loya bila Yang Berhormat bercakap soal ada najis dalam roti prata tetapi itulah mungkin yang paling melazatkan, sebab ramai yang pergi ke kedai-kedai seperti ini. cuma saya hendak sebutkan kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa fokus kita ini bukan sahaja kepada kedai-kedai makanan ataupun restoran-restoran, tetapi masalah itu juga timbul di kantin sekolah, asrama sekolah, di hospital iaitu di tempat-tempat rumah-rumah masak penyediaan makanan termasuk juga di penjara -penjara yang kita lihat.

Saya ada pengalaman sama ada di penjara ataupun di hospital di mana makanan-makanan yang disediakan oleh kedua-dua pihak ini tidak mempunyai kualiti. Yang keduanya, ialah juga di kawasan tempat pengendalian masakan tersebut dengan penuh kekotoran, kemudian juga pengendali-pengendali orang-orang yang memasak itu juga tidak mempunyai kebersihan, umpamanya di penjara. Saya ada pengalaman di Penjara Kajang, Yang Berhormat, bahawa orang yang mengendali makanan itu dalam keadaan pakai seluar pendek, dengan bulu roma pun penuh dan sebagainya dan ini sudah tentulah pasti akan memberikan satu pencemaran yang sangat tidak baik kepada penghuni penjara, walaupun ia merupakan penghuni penjara, kita tidak boleh melayannya seperti mana layanan kepada seorang hamba abdi.

Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa bukan sahaja pengusaha-pengusaha restoran tetapi juga melibatkan institusi ataupun agensi kerajaan yang terlibat dengan penyediaan makanan kepada mereka termasuk juga di hospital. Saya juga ada pengalaman duduk dalam wad, kadang-kadang makanan yang disediakan, sayurnya ada ulat dan sebagainya yang tidak mempunyai kebersihan yang cukup dan saya kira bahawa ini satu pencemaran dan kawasan masakan juga tidak dibersihkan secara yang sebaik-baiknya. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa harus ditumpukan juga kepada jabatan dan juga agensi kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini, saya harap pihak dan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti di penjara atau di asrama sekolah dan di mana-mana – di sekolah ada PIBG, penjara ada lembaga ahli jawatankuasa pelawat penjara dan di hospital pun ada AJK pelawat hospital. Kita boleh mendapat kerjasama daripada mereka bila mereka melawat premis-premis ini pun turut sama seperti di pusat serenti pun sama, turut sama. Saya pernah menjadi seorang ahli pelawat di Pusat Serenti Tampoi, kita pun pergi tengok tempat penyediaan makanan yang disediakan oleh pihak agensi itu supaya memastikan apa yang disediakan untuk dimakan oleh orang yang ditahan itu adalah dalam keadaan yang bersih dan selamat dimakan kerana kalau tidak, ianya akan melibatkan lebih masalah kepada pihak agensi itu kerana bila yang ditahan itu sakit lagi banyak masalah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bersetuju bahawa harus pihak-pihak ini mengambil tanggungjawab tetapi masalahnya kepada lembaga pelawat ini, baik di hospital ataupun di penjara khususnya. Pertama sekali lawatan-lawatan yang dibuat itu, kekerapannya agak jauh di segi lawatan.

Yang keduanya pula, bahawa apabila lawatan itu dibuat secara formaliti, beri surat kepada pihak penjara, beri surat kepada pihak hospital, lalu pihak jabatan ini akan memastikan bahawa tempat yang akan dilawat itu adalah tempat yang bersih, yang cukup clear, diarahkan banduan untuk buat kerja, siap bersih. Jadi, pelawat pergi tengok, "Oh, okay, bagus!" Tetapi selepas daripada pelawat balik, seminggu ataupun dua tiga hari selepas itu keadaan kembali seperti sedia kali, tidak ada pengawasan yang cukup.

Sebab itu bagi saya bahawa pendidikan ini harus juga diberi bukan sahaja kepada pengusaha-pengusaha restoran tetapi pendidikan harus diberi kepada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di bahagian pengendalian masakan dan sebagainya supaya mereka sensitif dengan persoalan-persoalan yang sebegini rupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah. Setujulah itu Yang Berhormat ya. Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Chang See Ten: Saya setuju. Sedikit sahaja. Saya setuju dengan cadangan itu, saya harap pemeriksaan itu mesti 'terkejut'. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 'Mengejut, mengejut' Yang Berhormat *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pemeriksaan yang mengejut. *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: Maaf, maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau 'terkejut' itu mati terkejutlah. *[Ketawa]*

Tuan Chang See Ten: 'Surprise check' mesti diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Chang See Ten: Saya lanjutkan dengan perbincangan saya. Saya pun harap pihak Kementerian Kesihatan dapat memastikan bahawa semua alat

persediaan makanan termasuk pinggan mangkuk dan gelas yang retak dan so mpek tidak digunakan lagi. Kita kalau pergi makan di restoran atau di pusat penjaja, kita dapati pengusaha restoran masih, mereka bukan tidak nampak tetapi masih keluarkan pinggan mangkuk dan gelas yang retak digunakan. Saya harap selain daripada tindakan yang lebih aktif daripada pihak Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan, sebagai pengguna kita pun bila nampak ini, kita sendiri beritahu peniaga tolong tukar dan ini akan dapat mendatangkan satu kesan yang lebih baik. Kira kita kerjasama dengan pihak berkuasa.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis Yang Berhormat? Hendak beri Arau?

Tuan Chang See Ten: Bagi, bagi. Belum habis lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Memang kita merasa mual apabila mendengar pengalaman-pengalaman yang telah pun Yang Berhormat sebutkan. Saya merasakan bahawa pendidikan untuk keseluruhan rakyat Malaysia ini perlu untuk kita menghayati dan juga melaksanakan kebersihan, sama ada kita pengguna ataupun kita pengusaha. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita semua diberi pendidikan ke arah kebersihan kerana kalau kita lihat dari segi kebersihan di negara kita ini, bukan semua tetapi dalam majoriti yang besar masih lagi tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat yang menjaga kebersihan negara. Itu yang pertamanya, Yang Berhormat.

Yang keduanya, apa pandangan Yang Berhormat dengan gerai makanan yang ada di negara kita ini yang setengahnya dibina di tepi longkang-longkang yang kita tahu longkang itu tidak bersih tetapi masih lagi dibenarkan oleh majlis perbandaran ataupun penguasa tempatan.

Satu lagi, Yang Berhormat menyebut mengenai *residue chemical* tadi. Kalau diikuti dari segi sayur-sayuran, sepatutnya sayur-sayuran tidak boleh menggunakan *chemical* dua minggu sebelum *harvest* tetapi ini dari segi teorinya saya rasa. Dari segi pelaksanaannya saya tidak tahu adakah mana-mana pihak membuat *enforcement* menentukan supaya sayur-sayuran yang dijual di negara kita ini tidak menggunakan racun *chemical* dua minggu sebelum *harvest*. Maknanya, kalau dia

menggunakan racun ini selepas dua minggu sudah tentu *residue* itu, walaupun kita menggunakan garam, ia akan masih lagi kekal pada makanan.

Begitu juga dengan penggunaan *formaldehyde* . Kita tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat, dak?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...ada penggunaan *formaldehyde*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, panjang dah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya Dato'. Adakah Yang Berhormat sedar ikan yang menggunakan *formaldehyde* ini kalau tidak dibersihkan sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi akan mencemarkan dan juga akan mengakibatkan kesan buruk kepada pengguna.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Arau. Tadi tentang *formaldehyde* telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi PJ Utara dan memang saya bersetuju bahawa para pengguna perlu ada sikap tanggungjawab sosial bersama dengan pihak berkuasa bersama-sama berusaha mempertingkatkan kaedah kebersihan premis makanan di negara kita ini kerana kita ingin menjadi negara maju pada tahun 2020.

Kalau kita dapati di negara maju seperti di Australia, di UK, Switzerland, kalau kita pergi ke negara maju itu, restoran mereka depan belakang bersih, *food handlers* mereka pun berpakaian bersih. Semua mengendali makanan dengan cara yang baik dan ini adalah penting kita mesti sama-sama usahakan melalui pendidikan kesihatan.

Memang pihak Kementerian Kesihatan sentiasa ada menjalankan pendidikan kesihatan kepada semua pengendali makanan. Cuma, di sini saya ingin sentuh sedikit bahawa semua pengendali makanan perlu diberikan suntikan TAB untuk mengelakkan mereka menghidap penyakit *typhoid* dan ini biasanya diberikan suntikan tiga tahun sekali dengan memberikan sekali suntikan 0.5 cc suntikan TAB. Tetapi kalau kita teliti bukan pengusaha sahaja yang perlu pergi ke jabatan atau pejabat kesihatan di pihak berkuasa tempatan untuk diperiksa kesihatan atau diberikan suntikan TAB. Kita mesti memastikan semua pekerja dan pengendali makanan di premis itu pun mesti dipastikan adalah diberikan suntikan TAB supaya

ini perlu usaha yang lebih berkesan daripada pihak berkuasa tempatan dan pihak Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Seksyen 36 Akta 281 yang mana wujud satu Seksyen 36(2) yang baru yang memberikan kuasa kepada Menteri Kesihatan dan boleh mengadakan peraturan-peraturan tentang tembakau dan hasil tembakau kerana tadi ada beberapa orang Ahli Parlimen yang sentuh mengenai kes ini.

Di sini oleh kerana tadi saya ada bertanya kepada Yang Berhormat bagi Tebrau tetapi kerana tidak dapat memberikan gambaran yang lebih terang, saya harap memberikan peluang kepada saya sedikit sahaja, saya harap pihak Kementerian Kesihatan melalui pakar-pakar perubatan dari negara kita ini atau dari negara asing— apa yang saya katakan dalam artikel Royal Society of Health, London yang pada tahun 1998 saya terbaca tentang smoking supaya dengan kesedaran bahayanya smoking, smoker sendiri akan berhenti smoking.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**

Saya mengambil peluang memperkatakan hal ini iaitu yang terkandung dalam artikel Bahasa Inggeris itu, *“Smoking harms the lungs, the heart neurological systems including Erectile Dysfunction (ED) impotence, prostate cancer, urinary bladder cancer, renal and ureter cancer, penile cancer. Cigarette smoke exerts adverse effects on sperm motility and count, it is advisable for men to quit smoking should they have marginal semen quality and wish to start a family. It affects local blood flow and normal penile smooth muscle responses.*

Smoking is a risk factor for Erectile Dysfunction (ED). This adverse effect is probably mediated by several mechanisms. It is important to be aware of this link because this information may motivate some male smokers to quit. Quitting smoking may restore or improve erectile function. Smoking is also one of the risk factors for sickness like hyperlipidaemia, hypertension, diabetes mellitus should and shared by Erectile Dysfunction (ED) and vascular disease”.

Saya harap petikan ini dari Royal Society Health London Journal pada tahun 1998 dapat perhatian daripada pihak Kementerian Kesihatan dan saya minta Kementerian Kesihatan melalui pakar-pakar perubatan siasat tentang sama ada ini kalau benar kita beritahu kepada para smokers yang hisap rokok supaya mereka dapat tahu perkara ini, kemungkinan besar mereka sendiri berhenti atau mengurangkan merokok dan ini adalah satu perkara yang kita perlu usahakan

melalui pendidikan kesihatan, melalui Kempen Melarang Merokok dan melalui tindakan yang lebih efektif, penguatkuasaan undang-undang melarang merokok dalam premis makanan yang berhawa dingin.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan ini keseluruhannya saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Kesihatan kerana dapat mengadakan pindaan ini dan ini adalah satu tindakan yang baik yang saya harap dengan usaha ini akan dapat mempertingkatkan usaha dalam perkhidmatan perubatan pencegahan supaya mengurangkan penyakit berjangkit dan penyakit yang bukan berjangkit demi kepentingan kesihatan rakyat jelata.

Dengan memastikan rakyat yang sihat melalui usaha perkhidmatan perubatan, pencegahan dan perkhidmatan perubatan rawatan. Jika ia dilakukan dengan sempurna kita akan dapat mengurangkan atau menjimatkan perbelanjaan yang besar dalam perkhidmatan perubatan rawatan. Demi memastikan kepentingan pengguna kita mahu pihak kerajaan tidak lagi bertolak ansur dalam hal keselamatan makanan.

Sebenarnya pihak kerajaan melalui pihak Kementerian Kesihatan dan lain-lain jabatan seperti pihak-pihak berkuasa tempatan, Jabatan Haiwan dan Jabatan Pertanian sentiasa berusaha mempertingkatkan tindakan-tindakan dan usaha untuk meningkatkan keselamatan dan kualiti makanan tetapi hingga pada masa sekarang kita masih belum mencapai matlamatnya dan penjagaan kesihatan rakyat adalah maha penting daripada hanya memenuhi tuntutan komersial sesetengah pihak sahaja. Oleh yang demikian kerjasama dari semua pihak dari semua agensi kerajaan, dari semua para pengguna dan syarikat swasta dalam usaha memastikan negara kita ini menikmati makanan yang selamat adalah satu perkara yang sangat penting.

Dengan kata-kata yang demikian saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

4.37 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab saya ada dengar dalam satu hari ini banyak hujah mengenai ketidakbetulan terhadap makanan. Yang pertamanya, saya pun

hairan juga mengapa pihak kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk mengemukakan pindaan seumpama ini.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita di sini di dalam tahun 1980'an ada membangkitkan masalah beta agonist. Waktu itu pihak kementerian dan pihak Yang Berhormat Menteri bukan lagi Menteri Kesihatan pada masa itu tetapi kementerian waktu itu kata semua itu dalam keadaan terkawal. Tetapi pada akhir-akhir ini, maka kita nampak ada sedikit usaha oleh pihak kementerian dan pada tahun 2000 dari bulan Jun hingga Ogos ada ujian ke atas 396 sampel daging khinzir, lembu dan kambing dan didapati daripada sampel-sampel ini 37% daging khinzir, 17% daging lembu dan 9% daging kambing. Jangan anggap beta agonist hanya untuk khinzir tetapi lembu juga.

Saya pun hairan mengapa hampir 20 tahun baru ada ujian seumpama ini [*Ketawa*]. Dua dekad, ini memang satu kelemahan. [*Disampuk*] Oh, samakah? Oh, sama. 20 tahun lebih untuk mengadakan tindakan seumpama ini dan saya setuju jika kita mesti adakan pindaan seumpama ini untuk mengawal makanan negara ini.

Saya pun setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 24 April tahun lepas, orang-orang Malaysia tidak akan menerima amalan yang tidak beretika yang hanya mementingkan keuntungan tanpa mengira kesihatan awam.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*Malaysians will not tolerate unethical practices that put profit margin above the health consideration of the public*". Ini memang betul dan berasaskan kepada kenyataan ini saya akan membangkitkan beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beta agonist ini walaupun ada tindakan, walaupun beberapa orang telah dihadapkan ke mahkamah, kalau kita perhatikan daging-daging yang dijual sekarang ini nampak sangat merah dan saya diberitahu dan saya berharap pihak kementerian dapat menyiasat sekarang.

Saya diberitahu ada daging-daging sekarang yang mempunyai beta agonist sebab pihak penguat kuasa sama ada Jabatan Haiwan ataupun Jabatan Kesihatan, saya tidak tahu di mana salahnya.

Ada segelintir pegawai yang tidak begitu berdisiplin dan saya diberitahu amaun bayaran adalah tinggi daripada ladang-ladang untuk segelintir pegawai ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menyiasat sebab kita diberitahu sebab apa daging masih mengandungi *beta agonist*. Satu fenomena yang berlaku sekarang

apabila kita baca di dalam akhbar, "Oh, ada tindakan. Ada tindakan bersungguh-sungguh". Kita mesti berjaga-jaga kerana di sebaliknya "ada undang di sebalik batu".

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada undang di sebalik mee

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, sebalik batu, sebalik mee. *[Ketawa]* Memang masalah penguatkuasaan timbul. Inilah satu fenomena, saya pun menyesal apabila saya baca ada tindakan, saya pun berhati-hati, adakah ini bersungguh-sungguh kerana sebaliknya yang terjadi di negara ini, yang pertamanya.

Begitu juga dengan antibiotik yang digunakan sama ada *nitrofurantoin*, *chloramphenicol* atau apa sahaja. Walaupun pihak kementerian mengatakan tidak benarkan menyalahgunakan antibiotik-antibiotik ini kerana masalah yang tertentu termasuklah penyelarasan di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Pertanian itu kurang berkesan saya nampak dan penyalahgunaan antibiotik termasuk *nitrofurantoin* masih berlaku di negara ini. Ini masalah yang dihadapi oleh orang Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Pertanian mempertingkatkan penyelarasan di antara satu sama lain supaya semua kawalan ke atas makanan itu adalah berkesan. Tambah pula, Tuan Yang di-Pertua, pihak jabatan ataupun Kementerian Pertanian sudah pun melancar projek-projek berdasarkan kepada Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk membuka banyak ladang, terutamanya Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan setakat ini ada seluas tiga ribu hektar yang akan mengeluarkan makanan termasuk ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan kaedah pertanian yang tinggi dan dianggarkan mengeluarkan sekurang-kurangnya RM200 juta makanan setahun.

Dengan galakan pengeluaran makanan ini, kawalan ke atas makanan mesti dipertingkatkan lagi dan sebab itulah saya mencadangkan penyelarasan di antara kedua-dua kementerian itu dipertingkatkan supaya kita boleh melaksanakan undang-undang ini dengan berkesannya.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada undang-undang, misalnya Undang-undang Makanan yang kita ada sekarang dan juga undang-undang yang terlibat dengan Natural Resources and Environment Board dan sebagainya untuk kawalan makanan ini tidak diseragamkan.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh yang konkrit kerana undang-undang tidak diseragamkan, apabila berlaku virus wabak *Encephalitis*,

mungkin boleh disebutkan sebagai virus Tambun, bukan virus Nipah kerana bermula di Tambun kerana keluang yang membawa virus ini dan apabila berlaku hal wabak ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil tindakan itu bukan salah, tindakan betul tetapi ada pertindihan di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Pertanian sehingga langkah-langkah yang diambil itu tidak begitu berkesan.

Sebab itulah saya berharap bukan sahaja kita bentangkan rang undang-undang seperti ini, bahkan juga kita menyeragamkan semua undang-undang di antara dua kementerian ini supaya kawalan dapat dijalankan dengan betul dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bangkitkan setakat ini mengenai agensi-agensi kawalan kita, termasuk Bahagian Kawalan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan kerana bagi saya, langkah yang diambil untuk mencegah makanan yang tidak sesuai ini tidak begitu teratur.

Misalnya, walaupun Akta Makanan ini sudah pun buat garisan mengenai belacan tetapi masih berlaku masalah kimia di dalam belacan, misalnya *Rhodamine B (fluorescent red)* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. *Rhodamine B* yang boleh mengakibatkan barah ataupun kanser.

Di dalam Akta Makanan 1983, ini dilarang tetapi masih berlaku – saya tidak payah sebutkanlah angka-angka kerana dikeluarkan oleh pihak Menteri sendiri mengenai belacan yang mengandungi *Rhodamine B* ini dan tambah pula, ada satu bulan yang lepas, pihak kerajaan United Kingdom ada buat satu kajian ke atas kicap dan minyak tiram dan didapati ada sebahagian mengandungi *3-McPD* atau *1,3-DCP*, dua jenis kimia yang boleh menyebabkan kanser hati.

Saya setuju pihak kementerian mengambil tindakan untuk mencegah dan melarang kicap-kicap yang mengandungi dua racun ini daripada dijual tetapi tindakan itu selepas laporan daripada London, itu pun hampir tiga minggu selepas itu. Saya mencadangkan supaya kita rombakkan semula, menyusun semula agensi-agensi kawalan, termasuk Bahagian Kawalan Kualiti Makanan supaya kita boleh buat ujian dengan lebih menyeluruh dan berkesan untuk semua ini.

Saya bagi satu contoh sebab apa tidak begitu berkesan. Misalnya dengan *beta agonist*, mungkin makmal kerajaan tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan mungkin kos untuk ujian itu tinggi. Satu contoh mungkin RM25 atau RM30 untuk membuat ujian ke atas darah ataupun kencing dan mungkin kerana tidak ada cukup kakitangan dan juga kos yang tinggi, tidak dapat membuat ujian dengan lebih

menyeluruh dan sebab itulah saya berharap pihak kementerian dapat mengawal, memeriksa dan mengkaji sama ada inilah faktor-faktor yang menyebabkan ujian dan kawalan yang tidak begitu berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya cadangkan ialah mengenai pusat latihan yang berkesan untuk semua penguat kuasa, untuk semua kakitangan yang mengendalikan kawalan makanan. Kalau kita ikut cara yang dibuat sekarang saya kluatir penguatkuasaan rang undang-undang ini tidak akan berkesan, tidak akan efektif dan saya mencadangkan satu pusat latihan yang berkesan diadakan untuk melatih semua penguat kuasa supaya berdisiplin, supaya efektif, supaya beramanah.

Itulah cadangan saya hari ini dan akhir sekali mengenai *genetically modified food*. Saya baca semua di sini tetapi tidak dapat, mungkin kementerian akan mengadakan ataupun Kementerian Sains dan mungkin ada kementerian lain tetapi kalau Kementerian Sains yang bertanggungjawab ini pun termasuk di dalam makanan juga. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita import kacang soya daripada negara China, daripada Amerika Syarikat dan daripada Canada.

Kualiti yang paling baik ialah daripada Canada. Daripada China dan Amerika Syarikat kualitinya kurang sedikit dan setengah-setengah itu ada *genetically modified food* dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengawal hal ini sebab kita tidak tahu, apa akan terjadi dengan manusia ataupun haiwan bila kita makan *genetically modified food* (GMF). Kita tidak tahu sebab ada pihak-pihak yang tertentu yang memberi amaran supaya jangan menggunakan GMF termasuklah jagung. Jagung di Amerika Syarikat yang dikeluarkan dengan besar-besaran dan ada sebahagiannya itu *genetically modified*. Kita pun ada mengimport jagung juga, jagung kita sendiri tidak mencukupi dan kita mengimport jagung. Dengan sebab itu saya sekali lagi menyarankan supaya pihak kementerian mengambil tindakan mengenai *genetically modified food* supaya keselamatan makanan terjamin di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Besut.

4.54 petang

Tuan Hassan bin Mohamed [Besut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Makanan 1983 ini.

Secara umumnya akta ini adalah baik. Namun ianya masih tidak dapat menjawab beberapa persoalan yang menyelubungi umat Islam khususnya dari persoalan halal dan haram sesuatu makanan dan minuman itu. Pertamanya persoalan halal dan haram ini di mana umat Islam bertanggungjawab memastikan makanan dan minuman yang mereka ambil itu dan gunakan itu adalah halal menurut tuntutan syarak. Kehadiran zat makanan dan minuman yang tidak suci dan tidak halal, iaitu haram yang menjadi darah daging memberikan kesan yang tidak baik dari sudut kerohanian, fizikal dan psikologi.

Tanggungjawab ini terpikul pada diri individu, keluarga, masyarakat malah yang terpenting adalah kerajaan sendiri. Persoalan kedua dari segi standard keselamatan kesihatan awam, di mana akta ini tidak juga dapat menjawab tentang apakah ukuran atau garis panduan sebenarnya mengenai standard keselamatan kesihatan awam yang diamalkan oleh kerajaan yang sebagaimana telah dibentangkan dan dibicarakan oleh sahabat-sahabat saya yang terdahulu. Kedua-dua persoalan tersebut inilah yang tidak dapat dijawab dan dijelaskan melalui akta ini walaupun sesudah dipinda.

Sebagai contoh rujukan, kes Ajinomoto di Indonesia dahulu dan yang kedua minuman yang memabukkan. Umum mengetahui perkara ini membahayakan kesihatan. Namun melalui akta ini tidak jelas menyatakan tentang tatacara penjualan dan premis khusus bagi minuman yang memabukkan. Oleh itu kita dengan mudah mendapati ianya dijual di merata premis dan bercampur dengan minuman yang halal. Malah lebih menyedihkan ianya terdapat di gerai-gerai biasa termasuk gerai di tepi-tepi jalan. Akibatnya minuman ini boleh didapati dengan senang di penjuru-penjuru kawasan kedai.

Yang ketiga, persoalan rokok yang banyak dibentangkan tadi, yang mana masyarakat mengetahui hasil dari produk tembakau adalah menjadi punca daripada pelbagai jenis penyakit. Kemudaratan yang ditimbulkan oleh produk tembakau adalah sesuatu yang dilarang oleh agama dan semua masyarakat dunia umumnya. Jadi, memasukkan produk tembakau dalam akta ini adalah sesuatu yang bertentangan dengan tujuan akta itu sendiri. Sepatutnya hasil produk tembakau hendaklah dikawal sebagaimana mengawal ubat-ubatan dan tidaklah diletakkan di bawah Akta Makanan. Maknanya kita tidak tahu tembakau ini sama ada makanan ataupun ubat.

Yang seterusnya tentang pendakwaan di mana kalau kita lihat sebelum dipinda, seksyen 19 - *"Pendakwaan - Jika seseorang juruanalisis setelah menganalisis atau memeriksa apa-apa makanan dan akta ini terpakai baginya telah memberi suatu perakuan dan dari perakuan itu didapati bahawa sesuatu kesalahan di bawah akta ini telah dilakukan, maka pegawai berkuasa boleh menjalankan prosiding di bawah Akta ini di hadapan mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana yang dijual itu telah sebenarnya sampaikan kepada pembeli atau sampelnya diambil."* Maknanya ia dilakukan oleh pegawai berkuasa yang mengetahui. Tetapi sesudah dipinda pendakwaan adalah tertakluk kepada seksyen 377 Kanun Tatacara Jenayah dan yang kedua tertakluk juga kepada seksyen 32A Akta Makanan. Di mana seksyen 377 Kanun Tatacara Jenayah ini, saya bacakan :

"Tiap-tiap pendakwaan jenayah di hadapan sesuatu Mahkamah Tinggi dan tiap-tiap pendakwaan jenayah bagi kesalahan yang lazim ditangkap serta tiap-tiap siasatan di hadapan Majistret tertakluk kepada seksyen berikut, hendaklah dijalankan,

- (i) oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya atau peguam bela atau dalam negeri Terengganu seorang perayu yang digajikan oleh pengadu dan diberi kuasa bertulis oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya yang bertindak di bawah kawalan dan arahan am Pendakwa Raya untuk menjalankan pendakwaan atau siasatan itu.
- (ii) oleh seorang polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor yang bertindak bagi pihak Pendakwa Raya.

Jadi, yang sebelum dipinda tadi ialah pegawai berkuasa yang mengetahui dan yang kedua ini daripada Pendakwa Raya ataupun daripada polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor yang mana yang dipinda ini tidak memiliki pengetahuan yang lebih daripada yang pertama tadi.

Dengan syarat dalam mana-mana jua daerah di mana tidak boleh dijalankan sedemikian tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang tidak munasabah mengenai pendakwaan atau siasatan itu maka pendakwa raya dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan dalam warta mengarahkan supaya pendakwaan terhadap kesalahan

yang lazim ditangkap bolehlah dijalankan dalam tarikh itu oleh seorang pegawai polis yang berpangkat kurang daripada inspektor dan dengan syarat selanjutnya bahawa semua ketiadaan pegawai yang diberi kuasa dalam negara itu untuk menjalankan pendakwaan mengikut peruntukan yang disebut sebelumnya.

Bagi seksyen ini pendakwaan boleh dijalankan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari seorang sarjan yang diberi kuasa bertulis oleh pendakwa raya menjalankan pendakwaan bagi tempoh tidak melebihi 14 hari daripada tarikh pemberian kuasa bertulis itu. Jadi saya kluatir dengan diberi kuasa kepada polis, banyak perkara yang tidak boleh selesai disebabkan oleh pengetahuan yang tidak cukup untuk menilai sesuatu barangan yang ditahan itu.

Yang kedua, Seksyen 32A Akta Makanan - seksyen baru ini - tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini tanpa keizinan bertulis pendakwa raya. Jadi cadangan berkenaan dengan Akta Makanan ini pertama, hendaklah memperkenalkan suatu akta iaitu Akta Halal Haram. Kita mencadangkan supaya memperkenalkan Akta Halal Haram di Parlimen ini bagi memberikan jawapan dan mengatasi segala persoalan halal haram di kalangan umat Islam dan masyarakat keseluruhannya.

Yang kedua, memperjelaskan tentang standard keselamatan kesihatan awam bagi melindungi keseluruhan pengguna di negara kita ini kerana apa yang terdapat dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 pada Seksyen 19 (Keselamatan) masih tidak dapat menjawab persoalan ini.

Cadangan yang ketiga, pendakwaan oleh pegawai berkuasa hendaklah dikekalkan seperti mana kuasa pendakwaan dalam akta asal kerana pihak mereka lebih arif dan untuk mengelakkan berlakunya kemungkinan pendakwaan terpilih serta memakan masa yang terlalu lama.

Yang keempat, berhubung dengan produk tembakau, hendaklah dikawal seperti mana mengawal ubat-ubatan dan ia diletakkan di bawah Akta Ubat-ubatan kalau kita benar-benar serius ke atas produk tembakau ini. Yang kedua hendaklah dikawal penjualannya dan dengan itu suatu akta atau peraturan hendaklah digubal dengan mewajibkan semua hasil produk tembakau hanya boleh dijual dengan berlesen.

Yang ketiga, mengharamkan semua bentuk pengiklanan jenama produk hasil tembakau secara langsung atau tidak langsung dalam media dan

mengharamkan penajaan acara-acara tertentu oleh syarikat tembakau multinasional berkenaan.

Yang keempat, yang akhir sekali, kerajaan hendaklahewartakan dan menguatkuasakan fatwa yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 23 Mac 1995 yang mengisytiharkan bahawa merokok adalah haram bagi orang Islam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas.

5.04 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama-sama berbincang tentang Rang Undang-undang Makanan. Saya mulakan dengan sepotong ayat Al-Qur'an. *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an dari Surah Al A'raf ayat 31.]* yang bermaksud; makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menganggarkan 1/5 atau 828 juta penduduk negara yang sedang membangun yang kebanyakannya adalah negara umat Islam sendiri masih menderita daripada penyakit kurang zat makanan walaupun seperti yang diketahui kebanyakan negara membangun termasuk negara kita sudah meningkatkan bekalan makanan untuk keperluan rakyat tetapi masih ada rakyat yang tidak mampu untuk berbuat demikian. Mempunyai bekalan yang mencukupi tidak bermakna semua rakyat akan mendapat makanan dengan mudah. Kiranya masih wujud ketidaksamarataan dari segi kedudukan sosial dan ekonomi, ketidakseimbangan ini akan menyebabkan ada pihak akan mendapat lebih dan ada yang mendapat kurang makanan. Apa yang penting ialah bagaimana untuk menentukan keselamatan makanan di negara ini terjamin. Ianya dicapai kiranya kerajaan dan masyarakat mengambil usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran dan bekalan makanan negara sebagai satu tanggungjawab bersama. Amatlah penting pihak kerajaan perlu mewujudkan keadaan sosial dan ekonomi yang seimbang kepada rakyat yang membolehkan setiap individu berpeluang mendapatkan makanan dengan cara membeli ataupun terbabit dalam aktiviti pengeluaran makanan itu sendiri. Galakan dan penglibatan pihak kerajaan dalam sektor pengeluaran makanan amatlah penting

dalam membantu proses pengeluaran sentiasa mampu memenuhi permintaan masyarakat.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan pengeluaran makanan akan dipertingkatkan secara besar-besaran bagi tujuan memenuhi permintaan yang semakin bertambah di pasaran tempatan dan seterusnya mengurangkan import bahan makanan dari luar. Nilai tambahan sektor makanan dijangka akan meningkat terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran komoditi makanan utama dan dijangka dalam Rancangan Malaysia Kelapan keseluruhan sektor pertanian akan meningkat sebanyak 3% setahun berbanding 1.2% dalam Rancangan Malaysia yang lalu. Adalah diharapkan apa yang dirancang akan menjadi kenyataan. Apa yang penting, peningkatan ini diharap mampu menjana atau memperbaiki status ekonomi para petani khususnya yang selama ini berada dalam belunggu kadar kemiskinan yang tinggi di negara kita.

Selain daripada peningkatan teknologi pertanian, benih berhasil tinggi dan teknologi peningkatan kemahiran tenaga kerja kepada petani amat perlu diberikan penekanan. Kursus dan latihan haruslah sentiasa dijalankan agar para petani tidak ketinggalan dalam arus pembangunan pertanian negara khususnya. Pihak kerajaan perlulah telus dan ikhlas di dalam pengagihan kemudahan, bantuan kewangan dan kepakaran teknologi, subsidi agar perbezaan politik bukanlah dijadikan alasan untuk rakyat dinafikan hak mereka misalnya dalam kes pengagihan baja subsidi dan sebagainya. Pemakanan yang seimbang, selamat dan mencukupi adalah merupakan suatu yang asasi kepada manusia dan dari sudut agama Islam itu sendiri ianya menjadi suatu tanggungjawab yang wajib dipenuhi oleh pihak pemerintah. Pihak kerajaan perlu sedar tentang penting dan perlunya tanggungjawab menghasilkan makanan yang mencukupi kepada rakyat jelata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang sedang membahis Rang Undang-undang (Pindaan) ...

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, saya akan masuk ke Rang undang-undang, insya Allah, mukadimah baru.

Semenjak pertengahan tahun 1980 Malaysia dikatakan telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak baik di mana ia telah mencapai pertumbuhan KDNK melebihi 8% setahun. Pertumbuhan ini telah diterajui oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sementara sektor pertanian telah mengalami kadar pertumbuhan yang mengecil dan sederhana iaitu 2%-3% sahaja dari segi sumbangan kepada

KDNK. Galakan yang hebat dari pihak kerajaan telah mencatatkan pertumbuhan sektor pertanian yang selama ini menjadi punca utama pendapatan rakyat negara ini. Kesan daripada itu banyak telah kita saksikan wujudnya jurang ekonomi di antara petani dengan lain-lain sektor. Ramai anak-anak muda khususnya meninggalkan kampung untuk ke bandar bagi mendapat perkhidmatan dalam sektor pembuatan. Dengan kata lain sektor pertanian tidak menjanjikan jaminan pendapatan yang stabil. Kesan daripada itu banyak tanah terbiar, pendapatan para petani merosot, kadar kemiskinan yang tinggi, kadar pengangguran luar bandar juga tinggi dan seterusnya.

Kemudian kita percaya bahawa bumi Malaysia mempunyai tanah yang subur untuk dijadikan pusat pengeluaran makanan di rantau ini ditambah dengan hasil ternakan dan juga laut. Adalah bukan perkara mustahil kita mampu memenuhi permintaan penduduk-penduduk di negara ini malah mampu untuk mengeksport ke negara lain. Apa yang penting adalah kesungguhan kita untuk berusaha ke arah itu. Kita miliki kepakaran, banyak agensi kerajaan yang ditubuhkan ke arah tersebut. Apa yang diperlukan lagi ialah ketelusan dan kesungguhan di dalam melaksanakan dasar yang telah kita sama-sama rancangkan itu.

Kemudian kita pergi kepada aspek kebersihan dan keselamatan makanan adalah bergantung kepada halal dan haram yang perlu dijelaskan kepada masyarakat agar benar-benar memahami makna jaminan keselamatan makanan yang sebenarnya seperti yang diperuntukkan di dalam Islam bagi umat Islam. Permasalahan sekarang ini timbul pula terhadap barangan yang tidak jelas halal dan haram. Ada di antara halal dan haram sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Besut tadi ada di sana perkara-perkara yang tidak jelas. Inilah barangkali yang disebut oleh Nabi S.A.W dalam sebuah hadis yang panjang yang saya sempat sebut di sini iaitu [*Membaca sepotong hadis*] Yang bermaksud, halal itu terang dan haram itu terang. Di antara kedua-duanya ada perkara yang samar-samar yang tidak diketahui oleh sebahagian besar daripada orang ramai, tetapi siapa yang menjauhi dirinya daripada perkara-perkara yang samar itu, sesungguhnya dia telah mensucikan agamanya dan kehormatannya. Bagi siapa yang jatuh di tempat yang samar itu, nescaya dia jatuh di tempat-tempat yang diharamkan oleh Allah S.W.T seperti penggembala kambing yang sentiasa bawa kambingnya di kawasan larangan, lama-lama kambingnya akan terjatuh di kawasan-kawasan yang dilarang tadi.

Bagi setiap pemerintah, ada kawasan larangannya. Maka larangan bagi Allah S.W.T. itu, tempat yang dilarangkan oleh Allah. *“Ketahuilah bahawa sahabat-sahabatku, sesungguhnya dalam jiwa manusia, dalam diri manusia, ada seketul darah. Apabila betul darah itu, maka betullah perjalanan tubuh badannya dan apabila rosak darah itu, maka rosaklah seluruh perjalanan tubuh badannya.”* Ingatlah, dia adalah hati yang berada dalam tubuh badan manusia yang berkait dengan makan dan minum itu sendiri. Ini disebabkan pasaran dagangan untuk barangan makanan begitu luas. Produk yang dihasilkan dari negara Barat, luar, boleh didapati dan diperolehi di negara umat Islam melalui aktiviti import dan eksport.

Walaupun sudah tertera bahan-bahan yang terkandung ataupun digunakan di bungkusannya, tetapi ramai pengguna yang tidak memahami dan tidak boleh menimbulkan persoalannya. Contohnya, gelatin yang digunakan di dalam sebahagian daripada penghasilan produk makanan yang diimport. Kekurangan maklumat dan kesukaran mendapatkan maklumat tentang sesuatu barangan antara puncanya selain daripada kekurangan pengetahuan pengguna itu sendiri terhadap sesuatu bahan yang digunakan. Dasar perdagangan antarabangsa tidak hanya memihak kepada produk itu halal sahaja, tetapi ianya lebih berbentuk universal.

Maka, peranan yang lebih berkesan perlulah diusahakan oleh agensi kerajaan yang terlibat agar maklumat yang tepat dan cepat dapat disalurkan kepada pengguna di negara ini sebelum sesuatu produk itu dipasarkan. Saya ceritakan satu kes sewaktu saya belajar di Iraq, di Baghdad dahulu, tahun 1972 sehingga seterusnya di mana di satu kedai runcit, dijual kepada orang Islam, makanan bertin. Di kawasan itu, semua penduduk membeli makanan itu, daging. Mereka tidak mengetahui dengan tulisan bahasa Inggerisnya.

Barangkali Menteri Perdagangannya tidak melihat terlebih dahulu dan tidak membuat suatu analisa yang baik. Akhir sekali umat Islam makan dengan begitu lamanya sehinggalah kita, pelajar-pelajar Malaysia yang datang untuk mengikuti kursus kedoktoran melihat bahawa tanda daging babi sedangkan bertahun-tahun umat Islam makan daging khinzir itu

Itu menunjukkan bahawa kawalan tidak dibuat walaupun Iraq disebut sebagai sebuah negara Islam. Ini menunjukkan bahawa ia boleh berlaku di mana-mana bila pengimport itu sendiri tidak mengambil perhatian yang serius sebelum daripada diedar, dipasarkan makanan ini kepada masyarakat. Selain daripada agensi kerajaan JAKIM mengeluarkan sijil serta logo halal kepada syarikat pengeluaran

makanan, program latihan dan penerangan juga harus diberikan kepada setiap syarikat pengeluaran makanan di negara ini agar mereka benar-benar mendapat garis panduan yang telah ditetapkan.

Sijil dan logo halal haruslah dikeluarkan, bukan sahaja kepada syarikat pengeluaran yang berminat untuk memohon sahaja, tetapi pemeriksaan juga harus dilakukan kepada semua syarikat pengeluar dan pengedar makanan di negara ini. Walaupun ada beberapa agensi pengeluaran sijil halal, haram di negara pengeksport makanan, tetapi tidak kesemuanya boleh dipercayai kerana ada sesetengahnya yang tidak melakukan pemeriksaan yang teliti. Maka, amatlah penting gabungan Persatuan Pengguna Islam diberikan kuasa untuk mempengaruhi syarikat makanan mengimport makanan yang disahkan halal di pasaran tempatan selain peranan pihak kerajaan itu sendiri.

Adalah penting pihak kerajaan mempertingkatkan keupayaan dalam penyelidikan yang lebih terperinci bersama-sama dengan pakar pemakanan dengan latar belakang pengalaman dalam bidang pemakanan untuk memastikan kesahihan halal ataupun haram sesuatu produk makanan tersebut. Pihak kerajaan juga harus memastikan barangan makanan yang hendak diimport dari negara Barat haruslah negara pengeluar itu mempunyai suatu agensi ataupun badan Islam yang bertanggungjawab, yang mempunyai kuasa dan kebolehan menentukan status halal ataupun haram produk tersebut.

Pengalaman saya juga sewaktu saya belajar di Arab Saudi dahulu, di Riyadh, di mana kami tinggal di asrama. Sekali-kala kami pergi beli ayam di *supermarket*, beli ayam, beli ikan dan daging. Beli ayam biasalah, ditulis di sampul ayam itu, [*Membaca iklan dalam bahasa Arab*] yang bermaksud: “*Ertinya ayam ini disembelih dengan cara Islam*”. Lama-lama kami pergi beli ikan pula, nak tahu pergi beli ikan. Rupa-rupanya di ikan juga dia tulis [*Membaca iklan dalam bahasa Arab*] yang bermaksud: “*Ikan ini disembelih dengan cara Islam*”. Ertinya tipulah itu. [*Ketawa*].

Ikan sembelih apa, dalam Islam tidak sembelih ikan ini. Ertinya kerana tidak ada di sana penelitian, tidak ada pengawasan. Ini berlaku di Arab Saudi yang negaranya boleh dikatakan negara Islam. [*Membaca iklan dalam bahasa Arab*] yang bermaksud ikan pun disembelih dengan cara Islam, ertinya kerana tidak ada pemantauan yang dibuat pada tiap-tiap tahun ataupun pada 6 bulan sekali. Oleh kerana itulah, negara kita sendiri pun mesti buat pemantauan dan mesti jamin kepada badan-badan khususnya daging-daging yang diimport daripada India kerana

ramai kalangan kita sekarang ini memang membeli daging dari sana kerana daging tempatan mahal apalagi lembu kita terlibat dengan penyakit-penyakit tempatan dan sebagainya. Kita import daging dari India, Australia dan sebagainya. Kita pastikan daging-daging ini, pertama sekali diawasi oleh badan Islam,

Yang kedua, di waktu ia dibawa masuk ke sini, tidak bercampur gaul dengan daging-daging lain yang mana darah-darahnya mengalir. Saya diberi maklumat ini oleh orang-orang terbabit, sahabat-sahabat saya juga yang banyak terlibat dengan pengimport daging ini menyebutkan bahawa dalam kapalnya itu, darah-darah barangkali darah-darah yang belum beku ini mengalir sehingga jangkitan darah ini kepada daging-daging ini sehingga boleh menyebabkan bercampur gaul di antara yang halal ataupun yang diharam. Kalau betul, mesti pihak kementerian buat penyiasatan dan kalau tidak betul, setakat itu sahaja yang saya pohonkan. Kerjasama daripada pihak kerajaan dan badan ataupun agensi di dalam dan di luar negara tersebut adalah perlu diadakan untuk memastikan.....[Disampuk]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi, Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan daging yang diimport dan barang-barang lain, barang-barang dalam tin yang diimport daripada luar negara ke Malaysia ini yang dipertikaikan daripada segi halal dan haramnya. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, setuju atau tidak setuju dengan saya. Kita mengetahui Malaysia ini, rata-rata rakyat Malaysia ini terutama sekali orang-orang yang *high class* sedikit, dia suka makan tomyam daripada Thailand dan kita ketahui tomyam ini, sos dia itu daripada Thailand. Jadi, tin yang biasa, ditulis dengan bahasa Siam dalam bahasa Thai, bukan bahasa Inggeris ataupun Bahasa Malaysia ataupun dengan bahasa-bahasa lain tulisan dia. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju yang selama ini kita makan tomyam di kedai-kedai orang Islam ini dengan keadaan yang kita sendiri tidak meneliti sos itu halal atau haram. Adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Memanglah penggunaan makanan daripada produk Thailand ini tersebar luas di negara kita khususnya tomyam. Tomyam ini makanan yang begitu laris sekali di kedai-kedai makan khususnya di pantai timur

Terengganu, Kelantan, Kuala Lumpur, Selangor top sekali sekarang ini kerana biasa kita tengok sekarang ini di mana sahaja ada restoran ini ada orang daripada Thailand. Jadi saya bersetuju benar kalau dibuat suatu pemantauan atau sedikit kajian apakah dia termasuk bahan-bahan yang tidak diharamkan oleh syarak dan kalau dia terlibat dengan perkara-perkara yang diharamkan maka hendaklah dibatalkan. Kalau tidak diharamkan maka diteruskan kerana makanan ini mesti kita sebagaimana saya baca hadis Rasulullah s.a.w. tadi bukan kepada orang Islam sahaja sebenarnya.

Tadi saya dengar sahabat kita daripada Gelang Patah yang bercakap masalah khinzir. Sebenarnya dalam Islam sudah lama tidak membenarkan orang Islam. Barangkali orang yang tidak Islam mesti membuat sedikit kajian mengapa dalam Islam mengharamkan kerana Tuhan ini satu sahaja. Tuhan bagi orang Melayu Tuhan itu juga. Tuhan bagi orang lain pun Tuhan kepada langit dan bumi. Bila dia buat langit dan bumi ini dia tahulah apa yang ada di dalamnya. Bukan bermaksud Tuhan orang Melayu sahaja Tuhan seluruh manusia. Kerana itulah sedikit pengamatan perlu dibuat barangkali dalam babi ini ada benda-benda yang boleh membawa kepada kesan yang tidak baik kepada manusia.

Barangkali kerana itulah kita orang Islam ini kita tidak makan walaupun sesetengah orang Islam minum arak. Ada orang Islam minum arak tetapi babi dia tidak makan. Dia jijik babi. Arak dia minum. Ini pelik juga orang Islam ini. Sejenis manusialah, manusia Islam, sepatutnya bila babi tidak boleh makan arak pun tidak boleh minum juga. Tetapi arak dia minum babi dia tidak makan. Kalau sudah arak dia minum babi makanlah apa salahnya. Maksudnya begitu dari segi logiknya.

Saya serukan kepada sahabat-sahabat saya Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada yang bukan Islam buat sedikit kajian takut-takut ada di sana unsur-unsur penyakit. Kalau benar maka sama-sama kita patuhi. Bukan masalah agama tetapi masalah kemanusiaan. Saya tidak menyentuh masalah agama. Saya menyentuh masalah kemanusiaan kerana saya yakin dan percaya bahawa Tuhan tidak menolak sesuatu melainkan di sana ada suatu yang tidak baik. Kalau kita buat kajian kita dapat benda-benda sedemikian maka alangkah baiknya bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa untuk mewujudkan suatu keadaan yang sihat lahir dan batinnya.

Kemudian kerjasama dari pihak kerajaan dan badan-badan dan agensi di dalam dan luar negara tersebut amatlah perlu diadakan untuk memastikan produk

yang diimport itu benar-benar selamat dan halal. Misalnya dengan Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) kerana barangkali kita juga mengambil bahan-bahan makanan dari Singapore. Kita boleh bincangkan dengan MUIS sejauh manakah tindakan MUIS di Singapore bagi menentukan makanan ini sampai ke negara mereka. Majlis Agama Islam Indonesia misalnya, Majlis Kerjasama Islam Australia (ACCA), Majlis Pemakanan Islam Amerika (IFACA), Majlis Perundangan Islam Afrika Selatan dan Jawatankuasa Islam di Thailand.

Saya kira sudah termasuk tomyam tadi kerana dia pun ada juga dia ada Majlis Agama Islam di Thailand yang boleh membuat pemantauan kepada makanan-makanan sedemikian kerana tidak syak makanan-makanan ini adalah hasil rekaan daripada orang Thailand, orang Siam disebutkan. Barangkali ada faktor-faktor ataupun ada benda-benda yang tidak halal di segi syaraknya oleh umat Islam. Apa yang penting kerajaan perlu memperlihatkan ketegasan di dalam melaksanakan peraturan-peraturan Islam bagi orang Islam termasuk dalam aspek penghasilan makanan supaya negara yang ingin memasuki di negara ini mengambil inisiatif memahami peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua pihak bagi kemaslahatan warganegara yang berada di negara kita ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

5.25 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk ikut membahar Akta Makanan ini kerana saya sangat peka mengenai dengan masalah kebersihan.

Pernah saya masuk ke sebuah kawasan gerai-gerai makanan tetapi bukanlah di Kuala Lumpur ini tetapi di Alor Setar. Kawasan gerai-gerai makanan yang dibina oleh Majlis Bandaran tertulis di pengenalan kawasan itu sebagai medan selera. Tetapi bila kita masuk tidak ada selera ma kan kerana kebersihannya tidak dijaga dengan baik bahkan terdapat bangkai-bangkai kucing di bawah meja makanan yang tidak dibuang. Ini menunjukkan bahawa pihak yang terlibat hanya tahu membina gerai tetapi tidak tahu menjaga bagaimana untuk menjamin kebersihan gerai-gerai yang berkenaan. Kadang-kadang ketika kita makan bersama dengan keluarga kucing-kucing itu juga naik ke atas meja untuk makan bersama.

Jadi, ini menunjukkan bahawa kurang pemantauan dan pemerhatian terhadap aspek kebersihan oleh pihak yang mengendalikan gerai-gerai makanan ini. Ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab Kementerian Kesihatan semata-mata tetapi juga oleh kementerian yang berkaitan dengan perniagaan peniaga-peniaga kecil atau penjaja-penjaja ini.

Mengenai dengan Akta Makanan yang akan dipinda ini kerana saya demi keselamatan makanan sebarang pindaan kepada akta induk adalah perlu kalau ianya bertujuan untuk meningkatkan kawalan terhadap mutu makanan kepada semua peringkat penyediaan. Hal ini adalah perlu kerana dalam usaha-usaha mencapai taraf negara maju sebarang bentuk bencana yang berpunca daripada makanan tidak dapat diterima sama sekali. Ini termasuklah peningkatan dalam insiden kes penyakit bawaan air dan makanan seperti taun, desentary, hepatitis A dan sebagainya.

Kejadian kes-kes begini menggambarkan tahap kebersihan diri dan persekitaran negara masih jauh daripada piawaian antarabangsa. Imej negara akan merosot dan pelancong juga akan menjauhi negara kita ini kalau tahap kesihatan makanan dan premis di mana makanan itu dijual tidak dijaga dengan baik dan dengan penuh kebersihan.

Akta Makanan 1983 setahu saya belum pernah mengalami pindaan sejak ianya diluluskan dalam tahun 1983. Walau bagaimanapun, peraturan-peraturan tentang makanan atau *food regulation* yang dikuatkuasakan bersama akta ini telah beberapa kali dipinda bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa dan perubahan zaman. Pindaan kali ini sebenarnya telah lama patut dikemukakan untuk pertimbangan Dewan. Kita tidak boleh bertolak ansur dalam hal yang berkaitan dengan kesihatan kerana nyawa boleh terancam apabila makanan yang diambil oleh rakyat bermutu rendah ataupun mengandungi kuman-kuman yang merbahaya. Kita juga tidak mahu mereka yang terlibat dalam industri makanan mengambil ringan tanggungjawab mereka memastikan makan yang mereka hasilkan bermutu tinggi dan layak dimakan oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah berlaku wabak taun atau cholera dalam jumlah yang tinggi..

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung hari esoklah. Oleh kerana ada usul penangguhan saya minta Menteri membawa usul.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16 (3)**

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sokong.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kertas Putih Mengenai ISA

5.31 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada awal bulan April tahun ini sepuluh orang aktivis reformasi dan ahli parti Keadilan Nasional telah ditahan di bawah ISA, suatu akta yang bererti penahanan tanpa bicara. Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, telah menjelaskan pada 11 April tahun ini bahawa mereka telah ditahan kerana mereka merancang mempengaruhi rakyat membudayakan demonstrasi jalanan dan bertindak secara militan.

Beliau juga mengumumkan antara pendekatan kumpulan aktivis reformasi ialah:-

- (i) melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk mendapatkan bahan letupan termasuk bom dan pelancar granit;
- (ii) menggunakan bom petrol molotov cocktail, ball bearing serta pelbagai senjata berbahaya untuk menyerang pasukan keselamatan bagi menimbulkan huru hara ketika demonstrasi di ibu negara pada Oktober tahun 1998; dan
- (iii) mendapatkan bantuan dan sokongan guru silat serta mempengaruhi sebilangan bekas pegawai dan anggota keselamatan supaya menyertai mereka.

Orang ramai telah menyeru supaya pihak polis mengemukakan bukti yang konkrit untuk menjustifikasikan tuduhan mereka atau membebaskan orang tahanan

sekiranya polis tidak ada bukti yang kukuh, akan tetapi pihak polis belum dapat mengemukakan bukti yang dapat menyokong tuduhan-tuduhan mereka.

Malah, enam orang di antara mereka iaitu Izam Mohd. Nor, Tien Chua, Saari Sungit, Dr. Badrul Amin, Lokman Adam dan Hishamuddin Rais telah dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di Kem Kamunting. Perintah ini dikeluarkan walaupun pihak berkuasa tidak dapat memberikan sebarang bukti yang menunjukkan bahawa mereka telah mengaku salah terhadap dakwaan yang dibuat terhadap mereka.

Pada bulan Mei tahun ini, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Hishamuddin Mohd. Yunus, telah di dalam penghakiman *habeas corpus*nya berkata, sudah sampai masanya Parlimen mempertimbangkan sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri yang asalnya bertujuan untuk menentang keganasan komunis pada tahun-tahun awal kemerdekaan benar-benar relevan kepada situasi semasa negara kita, atau jika pun ISA dikekalkan sekurang-kurangnya sama ada peruntukan-peruntukannya perlu dikaji semula secara terperinci untuk mengelak atau mengurangkan penyalahgunaan yang saya telah tekankan dalam penghakiman ini.

Memang sejarah atau rekod ISA adalah dipenuhi dengan penyalahgunaan kuasa dan penahanan tanpa sebab yang munasabah. Rekod ini telah memalukan negara kita. Sejak akta ini diperkenalkan ramai orang telah menjadi mangsanya. Para ahli politik, aktivis sosial, aktivis kesatuan sekerja, pelajar dan wartawan pernah menjadi mangsa ISA.

Rekod ISA juga merupakan satu penghinaan kepada Parlimen yang telah meluluskannya hanya untuk memerangi kebangkitan komunis pada tahun 60an. Parlimen adalah tempat di mana Akta ISA telah diluluskan. Setelah kerajaan telah begitu kerap memungkir janjinya untuk tidak menggunakan akta ini ke atas ahli politik serta komen yang telah dibuat oleh seorang hakim yang berani, ahli Parlimen tidak boleh menutup mata atau telinga kita seolah-olah isu ini tidak berkaitan dengan Parlimen atau ia adalah satu isu remeh temeh.

Justeru itu, demi prinsip keadilan, semangat demokrasi, akauntabiliti kerajaan dan kredibiliti polis serta maruah dan kewibawaan Parlimen sendiri, kerajaan hendaklah membentangkan satu Kertas Putih mengenai ISA supaya semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti dapat membahaskan dua aspek yang penting iaitu penyalahgunaan ISA oleh polis dan kerajaan dan soalan relevan dan pemansuhan ISA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada ucapan penangguhan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan bahawa kementerian saya ingin memberitahu bahawa setiap undang-undang yang digubal adalah bertujuan bagi melindungi kepentingan rakyat dan keselamatan negara.

Justeru itu, Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) ISA, dengan izin, telah pun digubal di bawah kuasa Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan pencegahan ataupun preventive, dengan izin, untuk membendung dan menangani apa juga ancaman yang boleh membawa kepada bahaya rakyat dan juga negara.

Hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, ISA diwujudkan bagi mencegah dari sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soal di sini apakah kita sanggup me lihat kekacauan dan ketidakstabilan berlaku baru kita hendak bertindak? Apakah kita semua ini mungkin ingin melihat insiden Kampung Medan diputar kembali di hadapan kita barulah kita mengatasi?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang wujudnya desakan-desakan supaya ISA dimansuhkan dan hari ini, kementerian telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat Kota Melaka supaya kerajaan membentangkan Kertas Putih mengenai ISA di Parlimen. Usul yang dibangkitkan telah dikaji dengan teliti tetapi kerajaan sebaliknya tidak berhasrat untuk memenuhi Usul tersebut kerana umum mengetahui bahawa ISA adalah satu akta yang telah pun diluluskan oleh Parlimen.

Sebagai sebuah akta bagi tujuan pencegahan, kerajaan berpendapat bahawa Usul ini tidak wajar diperkenan berdasarkan alasan yang berikut:-

- (i) Kementerian Dalam Negeri berpuas hati tidak terdapat penyalahgunaan kuasa dalam penangkapan beberapa orang aktivis reformasi. Penahanan yang dilakukan oleh kerajaan bukanlah bermotif politik tetapi merupakan satu tindakan segera yang perlu diambil kepada sesiapa sahaja yang menjalankan aktiviti yang memudaratkan:-

- (a) keselamatan negara kita.
- (b) penyenggaraan perkhidmatan perlu dalam Malaysia; dan
- (c) kehidupan ekonomi Malaysia.

Dari rekod-rekod yang kerajaan bersedia untuk menunjukkan kepada semua pihak selama ini hanya terdapat enam orang dari jumlah orang yang ditahan di dalam Kem Kamunting melibatkan diri dalam kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara ini. Dan mereka ini adalah baru-baru sahaja dimasukkan enam orang dari geng reformasi yang telah pun melakukan begitu banyak hingga ketenteraman Malaysia terjejas.

- (ii) Terdapat bukti-bukti yang membolehkan seseorang itu ditahan di bawah peruntukan-peruntukan di dalam akta dan seterusnya menteri berpuas hati supaya penahanan itu perlu dibuat. Seperti kita semua maklum, sebelum seseorang dimasukkan di dalam Kem Kamunting, kononnya di bawah ISA semua siasatan terperinci akan dijalankan oleh pihak polis dan bila habis siasatannya yang terperinci, polis akan menyerahkan segala hasil siasatan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan beliau akan menggunakan kebijaksanaan dan beliau juga harus berpuas hati bahawa mereka ini betul-betul melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang di bawah peruntukan di dalam ISA, barulah mereka ini ditahan selama dua tahun.
- (iii) Kerajaan berpendapat akta ini masih relevan dan boleh diguna pakai dalam menangani sebarang ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan kerana itulah ia tidak perlu dimansuhkan. Tetapi walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa peka terhadap cadangan pihak-pihak yang berkenaan dan akta ini akan sentiasa dikaji semula dan bagi menyesuaikan dengan keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah jawapan bernas saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 petang.

Julai 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)

- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)

- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- Yang Berhormat Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)

- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- Yang Berhormat Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiand ee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Bāing)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
Yang Berhormat	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
”	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
”	Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Dato’ Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
”	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
”	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI/PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Jilid III**Bil. 29****Selasa****17 Julai 2001**

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

– Kebenaran Bercuti (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 29)

RANG UNDANG-UNDANG:

– Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000 (Halaman 30)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 122)

UCAPAN PENANGGUHAN:**Kertas Putih Mengenai ISA**

– *Y.B. Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]* (Halaman 123)